

BAB TIGA

SITUASI MALAYSIA

3.0 Pendahuluan

Pada huraian di dalam Bab Dua penulis telah menghuraikan secara konseptual persoalan pemimpin agama yang berlatarbelakang huraian agama iaitu Agama Islam dan Kristian, peranan yang harus dilaksanakan dalam *intra dialogue* dan *inter dialogue* oleh setiap pemimpin agama, rasional-rasional penglibatan pemimpin agama di dalam pelaksanaan dialog dan huraian pemimpin agama dari konteks realiti Malaysia termasuk pembinaan *Diagnostic RL(Religious Leader)* iaitu suatu kerangka untuk memilih ciri-ciri pemimpin agama yang ideal dalam konteks menjadi ejen pelaksanaan dialog antara agama secara khusus dan hubungan antara agama secara umum di Malaysia dengan merujuk kepada pemimpin agama Islam dan Kristian.

Maka dalam bahagian ini penulis akan memberi penekanan kepada perbincangan situasi di Malaysia iaitu yang berlatarbelakang tahun 2001 sehingga 2010, merujuk kepada kerangka kajian sebagaimana yang dinyatakan oleh penulis di dalam Bab Satu. Di antara faktor kejayaan pelaksanaan dialog antara agama dan kefahaman pemimpin agama terhadap kepentingan dialog antara agama adalah berasaskan kepada tuntutan semasa seperti polisi kerajaan serta polisi badan-badan agama dan faktor politik di peringkat nasional. Penulis juga mengambil perhatian bahawa pemimpin agama sebagaimana fokus kajian ini adalah

tidak bersifat individu. Ini adalah kerana mereka bernaung di dalam badan-badan tertentu seperti majlis-majlis agama, persatuan agama, badan agama, organisasi agama sebagaimana dihuraikan dalam Bab Satu. Oleh itu sudah pasti setiap badan-badan tersebut mempunyai dasar, objektif dan matlamat tersendiri terutama melibatkan hubungan antara agama dan secara khusus dalam dialog antara agama. Justeru pada pengamatan penulis semua ini juga akan memberi kesan kepada realiti pelaksanaan dan penglibatan pemimpin agama di dalam pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia secara khusus dan hubungan antara agama secara umum.

Justeru adalah amat penting untuk penulis mengkaji (1) polisi kerajaan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia⁴³⁹ Kelapan (RM8) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RM9).⁴⁴⁰ Penulis akan meneliti sejauh mana polisi dan dasar kerajaan Malaysia berkaitan hal-hal hubungan antara agama dirancang dan dilaksanakan iaitu meliputi hal-hal pembangunan komunikasi dan interaksi antara agama dan kaum, dialog antara agama secara langsung dan tidak langsung, kesefahaman, toleransi dan perpaduan. (2) Meneliti dasar, objektif, matlamat organisasi yang menaungi pemimpin agama Islam iaitu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) secara khusus Majlis Fatwa Kebangsaan, Jabatan Mufti Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri iaitu di Bahagian Dakwah bagi Pegawai Agama Bahagian Dakwah. Semua badan-badan ini diselia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Fokus akan dilihat dari aspek pembangunan dialog, komunikasi dan pembinaan hubungan

⁴³⁹ Rancangan Malaysia adalah satu pelan perancangan pembangunan Negara Malaysia sama ada jangka pendek iaitu lima tahun dan jangka panjang.

⁴⁴⁰ Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan dijadikan fokus untuk kajian ini adalah kerana kedua-dua rancangan ini berada di dalam kerangka batasan kajian iaitu bermula pada tahun 2001 hingga 2010. Ini juga telah dihuraikan dalam definisi tajuk di dalam Bab Satu.

antara agama. (3) Meneliti dasar, objektif, matlamat organisasi yang menaungi pemimpin agama Kristian iaitu Majlis Gereja SeMalaysia, Gereja Katolik Malaysia dan Gereja Evangelical Malaysia, di mana semua organisasi ini bernaung di bawah Persekutuan Kristian Malaysia. Fokus juga akan dilihat dari aspek pembangunan dialog dan hubungan antara agama.

Seterusnya penulis akan menghuraikan isu-isu utama sekitar tahun 2001 hingga 2010 yang telah mempengaruhi hubungan antara agama Islam dan Kristian sehingga melahirkan konflik antara agama seperti (1) isu murtad (kes Lina Joy), (2) isu Negara Islam-Hudud, (3) isu penggunaan kalimah Allah, (4) isu penerbitan bible dalam Bahasa Malaysia. Seterusnya penulis akan meneliti peranan yang dimainkan oleh pemimpin agama Islam dan Kristian untuk menyelesaikan isu-isu ini dalam kerangka pelaksanaan dialog yang dinyatakan di dalam *Diagnostic RL(Religious Leader)* sebagaimana dibangunkan di dalam Bab Dua. Dengan ini penulis akan dapat membuat kesimpulan awal apakah realiti peranan yang dimainkan oleh pemimpin agama Islam dan Kristian dalam pelaksanaan dialog sebagai platform penyelesaian konflik antara agama dalam isu-isu utama sekitar tahun 2001-2010.

3.1 Perubahan Demografi masyarakat beragama Islam dan Kristian

Perubahan demografi populasi masyarakat di Malaysia adalah perkara yang amat penting untuk diambil perhatian kerana ia memberi kesan kepada fenomena politik tanah air, perubahan sosial, perubahan ekonomi atau dasar-dasar kerajaan.⁴⁴¹ Malaysia adalah sebuah

⁴⁴¹ Albert Sundaraj Walter, "Issue in Christian-Muslim Relation:", 68.

negara yang bersifat majmuk di mana masyarakatnya terdiri daripada pelbagai agama, kaum, etnik, budaya dan bahasa. Sebagaimana telah dinyatakan oleh Hussin Mutalib:

*“Malaysia exemplifies the phenomenon of social and cultural pluralism. The diversity extends beyond the simple ethnic composition of the population; it includes differences in religion, attire, food and eating habits, attitudes and social custom”*⁴⁴²

Merujuk kepada laporan yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pada tahun 2010 jumlah populasi rakyat Malaysia adalah seramai 28.33 juta.⁴⁴³ Mengikut pecahan penganut agama menunjukkan 61.3 % adalah beragama Islam, 19.8 % beragama Buddha, 9.2 % beragama Kristian, 6.3 % beragama Hindu, 1.3 % beragama Konfusianism, Toa dan agama lain tradisi orang Cina dan 2.1 % adalah agama-agama lain, tiada agama dan tidak diketahui.⁴⁴⁴ Jika diteliti populasi mengikut pecahan penganut agama pada tahun 2000 pula ia menunjukkan bahawa penganut beragama Islam adalah 60.4 %, 19.2 % beragama Buddha, 9.1 % beragama Kristian, 6.2 % beragama Hindu, 2.6 % beragama Konfusianism, Toa dan agama lain tradisi orang Cina, dan 2.5 % adalah agama-agama lain, tiada agama dan tidak diketahui.⁴⁴⁵ Ini menunjukkan bahawa telah berlaku peningkatan populasi penganut agama dalam tempoh 10 tahun iaitu bermula pada tahun 2001 hingga 2010 iaitu Islam 0.9 %, Budha 0.6 %, Kristian 0.1 %, Hindu 0.1 %. Manakala bagi agama Konfusianism, Toa dan agama lain tradisi orang Cina, dan agama-agama lain, tiada agama dan tidak diketahui menurun kepada 1.3 % dan 0.4 %.

⁴⁴² Hussin Mutalib, *Islam and Ethnicity in Malays Politics*, (Singapore: Oxford University Press, 1990), 26.

⁴⁴³ Jumlah tepat mengikut jabatan adalah seramai 28,334,125 orang. Rujuk *Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia: Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi 2010*, (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2011), 82.

⁴⁴⁴ *Ibid.*, 82. Peratusan ini dibuat adalah berdasarkan jumlah keseluruhan penganut setiap agama di Malaysia sebagaimana yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

⁴⁴⁵ Albert Sundaraj Walter, “Issue in Christian-Muslim Relation:”, 68.

Jika diteliti kepada populasi penganut, didapati penganut agama Buddha adalah diperingkat kedua berbanding populasi penganut agama Kristian ketiga. Kenaikkan peratus populasi dari tahun 2001-2010 juga turut mendapati agama Buddha masih mengatasi agama Kristian dengan 0.6 % ke 0.1 % dengan jumlah keseluruhan penganut seramai 5.6 juta ke 2.6 juta. Walaubagaimanapun secara realitinya agama Islam di Malaysia tidak menghadapi banyak masalah besar dengan agama Buddha berbanding agama Kristian.⁴⁴⁶ Berdasarkan realiti ini penulis merasakan pelaksanaan dialog antara agama ini adalah salah satu platform terbaik untuk mengurangkan permasalahan mahupun konflik yang timbul terutama pelaksanaan dialog di kalangan pemimpin agama Islam dan Kristian sebagaimana fokus kajian ini.

3.2 Dasar Kerajaan

3.2.1 Dialog Antara Agama⁴⁴⁷ dalam Dasar Pembangunan Negara - Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

⁴⁴⁶ Merujuk kepada pengalaman penulis menjalankan kajian berkaitan dialog antara agama yang melibatkan hubungan antara agama di Malaysia bermula tahun 1980-2010 didapati isu-isu yang sering dibahaskan oleh kebanyakan pengkaji adalah isu-isu hubungan di antara agama Islam dan agama Kristian berbanding agama-agama lain. Di antaranya rujuk perbincangan isu-isu berkaitan agama Islam dan Kristian di Malaysia dalam Ghazali Basri, "A Comparative Study on Religious Tolerance:", 98-130; Ahmad F. Yousif, *Religious Freedom, Minorities and Islam: An Inquiry Into the Malaysian Experience*, (Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd., 1998), 83-104-159-188; Nathaniel Tan dan John Lee et al. ed., *Religion Under Siege?*, (Petaling Jaya: Kini Books, 2008)(rujuk semua artikal di dalam buku ini); Julian C.H.Lee, *Islamization and Activism in Malaysia*, (Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre(SIRD), 2010)(rujuk keseluruhan kandungan buku ini); Khairulnizam Mat Karim, 'Realiti Aplikasi Dialog Anantara Agama di Malaysia:', 70-95.

⁴⁴⁷ Analisa hubungan yang dilaksanakan terhadap dasar kerajaan iaitu di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan ini dengan konsep dialog antara agama adalah berdasarkan perbincangan terperinci konsep asas-asas dialog antara agama yang mengandungi, (1) definisi dialog-dialog antara agama, (2) tujuan, (3) prinsip, (4) panduan dan (5) peraturan dialog. Dari aspek pendefinisian ia merangkumi perbincangan (a) bahasa iaitu (i) Bahasa Melayu, (ii) Bahasa Inggeris dan (iii) Bahasa 'Arab.(b) Pengistilahan dialog dalam al-Qur'an, (c) aplikasi Nabi Muhammad dalam pelaksanaan dialog, (d) perbincangan daripada pemikir-pemikir Islam lampau dan kontemporari dan (e) pemikir barat. Penganalisaan pendefinisian yang terperinci sebegini adalah amat penting kerana untuk memaparkan unsur-unsur atau elemen-elemen dialog yang wujud dalam definisi – praktikal pelaksanaan aktiviti dialog. Sandaran kepada pandangan barat seperti perkara (e) di atas, diambil hanya yang bersesuaian dan tidak melanggar atau bercanggah dengan pandangan Islam. Manakala asas-asas

Matlamat dan rangka dasar pembangunan negara Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kelapan adalah untuk memacu “*pertumbuhan mampan dan pengukuhan daya tahan ekonomi serta mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan saksama.*”⁴⁴⁸ Dalam ucapan pendahuluan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini Perdana Menteri Malaysia Keempat iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohamad ada menyatakan tentang kepentingan membina toleransi, perpaduan, keamanan, kemakmuran, integrasi, perkongsian maklumat untuk membangunkan negara tambahan dalam negara yang mempunyai latarbelakang masyarakat yang pelbagai. Beliau menyatakan,

*“...Kita perlu bekerja keras untuk menghadapi cabaran dalam membentuk masyarakat yang matang, liberal dan toleran yang mana semua rakyat bebas mengamalkan adat, budaya dan kepercayaan agama masing-masing. Hanya melalui ini sahaja, kita dapat membina negara Malaysia yang bersatu padu, mempunyai perasaan dan semangat berkongsi maklumat bersama, keamanan dan kemakmuran, perpaduan di kalangan pelbagai etnik, hidup dalam harmoni serta ikatan perkongsian yang saksama. Dengan itu, kita dapat membentuk Bangsa Malaysia yang setia dan berdedikasi kepada negara.”*⁴⁴⁹

dialog yang lain iaitu daripada perkara (2) hingga (5) di atas tetap disandarkan kepada perspektif Islam dan barat. Huraian lanjut terhadap konsep asas-asas dialog yang telah dibangunkan oleh pengkaji dalam bidang dialog antara agama rujuk dalam, Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia:”, 25-69. Rujukan-rujukan asal kepada pembangunan konsep asas dialog antara agama yang turut diteliti oleh penulis adalah seperti Abdul Azizi Othman Altwaijri, *Dialogue and Civilizational Interaction from Islamic Perspective*, (Cairo: Islamic Education, Scientific and Cultural Organization (ISESCO), 1997), 14-23; Al-Fārūqī, *Christian Ethics: A Historical and Systematic Analysis of Its Dominant Ideas*, (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1999), 14-21; Al-Fārūqī, “Islam and Christianity: Problem and Perspective”, dalam *The World in the Third World*, ed. J.P. Cotter, (Washington: Corpus Book, 1968), 250-256; Leonard Swidler, “Religious Pluralism and Ecumenism from a Christian Perspective”, dalam *Religious Issues and Interreligious Dialogue: An Analysis and Sourcesbook of Developments Since 1945*, ed. et al Charles Weihsun Fu, (t.tp:t.p, 1989), 338-339.

⁴⁴⁸ *Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*, (Putrajaya:Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 2001), 3.

⁴⁴⁹ *Ibid.*, vii.

Rancangan Malaysia ini pada hakikatnya ditunjangi oleh Dasar Wawasan Negara⁴⁵⁰ di mana objektifnya adalah untuk mencapai perpaduan Nasional.⁴⁵¹ Bagi merealisasikan objektif ini Dasar Wawasan Negara merangkumi teras kritikal dan salah satu daripadanya berkait terus terhadap fokus kajian ini iaitu “ *membina bangsa yang berdaya tahan dengan memupuk perpaduan, menyemarakkan semangat patriotik, membentuk kematangan politik, membina masyarakat supaya lebih bertolak ansur dan penyayang yang tersemat dengan nilai positif serta meningkatkan kualiti hidup dan keutuhan ekonomi*”.⁴⁵² Maka untuk mencapai matlamat tersebut kerajaan Malaysia telah menetapkan 10 teras utama⁴⁵³. Di antara teras yang berkait rapat dengan fokus kajian ini adalah teras yang ke sembilan iaitu teras Penanganan Isu Sosial. Teras ini menyatakan,

“...globalisasi mempunyai impak dan mungkin mengancam keutuhan struktur kekeluargaan dan komuniti tradisional serta mempengaruhi nilai-nilai budaya dan norma dalam integrasi sosial dan pembinaan nusa bangsa. Usaha-usaha perlu dilaksanakan untuk memastikan masyarakat mempunyai daya tahan untuk menghadapi pengaruh negatif yang mungkin memberi kesan kepada asas keharmonian dan toleransi sosial”.⁴⁵⁴

⁴⁵⁰ Dasar Wawasan Negara adalah dasar yang berpandukan kepada cabaran strategik Wawasan 2020 yang menyediakan halatuju Negara untuk menjadi sebuah Negara yang maju menjelang tahun 2020. Untuk maklumat lanjut berkaitan Dasar Wawasan Negara dan Wawasan 2020 rujuk; Harlina Ismail, “Wawasan 2020”, dalam *Dasar-dasar Utama Negara Kerajaan Malaysia*, ed. Yusuf Ismail, (Kuala Lumpur: A.S Nordeen, 2010), 202-215; Nadzan Haron dan Rozeman Abu Hasan, *Malaysia Melangkah ke Hadapan*, (Puchong: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd., 2010), 254-256; Mardian Nordin dan Hasnah Hussiin, *Pengajian Malaysia*, (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 2005), 227-233.

⁴⁵¹ “*Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*”, 4

⁴⁵² *Ibid.*

⁴⁵³ Teras pembangunan Rancangan Malaysia kelapan yang lain adalah; (1) Pengekalan Kestabilan Ekonomi Makro, (2) Pembasmian Kemiskinan dan Penyusunan Semula Masyarakat, (3) Pertumbuhan yang didorong oleh Produktiviti, (4) Peningkatan Daya Saing Sektor Utama, (5) Perluasan Penggunaan Sains dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, (6) Peningkatan Pembangunan Sumber Manusia, (7) Pencapaian Pembangunan Mampuan, (8) Peningkatan Kualiti Hidup, (9) Penanganan Isu Sosial dan (10) Pengukuhan Nilai Moral dan Etika. Maklumat lanjut rujuk; *Ibid.*, “*Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*”, 11-25

⁴⁵⁴ *Ibid.*, 20.

Dalam Teras Kesembilan, Bab ke Lapan Belas di bawah tajuk “Pekhidmatan Sosial Yang Lain”, terdapat satu bahagian yang membincangkan mengenai proses Pembangunan Masyarakat. Matlamatnya amat jelas iaitu suatu usaha akan dilaksanakan untuk meningkatkan integrasi sosial dan pembangunan bangsa Malaysia serta meningkatkan keharmonian sosial dan toleransi dalam konteks masyarakat Malaysia yang pelbagai latarbelakang agama mahupun etnik. Maklumat lengkap dinyatakan di dalam Kotak 3.1⁴⁵⁵ seperti di bawah:

Kotak 3.1: Huraian berkaitan bahagian “Pembangunan Masyarakat” dalam Rancangan Malaysia Kelapan

Pembangunan Masyarakat

18.97 Globalisasi yang pesat akan memberi kesan ke atas keteguhan struktur keluarga dan masyarakat tradisional, serta mempengaruhi nilai-nilai budaya dan norma-norma dalam integrasi sosial dan pembentukan bangsa. Dengan demikian, usaha akan diambil bagi memastikan masyarakat mempunyai daya tahan untuk melawan pengaruh negatif yang boleh memberi kesan ke atas keharmonian sosial dan toleransi. Bagi tujuan ini, program pembangunan masyarakat akan dipergiatkan di kawasan bandar dan luar bandar bagi memberi tumpuan kepada pemupukan hidup berjiran dan harmoni di kalangan berbagai masyarakat serta menanam semangat berdikari.

18.98 Dengan menyedari kepentingan untuk memastikan golongan muda disemai dengan nilai toleransi dan hormat-menghormati, manakala pada masa yang sama menyediakan mereka untuk persekolahan formal, kelas pra-sekolah akan terus ditubuhkan. Di samping itu, sekolah wawasan akan diwujudkan untuk memudahkan pergaulan di kalangan kanak-kanak daripada latarbelakang etnik yang berbeza. Sekolah juga akan digalakkan untuk memperkenalkan aktiviti ko-kurikulum tambahan seperti penubuhan kelab perpaduan bagi menggalakkan dan memperkukuhkan lagi pemahaman antara kaum.

18.99 Skop program Rukun Tetangga akan diperluaskan untuk memasukkan usaha jangkauan sosial yang memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran yang khusus seperti orang kurang upaya, ibu tunggal dan bekas penagih dadah. Persatuan penduduk dan kelab sosial dan rekreasi yang ditubuhkan di kawasan yang tidak mempunyai Rukun Tetangga juga akan digalakkan untuk memperluaskan program 439 jangkauan sosial mereka bagi menggalakkan sikap hormat-menghormati dan toleransi di kalangan masyarakat.

18.100 Pelbagai usaha untuk menggalakkan integrasi nasional akan diambil dalam tempoh Rancangan. Secara khususnya, perayaan Pesta Gawai dan Pesta Kaamatan akan diadakan serentak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi mempamerkan warisan budaya dan tradisi yang kaya oleh pelbagai kumpulan etnik minoriti di Sabah dan Sarawak. Kursus orientasi untuk pegawai dari Semenanjung Malaysia yang bertugas di Sabah dan Sarawak dan sebaliknya juga akan diperluaskan dengan melibatkan kakitangan beruniform dan yang bekerja di sektor swasta.

Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005

⁴⁵⁵ *Ibid.*, 438-439.

Justeru untuk memastikan segala dasar ini dilaksanakan ia memerlukan platform atau badan-badan tertentu. Maka di dalam bahagian teras ke sembilan iaitu Pengukuhan Nilai Moral dan Etika telah dijelaskan bahawa salah satu platform atau badan yang perlu bergerak aktif selain jabatan-jabatan kerajaan⁴⁵⁶ bagi menjayakan pembangunan masyarakat dalam konteks toleransi, kesefahaman, keharmonian integrasi dan seumpamanya adalah peranan pertubuhan agama sebagaimana dinyatakan “...*hormat menghormati dan toleransi akan terus dipupuk dan dipelihara melalui sistem pendidikan, pertubuhan agama dan sosial, badan perniagaan dan media.*”⁴⁵⁷ Ini pada hakikatnya adalah selari sebagaimana kerangka *Diagnostic RL(Religious Leader)* yang dibangunkan oleh penulis di dalam Bab Dua sebelum ini. Walaubagaimanapun sejauhmana keterlibatan badan-badan agama dalam proses ini sama ada Islam mahupun Kristian sebagaimana fokus kajian ini merupakan perkara yang perlu diperhalusi pada bahagian-bahagian akan datang.⁴⁵⁸

⁴⁵⁶ Kementerian yang dipertanggungjawabkan dalam hal-hal agama dan kaum adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Menteri yang bertanggungjawab pada masa tersebut Dato’ Seri Shahrizat binti Abdul Jalil. Manakala jabatan khusus yang bertanggungjawab dalam hal-hal agama dan kaum adalah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

⁴⁵⁷ “*Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*”, 25.

⁴⁵⁸ Penulis berpandangan demikian adalah kerana Tun Dr. Mahathir pada tahun 2002 pernah menyuarakan pandangannya bahawa “*Muslim here [Malaysia] not ready for dialogue*”. Selain itu beliau juga turut mengatakan bahawa ramai di kalangan masyarakat yang masih berfikiran konservatif dan tidak selesa dengan idea pelaksanaan dialog antara agama untuk bertapak di Malaysia. Rujuk *New Straits Time*, Rabu, 27 Februari 2002, 2. Justeru pada pandangan penulis pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan di bawah pemerintahannya dengan memasukkan perancangan-perancangan negara (pembangunan masyarakat majmuk) dengan berunsurkan dialog antara agama (dalam pelbagai aktiviti masyarakat) adalah salah satu permulaan untuk dialog itu difahami oleh masyarakat di Malaysia terutama kumpulan pemimpin agama sebagaimana fokus kajian ini. Jika merujuk kepada pengkaji seperti Khairulnizam, beliau menjelaskan di dalam dapatan kajiannya dalam kerangka tahun 1980-2003 bahawa pandangan mantan Perdana Menteri Keempat itu ada kebenarannya. Beliau menyatakan bahawa penglibatan organisasi dan masyarakat Islam khususnya masih di tahap rendah. Pemimpin-pemimpin agama terutama wakil daripada Islam juga tidak terlibat di dalam dialog antara agama di peringkat awal selepas pelaksanaan dasar Islamisasi. Maklumat lanjut rujuk, Khairulnizam Mat Karim, “*Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia*”, 176. Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan sejarah permulaan dialog antara agama di Malaysia terutama kesan daripada pelaksanaan dasar Islamisasi dan respon-respon agama-agama lain terhadap dasar tersebut, sila rujuk halaman 70-97 dalam kajian yang sama.

3.2.2 Dialog Antara Agama dalam Dasar Pembangunan Negara - Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)⁴⁵⁹

Matlamat Dasar Pembangunan Negara menurut Rancangan Malaysia Kesembilan adalah “*untuk mencapai tahap ekonomi yang lebih kukuh dengan nilai tambah yang lebih tinggi, di samping memberikan tumpuan kepada isu sosioekonomi dan meningkatkan mutu hidup rakyat keseluruhannya.*”⁴⁶⁰ Dalam ucapan pendahuluan Rancangan Malaysia Kesembilan ini Perdana Menteri Kelima iaitu Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah menegaskan bahawa salah satu Misi Nasional⁴⁶¹ dalam rancangan tersebut adalah untuk memperkukuhkan perpaduan negara sebagaimana dinyatakan,

*“Misi Nasional memberikan penekanan terhadap pelaksanaan program yang meningkatkan keupayaan negara untuk bersaing di peringkat global, memperkukuh perpaduan negara dan mewujudkan pengagihan pendapatan dan kekayaan serta kualiti hidup yang lebih baik di kalangan rakyat”.*⁴⁶²

⁴⁵⁹ Keseluruhan perbincangan di bahagian ini adalah berdasarkan idea asal penulis yang telah dibentang di Seminar Antarabangsa Dakwah dan Multi Etnik pada 22-23 Disember 2009, anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Artikel asal ini juga telah diterbitkan di dalam bahagian dalam buku (*chapter ini book*). Maklumat lanjut rujuk, Suzy Aziziyana Saili dan Khairulnizam Mat Karim, “Peranan Dialog antara Agama dalam Pembangunan Masyarakat Malaysia”, dalam *Dakwah dan Multi Etnik*, ed. et al Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2010), 191-193.

⁴⁶⁰ *Rancangan Malaysia Ke Sembilan 2006-2010*, (Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2006), v.

⁴⁶¹ Misi Nasional adalah rangka kerja yang bertujuan memastikan usaha pembangunan negara menghasilkan impak dan prestasi lebih tinggi ke arah pencapaian Wawasan 2020. Maklumat lebih lanjut rujuk, *Ibid.*, 4.

⁴⁶² *Ibid.*, v

Untuk mencapai matlamat tersebut 5 Teras Utama⁴⁶³ dan teras yang berkaitan dengan fokus kajian ini adalah teras kedua iaitu “Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara Serta Memupuk ‘Minda Kelas Pertama’”. Dalam Teras ke 2 ini iaitu Bab ke 15 yang bertajuk “Memupuk Pembangunan Keluarga dan Masyarakat”, terdapat satu bahagian yang membincangkan mengenai proses memupuk “Pembangunan Masyarakat”. Matlamatnya amat jelas iaitu untuk meningkatkan Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara. Sebahagian maklumat berkaitan hal ini telah dinyatakan sebagaimana di dalam Kotak 3.2⁴⁶⁴ seperti di bawah:

Kotak 3.2: Huraian berkaitan bahagian “Pembangunan Masyarakat” dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan

Pembangunan Masyarakat

15.44 Program pembangunan masyarakat dengan objektif untuk memupuk nilai positif, menyemai hidup berjiran dan mengekalkan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang etnik serta menanam semangat berdikari akan terus dilaksanakan di kawasan luar bandar dan bandar.

15.45 Di kawasan bandar, lebih banyak Jawatankuasa Rukun Tetangga akan ditubuhkan dan skop aktiviti akan diperluaskan lagi meliputi golongan muda melalui program Rakan Muda. Usaha yang lebih giat akan dilaksanakan oleh jawatankuasa tersebut untuk menggalakkan penyertaan masyarakat dan memupuk hidup berjiran serta membantu mengurangkan jenayah di kawasan perumahan. Persatuan penduduk serta kelab sosial dan rekreasi akan terus digalakkan untuk memperluaskan program jangkauan sosial untuk menyemai sikap saling menghormati dan bertolak ansur di kalangan pelbagai masyarakat.

15.46 Bagi menggalakkan dan memperkukuhkan lagi kerjasama antara etnik dan meningkatkan persefahaman di kalangan masyarakat, profil penduduk dalam sesuatu kawasan perumahan akan dibangunkan untuk memastikan pendekatan yang lebih sistematik ke arah merancang kegiatan dan melaksanakan inisiatif untuk membangunkan masyarakat. Latihan dalam pelbagai bidang seperti pengurusan konflik dan kaunseling akan dijalankan untuk membolehkan ahli masyarakat menangani cabaran yang dihadapi dalam kehidupan bermasyarakat. Semangat gotong-royong dan komitmen yang tinggi untuk mencapai perpaduan dalam masyarakat yang berbilang etnik dan budaya akan dipupuk melalui pelbagai program.

15.47 Pelbagai program perpaduan yang menggalakkan penglibatan rakyat daripada berbilang etnik diteruskan untuk membolehkan semua peringkat masyarakat berinteraksi dan lebih memahami antara satu sama lain. Program tersebut termasuk aktiviti kebudayaan di peringkat persekutuan dan negeri serta sambutan perayaan pelbagai etnik di negara ini. Usaha akan terus diambil untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat pelbagai etnik terhadap kepentingan perpaduan sebagai agenda utama dalam semua aspek kehidupan dan ianya perlu diamalkan, diterap dan diperkukuhkan dari masa ke semasa.

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010

⁴⁶³ (1) Meningkatkan Ekonomi Dalam Rantian Nilai Lebih Tinggi.(2) Meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara Serta Memupuk ‘Minda Kelas Pertama’. (3) Menangani Masalah Ketidaksamaan Sosioekonomi yang Berterusan Secara Membina dan Proaktif.(4) Meningkatkan Tahap Kemampuan Kualiti Hidup dan (5) Mengukuhkan Keupayaan Institusi dan Pelaksanaan. Maklumat lanjut rujuk; *Ibid.*, 15-19.

⁴⁶⁴ Sumber maklumat ini telah dirujuk dalam *Ibid.*, 337-338.

Merujuk kepada perbahasan di atas iaitu di dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan didapati bahawa di dalam dasar negara turut terdapat perancangan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mempunyai asas dialog antara agama atau interaksi hubungan antara agama. Ini amat bertepatan dengan konsep asas dialog antara agama yang dihuraikan oleh Dr. Kamar Oniah iaitu dari konteks *Dialogue Inter-Religious Co-operation*⁴⁶⁵, Shaharom TM Sulaiman iaitu konsep “Dialog Keseharian” dan “Dialog Sosial”⁴⁶⁶ dan Ghazali Basri dengan konsep “Dialog Kehidupan” dan “Dialog Kerja Sosial”⁴⁶⁷.

⁴⁶⁵ Terdapat pengkaji yang telah merumuskan pandangan Dr. Kamar Oniah terhadap konsep dialog antara agama sebagaimana yang cuba dikaitkan oleh penulis dengan dasar kerajaan seperti di atas sebagaimana dirumuskan; “Konsep dan pemahaman dialog antara agama yang dikemukakan oleh Dr. Kamar Oniah Kamaruzaman pula amat praktikal dan bersesuaian dalam konteks masyarakat majmuk seperti di Malaysia serta dapat menjadi kesimpulan kepada pemahaman sebenar dialog antara agama yang harus berlangsung. Beliau menyatakan bahawa dialog antara agama bukan sahaja membincangkan persoalan teologi, doktrin tetapi harus dijadikan medan untuk mengenal lebih rapat sesuatu agama tersebut di samping sebagai medan untuk menimba ilmu pengetahuan. Selain itu membangunkan hubungan yang rapat dan meningkatkan sifat hormat kepada semua. Dialog juga pada pandangan beliau adalah sebagai medan membentuk satu perancangan (*chart out common plans*) dan merangka pelan bertindak terhadap isu-isu tertentu yang melibatkan kepentingan bersama (*initiate actions for the common good of all*) seperti isu kemanusiaan yang boleh direalisasikan dalam bentuk tindakan bersama seperti aktiviti kemasyarakatan”. Maklumat lanjut rujuk, Khairulnizam dan Suzy Aziziyana Sali, “*Dialog Antara Agama*.”, 18. Rujuk juga Kamar Oniah, “Inter-Faith Dialogue-Moving Forward: Setting Premises and Paradigm”, dalam *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibbah Perspective (A Collection of Seminar Paper)*, (t.tp: IIUM Press, 2010), 131-132.

⁴⁶⁶ Dialog keseharian yang dihuraikan oleh Shaharom TM Sulaiman adalah dialog yang berlangsung dalam kehidupan seharian di antara pelbagai etnik seperti berinteraksi, berkomunikasi di kawasan kejiranan, tempat kerja, sekolah, dalam urusan jual beli tanpa perlu berdiskusi atau majlis formal, tetapi cukup melalui perantaraan nilai-nilai keagamaan yang ditonjolkan seharian oleh penganut agama masing-masing. Manakala Dialog Sosial adalah dialog yang berlangsung lebih kepada kerjasama dalam perancangan atau pelaksanaan aktiviti. Sebagai contoh aktiviti yang bertujuan untuk kebaikan semua pihak seperti pelaksanaan projek-projek pembangunan, peningkatan kehidupan keluarga, projek membantu rakyat miskin, projek meningkatkan tahap pendidikan, projek pencegahan gejala negatif di kalangan remaja dan lain-lain. Projek-projek ini dilaksanakan tanpa memandang kepada agama dan keyakinan yang dianuti oleh para penganut. Maklumat lanjut rujuk; Shaharom TM Sulaiman, “Dialog Peradaban dan Agama di Malaysia: Praktik dan Kerelevannya Hari Ini”, dalam *Islam dan Dialog Peradaban: Satu Perspektif*, ed. Azizan Baharuddin, (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 2005), 82-83.

⁴⁶⁷ Dialog Kehidupan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ghazali Basri adalah “...pertemuan antara umat berlainan agama dalam kehidupan harian seperti gotong royong untuk menjayakan aktiviti sosial, ekonomi dan seumpamanya”. Manakala Dialog Kerja Sosial, “ ia sebenarnya lanjutan daripada dialog kehidupan kerana dialog jenis ini menekankan aspek kesedaran tentang perlunya hidup beragama dalam satu-satu pertemuan yang mereka hadiri”. Maklumat lanjut rujuk; Ghazali Basri, “Pengalaman Lalu, Cabaran Semasa Dan Prospek” dalam *Inter-Religious Dialogue in Malaysia*, Siri Monograf Pusat Dialog Peradaban. Bil. 9, (Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya, 2005), 8-9.

Oleh itu pada hakikatnya dasar yang digubal oleh pihak kerajaan juga adalah amat penting dalam menunjukkan peranan dalam proses pembangunan masyarakat di Malaysia terutama berkaitan pembinaan hubungan antara agama sebagaimana fokus kajian ini iaitu melalui dialog antara agama. Sebagai contoh perancangan atau aktiviti yang telah dikenalpasti seperti dinyatakan di dalam kedua-dua Rancangan Malaysia tersebut adalah; (1) Program Menyemai Hidup Berjiran, (2) Program Latihan Pengurusan Konflik [konflik agama/perkauman] dan Kaunseling, (3) Aktiviti Gotong Royong, (4) Penubuhan Kelas Perpaduan Prapersekolahan, (5) Program-program Interaksi Antara Kaum dan (6) Program Mengenali Budaya Antara Kaum. Walaubagaimanapun sekali lagi penulis mempersoalkan sejauhmana penglibatan pemimpin-pemimpin agama dalam merealisasikan dasar tersebut untuk meningkatkan tahap hubungan antara agama dan seterusnya mengurangkan konflik antara agama. Penulis berpandangan sedemikian adalah berdasarkan sepanjang tahun 2001-2010 terdapat banyak isu-isu antara agama yang berlaku terutama melibatkan agama Islam dan Kristian seakan tiada jalan penyelesaiannya. Perkara ini akan diperhalusi oleh penulis pada bahagian seterusnya.

3.2.2(a) Dialog antara Agama dan Gagasan Islam Hadhari⁴⁶⁸

⁴⁶⁸ Penulis tidak akan membahaskan pendekatan Islam Hadhari ini secara menyeluruh. Perbahasan akan difokuskan sejauh mana dasar kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini memberi tumpuan kepada keperluan membina hubungan dan komunikasi di antara masyarakat beragama Islam dan masyarakat bukan Islam iaitu yang dirangkumkan oleh penulis sebagai dialog antara agama. Selain itu penulis juga hanya akan memberi fokus kepada perbahasan prinsip yang ketujuh pada bahagian hak kumpulan bukan Islam. Perbahasan juga akan meneliti perkara-perkara seperti (1) apakah objektif dasar yang digariskan di dalam prinsip ketujuh ini dalam kontek kumpulan bukan Islam (2) hak-hak bukan Islam yang harus dilaksanakan di dalam negara Malaysia, (3) tanggungjawab negara Malaysia kepada masyarakat bukan Islam dan (4) tanggungjawab masyarakat bukan Islam terhadap negara Malaysia. Semua perkara ini adalah penting dalam meneliti sejauhmana pemimpin agama di Malaysia sebagaimana perbahasan di Bab Dua dapat berperanan dalam konteks *Intra Dialogue* mahupun *Inter Dialogue* sebagai platform memberi dan menyemai kefahaman asas-asas membina hubungan antara agama dan penyelesaian konflik berasaskan dasar pembangunan negara sedia ada.

Islam Hadhari telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia Kelima iaitu Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dalam ucapan beliau ketika Perhimpunan Agung Umno ke 55 yang berlangsung pada 23 September 2004.⁴⁶⁹ Islam Hadhari merupakan satu kerangka pembangunan yang menyeluruh dan sejagat dengan berpaksikan kepada al-Qur’ān dan al-Hadīth sebagai asas ketamadunan Islam. Dalam ucapan tersebut beliau telah menyatakan, “ *Islam Hadhari is an approach that emphasises development, which is entirely consistent with the tenets of Islam and is focused on enhancing the quality of life. It aims to achieve this by way of the mastery of knowledge and the development of the individual and the nations...*”.⁴⁷⁰ Beliau turut menyatakan, “*Islam Hadhari is not a new religion. It is not a new teaching nor is it a new mazhab(denomination). Islam Hadhari is an effort to revert the Ummah to basic, back to the fundamentals, as prescribed in the Qur’an and the Hadis that established the foundation of an Islamic Foundation*”.⁴⁷¹ Islam Hadhari menggariskan 10 prinsip untuk memperkasa masyarakat dalam menghadapi cabaran global untuk pembangunan negara dengan mengambilkira konteks Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk. Beliau menambah, “*These principles have been formulated in order to ensure that the implementation of the approach does not cause anxiety among any group in our multi-racial and multi-religious country*”.⁴⁷² Prinsip-prinsip ini telah dinyatakan dengan terperinci di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sebagaimana di dalam Kotak 3.3⁴⁷³ seperti di bawah:

⁴⁶⁹ Abdullah Ahmad Badawi, *Islam Hadhari Approach – Towards A Progressive Islamic Civilisation*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007), xv.

⁴⁷⁰ *Ibid.*, 5

⁴⁷¹ *Ibid.*

⁴⁷² *Ibid.*, 6.

⁴⁷³ *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*, 8-9.

Kotak 3.3: Huraian berkaitan bahagian Islam Hadhari dalam Rancangan Malaysia Kesembilan

ISLAM HADHARI

Bagi mencapai keseimbangan antara pembangunan fizikal dengan kerohanian, Kerajaan telah melancarkan rangka kerja pembangunan menyeluruh dan sejagat, iaitu Islam Hadhari (*Civilisational Islam*) pada tahun 2004. Rangka kerja ini menekankan pembangunan yang selaras dengan rukun Islam dengan memberikan tumpuan kepada meningkatkan kualiti hidup melalui penguasaan ilmu pengetahuan dan pembangunan individu dan negara; pelaksanaan sistem ekonomi, perdagangan dan kewangan yang dinamik; mendorong pembangunan yang bersepadu dan seimbang yang melahirkan rakyat berilmu dan bertakwa serta berpegang teguh pada nilai murni dan jujur, amanah dan bersedia menyahut cabaran global.

Islam Hadhari bukan merupakan agama baru. Ia juga bukan ajaran baru atau pun mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk menggalakkan rakyat berpegang kepada prinsip asas seperti yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis yang merupakan asas tamadun Islam.

Islam Hadhari mempunyai sepuluh prinsip seperti berikut:

- Keimanan dan ketakwaan kepada Allah;
- Kerajaan yang adil dan beramanah;
- Rakyat berjiwa merdeka;
- Penguasaan ilmu pengetahuan;
- Pembangunan ekonomi yang seimbang dan komprehensif;
- Kehidupan berkualiti;
- Perlindungan hak kumpulan minoriti dan wanita;
- Keutuhan moral dan budaya;
- Pemeliharaan alam semula jadi; dan
- Kekuatan pertahanan.

Berdasarkan prinsip di atas, dasar dan strategi akan dirangka dan dikaji semula supaya dapat mewakili kepentingan masyarakat. Pematuhan prinsip ini akan meningkatkan tadbir urus dan memastikan komitmen yang tinggi terhadap kebertanggungjawaban awam. Islam Hadhari turut memberikan penekanan terhadap kedaulatan negara melalui keupayaan mempertahankan diri dan pada masa yang sama berpegang teguh pada prinsip yang menentang ancaman dan keganasan.

Sumber: Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010

Daripada sepuluh prinsip yang digagaskan sepertimana dinyatakan di dalam Kotak 3.3 di atas hanya prinsip yang ketujuh berkait dengan perbahasan kajian ini iaitu perbahasan berkaitan bagaimana Islam mengatur atau membina hubungan dengan masyarakat bukan Islam dalam sebuah negara. Prinsip Ketujuh tersebut adalah Perlindungan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita. Di dalam prinsip ini kumpulan bukan Islam adalah digolongkan di dalam kumpulan minoriti. Objektif utama yang digariskan di dalam prinsip ketujuh (fokus bukan Islam) ini adalah untuk memastikan masyarakat bukan

Islam mendapat haknya dan berperanan dalam pembangunan negara.⁴⁷⁴ Di antara hak yang telah digariskan di dalam prinsip ketujuh ini terhadap masyarakat bukan Islam adalah; (1) hak asasi manusia, (2) hak perlindungan daripada pencerobohan, penindasan, (3) hak kebebasan beragama, (4) hak kebebasan bersuara, (5) hak menuntut ilmu, (6) hak memiliki harta, (7) hak kebebasan berpolitik, (8) hak kebebasan mengamalkan budaya, bahasa dan adat resam,⁴⁷⁵ (9) hak menjawat perkhidmatan awam, (10) Hak kebebasan bekerja.⁴⁷⁶

Manakala tanggungjawab negara kepada masyarakat bukan Islam turut diberi perhatian. Terdapat empat tanggungjawab yang digariskan di dalam dasar ini adalah; (1) keadilan dan kesaksamaan, (2) sebarang keputusan mengambilkira kepentingan minoriti dan bukan Islam, (3) memastikan rakyat taat kepada dasar negara, (4) rakyat diberi hak untuk memilih pemimpin melalui pilihanraya.⁴⁷⁷

Seterusnya prinsip ketujuh ini turut memberi penekanan kepada tanggungjawab masyarakat bukan Islam terhadap negara. Terdapat tujuh tanggungjawab yang telah digariskan iaitu; (1) taat kepada pemerintah, (2) mempertahankan kedaulatan negara, (3)

⁴⁷⁴ *Modul 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari*, (Putrajaya: Urusetia Induk Pendekatan Islam Hadhari, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri, 2007), 121.

⁴⁷⁵ *Ibid.*, 122; Rujuk juga Jawiah Dakir, *Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita (Siri Penerbitan Pendekatan Islam Hadhari: Prinsip Ketujuh)*, (t.tp: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri, 2007), 6-32.

⁴⁷⁶ Abdul Latif Samian dan Nazri Muslim (2008), "Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti", dalam *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*, ed. et al Mahmood Zuhdi Ab. Majid, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), 2008), 472-475 dan 509-511. Rujuk juga *Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari (2006-2010)*, (Putrajaya: Urusetia Induk Pendekatan Islam Hadhari, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, 2007), 45-46.

⁴⁷⁷ *Modul 10 Prinsip Pendekatan Islam Hadhari*, 122; Jawiah Dakir, *Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita*, 32-35.

mengekalkan keharmonian, (4) tidak menimbulkan isu-isu sensitif perkauman, (5) saling bantu-membantu, (6) cintakan negara dan (7) memelihara perpaduan.

Prinsip Ketujuh ini juga telah menggariskan bahawa keperluan untuk masyarakat Islam membina hubungan dan berkomunikasi dengan masyarakat bukan beragama Islam. Selain itu perhubungan yang perlu dibentuk harus mewujudkan suatu perhubungan yang aman dengan berlandaskan Islam.⁴⁷⁸ Pada dasarnya perbincangan berkaitan keperluan membina hubungan dan berkomunikasi daripada perspektif Islam dan Kristian telah dihuraikan oleh penulis pada Bab Dua. Pada asasnya dasar ini adalah bertepatan dengan konsep membina dialog antara agama sebagaimana fokus kajian ini. Ini menunjukkan bahawa di dalam dasar kerajaan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan ini pelaksanaan dialog antara agama merupakan satu aspek yang amat penting terutama di dalam negara yang berbilang agama, bangsa dan budaya seperti negara Malaysia ini. Ini juga bertepatan dengan galakan yang telah diberikan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi terhadap keperluan untuk berdialog di antara agama sama ada berkonsepkan hal-hal keagamaan mahupun sosial. Pada pandangan beliau dengan berdialog ia akan dapat menghapuskan salah tanggapan terhadap kepercayaan masing-masing dan akan memberi manfaat besar kepada hal-hal pembangunan masyarakat seperti hal-hal kerjasama dalam meningkatkan alam sekitar, membasmi kemiskinan, membentasi wabak penyakit dan sebagainya.⁴⁷⁹

⁴⁷⁸ Jawiah Dakir, *Pembelaan Hak Kumpulan Minoriti dan Wanita*, 3-6

⁴⁷⁹ Rujuk *Utusan Malaysia*, 4 Ogos 2004, Muka Hadapan.

Setelah meneliti secara khusus kepada prinsip ketujuh ini iaitu melibatkan kumpulan bukan Islam ia amat jelas bahawa dasar yang telah dirangka oleh kerajaan amat menitikberatkan konsep keadilan kepada semua termasuk masyarakat bukan Islam dalam segenap aspek kehidupan.

3.2.2(b) Dialog, Hubungan antara Agama dan Gagasan 1Malaysia⁴⁸⁰

1Malaysia telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Keenam iaitu Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak pada 3 April 2009. Walaupun perbincangan konsep 1Malaysia tidak terdapat di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu kerangka tahun 2006-2010 tetapi ia masih relevan untuk dibincangkan dan diperhalusi. Ini adalah kerana perbincangannya berada dalam kerangka kajian iaitu dari tahun 2001-2010.

Gagasan 1Malaysia ini dilancarkan adalah bertujuan untuk “*memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia..*”⁴⁸¹ Ia juga secara asasnya menjadi pelengkap kepada dasar-dasar terdahulu untuk mengukuhkan perpaduan ke arah

⁴⁸⁰ Keseluruhan perbincangan di bahagian ini adalah berdasarkan idea asal penulis yang telah dibentang di Seminar Antarabangsa Dakwah dan Multi Etnik pada 22-23 Disember 2009, anjuran Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Maklumat lanjut rujuk, Suzy Aziziyana Sali dan Khairulnizam Mat Karim, “Peranan Dialog antara Agama dalam Pembangunan Masyarakat Malaysia”, dalam *Dakwah dan Multi Etnik*, ed. et al Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, (Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2009), 191-193.

⁴⁸¹ Makalah 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian diutamakan, Terbitan Pejabat Perdana Menteri. Rujuk juga 1Malaysia, <http://www.1malaysia.com.my>, 2 April 2013.

mencapai kemajuan dan pembangunan untuk seluruh rakyat di Malaysia khususnya dan Negara Malaysia amnya.⁴⁸²

Gagasan 1Malaysia mempunyai 2 aspek utama iaitu (1) Penerapan Teras-Teras Perpaduan dan (2) Penerapan Nilai-Nilai Aspirasi. Di antara ciri-ciri Teras-Teras Perpaduan adalah (a) Penerimaan: setiap kaum harus menerima keunikan kaum yang lain seadanya dalam kapasiti hormat-menghormati, (b) Prinsip-Prinsip Kenegaraan: setiap kaum harus memahami dan menghayati (i) Perlembagaan Persekutuan, (ii) Rukun Negara. (c) Keadilan Sosial: perlaksanaan keadilan untuk semua kaum.⁴⁸³ Selain itu ia didokong dengan Teras-Teras Nilai-Nilai Murni seperti (a) Hormat menghormati, Rendah Hati(Tawadhu'), (b) Kesederhanaan dan (c) Berbudi Bahasa.⁴⁸⁴

Jika diteliti secara mendalam terdapat kaitan yang rapat kedua-dua teras yang dinyatakan seperti di atas dengan beberapa konsep asas dialog antara agama. Di antara panduan dialog (*guideline for dialogue*) yang mempunyai kaitan dengan ciri-ciri di atas adalah seperti (1) Dialog antara agama harus berjalan dengan tujuan yang ikhlas (*Sincerity of Intension*), (2) Saling Hormat Menghormati (*Mutual Respect*), (3) Kesaksamaan dan Keadilan (*Equity and Justice*), (4) Penolakan Unsur Fanatik dan Kebencian (*Repudiation of Fanaticism*) dan (5) Penolakan Unsur-unsur Prejudis.⁴⁸⁵ Ini menunjukkan bahawa proses pembinaan hubungan, komunikasi, toleransi antara agama mendapat perhatian serius oleh pihak kerajaan sehingga menjadikannya satu dasar pembangunan negara. Ini juga telah

⁴⁸² *Ibid.*

⁴⁸³ *Ibid.*

⁴⁸⁴ *Ibid.*

⁴⁸⁵ Rujuk konsep asas dialog antara agama yang telah dibina oleh Khairulnizam dalam kajian beliau. Rujuk, Khairulnizam, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia:", 59-62.

dikuatkan lagi dengan tertubuhnya Jawatankuasa Untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) pada 24 Februari 2010⁴⁸⁶ sebagai platform pelaksana.

Berdasarkan perbahasan di atas kajian mendapati bahawa di dalam dasar pembangunan negara dari tahun 2001 hingga 2010 iaitu Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Kesembilan terdapat galakan secara jelas terhadap pelaksanaan dialog antara agama dalam pelbagai bentuk aktiviti dan platform iaitu bermatlamatkan membina masyarakat yang mempunyai ciri-ciri toleransi, perpaduan, keamanan, kemakmuran, integrasi, perkongsian maklumat tambahan dalam negara yang mempunyai latarbelakang masyarakat yang pelbagai. Galakan secara peribadi juga telah dilontarkan oleh kedua-dua bekas Perdana Menteri Malaysia dalam mengukuhkan lagi dasar-dasar tersebut.

⁴⁸⁶ Pada 20 Januari 2010 Jemaah Menteri Malaysia yang dipengerusikan oleh Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abd Razak telah bersetuju untuk melantik Y. Bhg Datuk Hajah Ilani Binti Dato' Haji Isahak sebagai Penyelaras Khas membantu kerajaan dalam mempromosikan kesefahaman dan keharmonian antara agama di Malaysia dan seterusnya dipersetujui dengan penubuhan jawatankuasa penuh dengan diberi nama sebagai Jawatankuasa Untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama(JKMPKA). Jawatankuasa ini telah dipengerusikan oleh Y. Bhg Datuk Hajah Ilani Binti Dato' Haji Isahak dan mempunyai ahli tetap senarai 34 orang dan ahli pengganti seramai 29 orang. Ahlijawatankuasa ini terdiri daripada wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), para ilmuan Malaysia, wakil Allied Coordinating Committee of Islamic NGO's (ACCIN), wakil Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Toa (MCCBCHST) serta wakil daripada Sabah dan Sarawak. Pada waktu ini Pengerusi JKMPKA ini adalah Dato' Azman Amin bin Hassan iaitu Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Jabatan Perdana Menteri. Matlamat penubuhan jawatankuasa ini adalah "untuk menjadi mekanisme dialog dan mediasi bagi mewujudkan persefahaman dan keharmonian antara penganut agama ke arah membina Malaysia sebagai sebuah negara berjiwa muhibah". Maklumat lanjut rujuk Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, <http://www.jpnin.gov.my/jkmpka>, 21 Julai 2011.

3.3 Dasar Organisasi yang Menaungi Pemimpin Agama Islam

Sebagaimana yang telah dihuraikan di dalam Bab Dua, kajian mendapati Pemimpin Agama Islam di Malaysia terutama dalam konteks realiti di Malaysia adalah merujuk kepada para Mufti dan wakil daripada Jabatan Agama Islam Negeri – Peringkat Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan terdiri daripada para Mufti setiap negeri dan beberapa ahli lantikan – Peringkat Persekutuan. Kumpulan ini dipengerusikan oleh seorang pengerusi yang dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).

Setelah meneliti dengan lebih lanjut kajian mendapati bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah organisasi yang bertanggungjawab penuh menentukan dan menguruskan dasar dan halatuju kumpulan pemimpin agama ini di peringkat persekutuan.⁴⁸⁷ Selain itu setiap dasar juga adalah berkait-rapat dengan Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri. Oleh yang demikian penulis mendapati wujud keperluan untuk meneliti dasar-dasar yang telah dirancang oleh (1) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2) Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia dan (3) Jabatan Agama Islam Negeri dan secara khusus Unit Dakwah setiap negeri. Penulis akan meneliti sama ada perancangan sedia ada wujud perbahasan yang menitikberatkan

⁴⁸⁷ Sebagaimana dinyatakan di dalam buku *Pelan Strategik JAKIM* bahawa JAKIM adalah organisasi yang memainkan peranan dan menjalankan tugas-tugas sebagai urusetia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Di antara tugas-tugas tersebut adalah, “(a) Membincang menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atau seseorang atau ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran. (b) Memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan perundangan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran”. Maklumat lanjut rujuk *Pelan Strategik JAKIM 2009-2014, Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam*, (t.tp: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), t.t), 3-4. Rujuk juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/pelan-strategik-jakim-2009-1014>, 11 April 2013.

hal-hal hubungan antara agama Islam dan bukan Islam secara umum dan secara khusus kepada pelaksanaan dialog antara agama.

Dalam meneliti Pelan Strategik JAKIM terdapat beberapa perkara asas yang perlu dilihat sebagaimana yang telah dibangunkan oleh JAKIM sebagai “Pelan Strategik JAKIM”⁴⁸⁸ iaitu; (1) Fungsi JAKIM, (2) Cabaran-cabaran, (3) Agenda Kritikal dan (4) Teras Strategik

Sebelum penulis meneruskan perbahasan ini, harus diketahui bahawa Pelanggan JAKIM adalah “meliputi masyarakat Islam dan bukan Islam di kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, masyarakat awam [Islam dan bukan Islam], sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan [Islam dan bukan Islam] di peringkat serantau dan antarabangsa.”⁴⁸⁹ Oleh yang demikian segala dasar yang telah dan akan dilaksanakan harus mengambilkira aspek pelanggan tersebut terutama pelanggan bukan Islam sebagaimana fokus kajian ini.

⁴⁸⁸“Pelan Srtategik ini sangat penting sebagai panduan kepada seluruh warga JAKIM bagi merancang dan melaksanakan program-program berdasarkan kepada strategik yang telah ditetapkan. Dokumen ini juga adalah sebagai rujukan kepada pelanggan-pelanggan JAKIM yang terdiri daripada agensi-agensi dan pihak-pihak lain yang berkepentingan. Rujuk, *Ibid.*, “*Pelan Strategik JAKIM 2009-2014:*”, 2.

⁴⁸⁹ *Ibid.*, 13.

3.3.1(a) Fungsi – JAKIM: menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Secara dasarnya terdapat tiga fungsi⁴⁹⁰ utama yang dipertanggungjawabkan kepada JAKIM.

(1) Penggubalan dan Penyeragaman Undang-Undang Syarak. (2) Penyelarasan Pentadbiran Islam dan (3) Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam.

Walaupun hanya fungsi yang kedua berkaitan dengan fokus kajian ini iaitu mengenai pelaksanaan dialog antara agama dan hubungan antara agama. Oleh itu pada perbahasan yang seterusnya penulis akan menumpukan kepada fungsi yang kedua sahaja.

Fungsi kedua JAKIM sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pelan Perancangan Strategik JAKIM adalah seperti di dalam Kotak 3.4⁴⁹¹ di bawah

⁴⁹⁰ *Ibid.* 10-12.

⁴⁹¹ *Ibid.*

Kotak 3.4: Senarai fungsi kedua JAKIM – Penyelarasan Pentadbiran Islam

FUNGSI 2: PENYELARASAN PENTADBIRAN ISLAM

1. Mengawal penyelewengan akidah kepada kumpulan yang menyeleweng dan mengancam keselamatan Negara.
2. Menyelaraskan pentadbiran hal ehwal Islam antara negeri-negeri.
3. Merancang dasar-dasar pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.
4. Membina pemikiran Islam yang mantap di kalangan ummah berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
5. Meneraju usaha-usaha penyelidikan isu-isu semasa dalam bidang akidah, syariah, falak dan muamalat di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.
6. Melahirkan kader-kader pendakwah dan ilmuan Islam melalui program latihan di institusi-institusi Islam.
7. Memantau dan menyelaraskan pelaksanaan dasar-dasar Islam, iaitu Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Pendekatan Islam Hadhari di peringkat kementerian dan negeri, serta memperkasakan kefahaman dan penghayatannya di kalangan masyarakat [Islam dan bukan Islam]
8. Mewujudkan penanda aras dalam amalan dan perkhidmatan Islam melalui penggubalan Standard Hadhari.
9. Menjadi pusat rujukan dan khidmat nasihat berkaitan Islam kepada agensi Kerajaan dan swasta.
10. Menjadi agensi pemantau unggul dalam pematuhan syariah dalam pelbagai produk perkhidmatan dan kepenggunaan Islam khususnya dalam bidang sistem kewangan Islam dan industri halal.
11. Menyerlahkan syiar Islam di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa melalui Majlis Tilawah Al-Quran Kebangsaan dan Antarabangsa, serta sambutan hari-hari kebesaran Islam.
12. Menjadi Pusat maklumat dan dokumentasi setempat berkaitan dengan pemikiran dan ilmu-ilmu Islam yang dihasilkan melalui pelbagai forum dan persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
13. Meningkatkan kolaborasi rangkaian dakwah dengan badan-badan bukan Kerajaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
14. Meneraju gerakan dakwah secara bersepadu kepada kumpulan sasaran melalui dakwah *bil-hal*, media cetak media elektronik dan media-media baru.
15. Memperkasakan survival umat Islam Sabah dan Sarawak dalam bidang pendidikan, dakwah dan sosioekonomi.
16. Memperkasakan perpaduan di kalangan umat Islam untuk menjadi khaira ummah.
17. Memperkasakan dakwah kepada masyarakat bukan Muslim, Orang Asli dan kumpulan minoriti.
18. Memperkasakan pengurusan saudara baru melalui aspek bimbingan, kebajikan dan perlindungan.
19. Memperluaskan program dan rancangan berunsur Islam melalui stesen radio dan televisyen.
20. Memperluaskan program berunsur nilai murni dan sahsiah Islamiah bagi menangani gejala sosial.
21. Memperluaskan institusi keluarga dan kejiwaan melalui pendidikan dan kemahiran keibubapaan berkonsepkan tarbiah Islamiah.
22. Membangunkan dan menyediakan sistem maklumat Islam yang komprehensif melalui teknologi informasi dan komunikasi.
23. Memperkasakan pengurusan hal ehwal Islam di agensi-agens persekutuan dan negeri melalui program-program latihan dalam perkhidmatan.

Sumber: Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Setelah meneliti Fungsi Kedua JAKIM sebagaimana senarai di dalam Kotak 3.4 di atas, didapati hanya dua perkara sahaja yang berkaitan dengan kajian ini iaitu Perkara ke (7) dan (17). Oleh yang demikian penulis akan mengecilkkan fokus perbahasan kepada dua perkara tersebut di samping merujuk kepada kerangka kajian iaitu tahun 2001 hingga 2010.

Perkara ke (7) dan (17) adalah saling berkaitan iaitu merujuk kepada fungsi JAKIM untuk memantau, menyelaras pelaksanaan, memberi kefahaman dan penghayatan dasar-dasar Islam kepada pelanggannya terutama masyarakat bukan Islam sebagaimana fokus kajian ini. Perkara ke (7) ini menyebut dasar Islam itu adalah Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam⁴⁹² dan Pendekatan Islam Hadhari. Walaubagaimanapun penulis hanya akan membincangkan dasar Pendekatan Islam Hadhari kerana berada di dalam kerangka kajian iaitu tahun 2001-2010 dan terkandung di dalam RMK-9⁴⁹³ sebagaimana dalam huraian sebelum ini.

Walaupun kajian telah mendapati bahawa terdapat unsur-unsur keperluan membina hubungan antara agama , dialog antara agama dan menjaga hak masyarakat bukan Islam dalam gagasan Islam Hadhari di dalam RMK-9 tetapi terdapat kajian yang menyatakan bahawa kefahaman masyarakat bukan Islam amat rendah sehinggakan wujud persepsi-persepsi negatif terhadap pelaksanaannya.⁴⁹⁴ Di antara faktornya adalah; (1) maklumat

⁴⁹² Dasar ini lebih sinonim dengan nama Dasar Islamisasi. Penulis telah membahaskan perkara ini dalam kajian sebelum ini di mana kajian mendapati pelaksanaan dasar tersebut memberi kesan kepada masyarakat bukan Islam khususnya. Di antara faktor kesan tersebut adalah rendahnya kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap keseluruhan dasar sehinggakan berlaku tuntutan-tuntutan tertentu daripada masyarakat bukan Islam yang diketuai oleh agama Kristian. Di antara penyelesaian kepada permasalahan tersebut adalah berlaku proses dialog di antara pihak kerajaan dan masyarakat bukan Islam untuk menerangkan tentang dasar tersebut. Walaubagaimanapun dialog yang berlangsung tidak melibatkan dialog di antara pemimpin agama Islam dan bukan Islam tetapi hanya wakil daripada pihak kerajaan iaitu menteri yang berkaitan. Pada hakikatnya dasar ini berlangsung dalam dasar kerajaan sehingga pengumuman pelancaran Islam Hadhari oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi sebagai kesinambungan kepada Dasar Islamisasi ini sebagai teras kepada pembangunan negara. Maklumat lanjut sila rujuk Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama:", (rujuk Bab Dua di bawah tajuk : Sejarah Permulaan Dialog Antara Agama Di Malaysia, halaman 70-95).

⁴⁹³ Walaupun dalam kerangka RMK-9 terdapat satu lagi gagasan yang dibawa oleh Perdana Menteri Malaysia Keenam Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak iaitu 1Malaysia, tetapi ia tidak melibatkan pendekatan agama seperti Islam Hadhari.

⁴⁹⁴ Amaludin Ab. Rahman et al., "Persepsi dan Kefahaman Masyarakat Bukan Islam Terhadap Islam Hadhari" *Jurnal Hadhari* 3(2)(2011), 63-82. Rujuk juga kajian daripada Khairulnizam Mat Karim, di mana beliau mengutarakan bahawa pada peringkat awal diperkenalkan Islam Hadhari terdapat juga kerisauan timbul daripada masyarakat bukan Islam di Malaysia kerana ditakuti akan memberi kesan kepada kehidupan mereka. Ini juga telah diakui oleh Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan pada waktu itu iaitu Dato' Dr. Ismail Ibrahim semasa membentangkan kertas kerja yang bertajuk Islam Hadhari dan Pembangunan di Malaysia di Seminar Antarabangsa Islam Hadhari, pada 24-25 November 2004 di Universiti Malaya. Pada kesimpulan

yang diterima oleh masyarakat bukan Islam tidak jelas (salah faham) dan usaha penyampaian maklumat tidak berterusan,⁴⁹⁵ (2) tahap penerimaan yang rendah terhadap proses Islamisasi oleh masyarakat bukan Islam di Malaysia [termasuk semua dasar-dasar yang berkaitan dengan Islam], dan (3) isu-isu yang berkaitan dengan agama terutama agama Islam yang sentiasa menjadi isu utama dan sensitif.⁴⁹⁶

Di antara penyelesaian kepada permasalahan⁴⁹⁷ ini, penulis tertarik kepada satu cadangan yang diutarakan oleh Jaffary Awang.⁴⁹⁸ Beliau menyarankan dialog antara agama harus dilaksanakan dengan masyarakat bukan Islam.⁴⁹⁹ Walaubagaimanapun penulis mengecilkan skop tersebut kepada dialog di kalangan pemimpin agama di mana pemimpin agama Islam harus memulakan momentum tersebut kerana perkara Islam Hadhari itu adalah dibangunkan oleh masyarakat Islam dan sudah pasti mempunyai tanggungjawab untuk memulakan proses penerangan kepada masyarakat bukan Islam.

kajian yang dilakukan oleh Khairulnizam Mat Karim beliau telah mencadangkan bahawa proses dialog perlu dilaksanakan untuk mengelakkan perkara ini berulang lagi seperti di peringkat awal pelaksanaan Dasar Islamisasi. Walaubagaimanapun penulis melihat (setelah menjalankan kajian berkaitan dialog antara agama bermula tahun 2003 – 2013 bahawa idea kepada pelaksanaan dilalog antara agama ini tidak mendapat tempat terutama dari kalangan pentadbir hal ehwal agama seperti JAKIM. Maklumat lanjut rujuk, Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama:”, 183-184 (nota kaki 296). Penulis amat yakin bahawa kenyataan ini akan diperkukuhkan lagi dengan dapatan kajian berkaitan dasar JAKIM terhadap dialog mahupun hubungan antara agama sebagaimana yang sedang diteliti.

⁴⁹⁵ Sarjit S.Gill, “Pemantapan Wacana Islam Hadhari”. *Berita Harian*, 16 Disember 2006, 15.

⁴⁹⁶ Abdul Rahman et al., “Penerimaan bukan Islam terhadap proses Islamisasi di Malaysia”, *Jurnal Hadhari*, Bil. 1, 2009, 33-51.

⁴⁹⁷ Di antara penyelesaian yang telah di ambil adalah, (1) sesi penerangan di media cetak dan elektronik (radio dan televisyen), dan (2) menterjemah penerbitan berkaitan Islam Hadhari ke dalam bahasa Cina dan Tamil. Walaubagaimanapun keberkesanannya adalah amat rendah. Rujuk Amaludin Ab. Rahman “Persepsi dan Kefahaman Masyarakat Bukan Islam Terhadap Islam Hadhari”, 75-76.

⁴⁹⁸ Beliau merupakan seorang Pensyarah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

⁴⁹⁹ Jaffary Awang, “Pendekatan Islam Hadhari ke arah Memperkasakan identiti Melayu-Muslim di Malaysia”, *Jurnal Hadhari*, Bil 2(2009), 99-116.

Pada pandangan penulis dengan berdasarkan kajian di atas penulis mendapati bahawa perkara ke (17) sebagaimana yang terdapat di dalam senarai fungsi JAKIM iaitu untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat bukan Islam juga masih belum meyakinkan jika masih menggunakan platform yang sama melainkan perubahan kepada dialog antara agama diusahakan.

Walaupun dalam huraian berkaitan Islam Hadhari dalam perbahasan 3.3.2 (a) sebelum ini terutama Prinsip Ketujuh, prinsip ini ada memberi penekanan terhadap menjaga hak kumpulan minoriti iaitu bukan Islam. Walaubagaimanapun dalam aspek penetapan strategik pelaksanaannya, aspek kumpulan minoriti bukan Islam ini tidak mendapat perhatian sewajarnya. Dalam huraian perancangan strategik Islam Hadhari bagi tahun 2006-2010, Prinsip Ketujuh Islam Hadhari hanya memberi penumpuan kepada hak kumpulan wanita dan kumpulan Orang Kurang Upaya (OKU). Manakala fokus untuk kumpulan minoriti hanya difokuskan kepada bangsa, suku kaum dan etnik sahaja tanpa menekankan aspek agama.⁵⁰⁰ Pada pandangan penulis fakta ini juga secara dasarnya turut menyumbang kepada rendahnya kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam Hadhari dan khususnya kepada perbahasan hubungan Islam dan bukan Islam di Malaysia. Selain itu perkara ini juga akan memberi kesan kepada fokus atau perancangan JAKIM sebagai urusetia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).

⁵⁰⁰ *Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari 2006-2010*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), t.t), 43-47. (Perancangan Strategik 5 Tahun Pendekatan Islam Hadhari ini telah dibentang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia Kelima pada 8 Mei 2006).

3.3.1(b) Cabaran JAKIM – menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Terdapat 9 Cabaran⁵⁰¹ yang telah disenaraikan di dalam Pelan Strategik JAKIM seperti di dalam Kotak 3.5 di bawah:

Kotak 3.5: Cabaran-cabaran dalam Pelan Strategik JAKIM

Cabaran-Cabaran dalam Pelan Strategik JAKIM:

1. Penyeragaman Undang-undang Islam.
2. Tahap Kesedaran dan Penghayatan Islam di kalangan Masyarakat belum menyeluruh.
3. Ancaman Akidah, Pemikiran dan Diayah Agama-agama lain yang semakin menyelerah.
4. Isu Perpaduan Ummah.
5. Ketidakselarasan Pengurusan Pendidikan Islam di negeri-negeri.
6. Persepsi negatif terhadap pengurusan Institusi Islam.
7. Propaganda media terhadap Islam.
8. Gejala Sosial.
9. Arus Globalisasi yang menjejaskan kualiti pegangan nilai dan sosio budaya masyarakat.

Sumber: Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Merujuk kepada maklumat di atas, pada pandangan penulis hanya dua perkara sahaja yang berkaitan dengan kajian ini. Perkara tersebut adalah Perkara ke (2) dan Perkara ke (3). Sebagaimana yang telah digariskan oleh JAKIM bahawa masyarakat bukan Islam adalah pelanggan kepada JAKIM dan sudah pasti memberi kefahaman tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam adalah sesuatu perkara penting agar tidak berlaku salah faham terhadap dasar-dasar yang ingin dilaksanakan oleh JAKIM sebagaimana yang telah berlaku pada dasar Penerapan Nilai-nilai Islam mahupun Islam Hadhari. Perkara yang seterusnya iaitu Perkara ke (3), di mana agama-agama lain dilihat telah mula menggunakan aspek perundangan untuk menyelesaikan permasalahan antara agama dan telah dilihat mencabar kewibawaan dan maruah umat Islam. Di antara isu yang dilihat menggunakan

⁵⁰¹Rujuk, Pelan *Strategik JAKIM 2009-2014*, 16-19.

perundangan sebagai jalan penyelesaian adalah isu kebebasan beragama, hak asasi manusia dan isu Kalimah Allah.

3.3.1(c) Agenda Kritikal JAKIM – menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Terdapat 10 Agenda Kritikal⁵⁰² sebagaimana yang disenaraikan oleh JAKIM di dalam Pelan Strategik JAKIM seperti di dalam Kotak 3.6 di bawah:

Kotak 3.6: Agenda Kritikal dalam Pelan Strategik JAKIM 2009-2014

Agenda Kritikal dalam Pelan Strategik JAKIM:

1. Penghayatan Islam secara holistik
2. Tadbir Urus Institusi Masjid.
3. Meningkatkan Kompetensi Pegawai Hal Ehwal Islam.
4. Membentaras Penyelewengan Akidah.
5. Menjadikan Malaysia sebagai Hub Pembelajaran Tinggi al-Quran dan al-Hadis.
6. Pengurusan dan Pematuhan Fatwa.
7. Memprofesionalkan Ulama'.
8. Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-undang Syarak/Sivil.
9. Dakwah Media bersepadu.
10. Pengurusan Saudara Baru.

Sumber: Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Merujuk kepada setiap huraian Agenda Kritikal dalam Pelan Strategik JAKIM 2009-2014 sebagaimana di atas, penulis mendapati bahawa hal-hal hubungan antara agama mahupun proses dialog antara agama tidak dilihat sebagai aspek yang kritikal oleh JAKIM. Walhal dalam cabaran yang disenaraikan terdapat kepedulian terhadap rendahnya kefahaman masyarakat (termasuk bukan Islam) terhadap Islam dan kerisauan terhadap diayah agama-agama lain yang dilihat oleh JAKIM sebagai perkara yang menggugat masyarakat Islam di Malaysia. Pada pandangan penulis di peringkat ini pelan strategik

⁵⁰² *Ibid.*, 20-23.

JAKIM dilihat tidak selari dengan keperluan semasa terutama dalam menangani hal-hal hubungan mahupun konflik antara agama yang berlaku di Malaysia.

Walaupun begitu penulis ingin menarik perhatian perbincangan kepada Perkara ke (6) dan ke (9) yang pada penelitian penulis skop perbincangannya harus diperluaskan terhadap masyarakat bukan Islam di Malaysia. Perkara (6) adalah berkaitan dengan “Pengurusan dan Pematuhan Fatwa”.⁵⁰³ Harus diingat bahawa penetapan fatwa bukan sahaja melibatkan masyarakat Islam tetapi melibatkan masyarakat bukan Islam dari aspek memberi kefahaman kepada mereka berkaitan dengan penfatwaan tersebut terutama apabila melibatkan agama-agama tertentu. Sebagai contoh yang berkaitan dengan skop kajian ini adalah “Fatwa Larangan Penggunaan Kalimah Allah di kalangan Bukan Islam”⁵⁰⁴ terutama pihak agama Kristian di Malaysia. Apa yang dimaksudkan oleh penulis di sini adalah apakah platform yang digunakan oleh Islam (JAKIM sebagai urusetia Hal Ehwal Islam dan mengetuai pemimpin agama Islam) dalam memberi kefahaman kepada masyarakat bukan Islam berkaitan fatwa yang telah diputuskan itu. Sedangkan mereka iaitu bukan Islam tidak mengetahui apakah itu fatwa, prosesnya dan faktor kukuh sesuatu fatwa itu diputuskan. Justeru platform dialog harus dilaksanakan bagi memberi kefahaman terutama dialog di

⁵⁰³ Penulis akan meneliti dengan lebih lanjut dasar-dasar Jabatan-jabatan Mufti untuk melihat sama ada terdapat penegasan terhadap isu-isu hubungan antara agama mahupun dialog antara agama dalam proses penetapan dan pelaksanaan fatwa yang diuruskan oleh jabatan Mufti. Ini adalah kerana dalam kerangka kajian ini para Mufti sebagaimana perbincangan di dalam Bab Dua yang lepas adalah di antara Kumpulan Pemimpin Agama dalam konteks Malaysia. Selain itu Jabatan-jabatan Mufti juga adalah terikat dengan dasar-dasar yang dibentuk oleh JAKIM di peringkat persekutuan. Ini menunjukkan bahawa terdapat kaitan di antara penetapan dan pelaksanaan dasar di JAKIM di persekutuan dan Mufti di negeri. Rujuk *Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t) , 3.

⁵⁰⁴ e-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia: Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>, 7 Mac 2013. Rujuk juga fatwa “Larangan Penggunaan Istilah-istilah Islam oleh orang bukan Islam”, seperti kalimah Ulama’, Hadis, Dakwah, Iman, Imam dan banyak lagi iaitu sejumlah 32 jumlah istilah yang telah diwartakan. Rujuk dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri> , 7 Mac 2013.

antara pemimpin agama Islam dan bukan Islam dan dalam kes Kalimah Allah ini adalah Mufti dan Pederis.

Seterusnya Perkara ke (9) iaitu “Dakwah Media Bersepadu”. Jika diteliti huraian terhadap perkara ini sebagaimana di dalam Pelan Strategik JAKIM 2009-2014, penulis mendapati dakwah yang dimaksudkan oleh JAKIM hanya tertumpu kepada dakwah menggunakan teknologi seperti jalur lebar dan Web TV agar setiap maklumat dapat disebarkan secara mudah dan pantas.⁵⁰⁵ Walaupun penulis tidak menafikan dalam konteks dakwah teknologi atau media baru ini amat penting tetapi jumlah masyarakat terutama bukan Islam yang menggunakan aplikasi ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan Islam contohnya dari laman sesawang JAKIM adalah sesuatu yang harus diambil perhatian. Mungkin ia amat sesuai dengan masyarakat Islam tetapi bukan kepada masyarakat bukan Islam. Oleh itu pendekatan dialog di kalangan pemimpin agama (*inter-dialogue*) bagi pandangan penulis adalah platform yang paling utama untuk meningkatkan kefahaman tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam.

3.3.1(d) Teras Strategik JAKIM – menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama.

Terdapat lima Teras Strategik JAKIM⁵⁰⁶ sebagaimana yang telah diputuskan oleh JAKIM di dalam Pelan Strategik JAKIM 2009-2014 seperti di dalam Kotak 3.7 di bawah:

⁵⁰⁵ Rujuk, *Pelan Strategik JAKIM 2009-2014*, 23.

⁵⁰⁶ *Ibid.*, 26-39.

Kotak 3.7: Teras Strategik dalam Pelan Strategik JAKIM 2009-2014

Teras Strategik dalam Pelan Strategik JAKIM:

1. Pemerkasaan Pengurusan dan Kapasiti Organisasi bagi Meningkatkan Kecekapan dan Penyampaian Perkhidmatan.
2. Pengukuhan Pengurusan Hal Ehwal Islam Melalui Bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R & D).
3. Pemantapan Penyelarasan dan Penyeragaman Undang-Undang Islam ke Arah Mendaulatkan Pelaksanaan Syariat Islam.
4. Pengukuhan Kerjasama Strategik dan Ukhuwah Islamiah di Peringkat Nasional, Serantau dan Antarabangsa ke arah Penyatuan Ummah.
5. Pemantapan Kefahaman dan Penghayatan Islam secara Syumul bagi Melahirkan Khaira Ummah.

Sumber: Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Setelah meneliti huraian setiap Teras Strategik dalam Pelan Strategik JAKIM 2009-2014 sepertimana ringkasan di atas, kajian mendapati bahawa hal-hal yang berkaitan dengan hubungan antara agama mahupun pelaksanaan dialog antara agama tidak mendapat tempat sebagai teras penting oleh JAKIM. Walaupun pada Teras Kelima ada menyatakan tentang “Pemantapan Kefahaman dan Penghayatan Islam”, tetapi jika dilihat kepada huraianya ia masih lagi berlegar sekitar menanam kefahaman Islam kepada masyarakat Islam sahaja. Ini sekali lagi amat mengejutkan penulis kerana dengan jelas telah dinyatakan bahawa di antara cabaran-cabaran JAKIM adalah berkaitan dengan kurangnya kefahaman masyarakat terhadap dasar Islam termasuk bukan Islam. Selain itu isu diayah agama lain yang turut diakui semakin menyerlah, tetapi malangnya hal-hal kepentingan membina hubungan antara agama dengan matlamat memberi kefahaman Islam kepada bukan Muslim tidak mendapat tempat sama ada sebagai “Agenda Kritikal” mahupun dijadikan “Teras Strategik” oleh JAKIM. Sedangkan jika merujuk kepada perbahasan pada bahagian sebelum ini, hal-hal atau isu-isu hubungan antara agama sudah berlarutan semenjak pelaksanaan Dasar Islamisasi pada awal tahun 80 an sehinggalah pelaksanaan gagasan Islam Hadhari pada tahun 2003 dan kini.

Justeru kajian dapat menyimpulkan bahawa JAKIM yang bertindak sebagai urusetia kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan menjadi badan yang menaungi kumpulan Pemimpin Agama Islam tidak menekankan hal-hal hubungan antara agama mahupun pelaksanaan dialog antara agama di dalam pelan strategiknya iaitu dalam kerangka tahun 2006-2010 walaupun secara dasarnya di dalam dasar penerapan nilai-nilai Islam terutama Islam Hadhari wujud penegasan terhadap keperluan membina hubungan dan dialog antara agama.

3.3.2 (a) Peranan Jabatan-Jabatan Mufti di Malaysia: menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Secara dasarnya Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014 ini adalah selaras dan seiring dengan Pelan Strategik JAKIM 2009-2014⁵⁰⁷ sebagaimana di dalam perbincangan sebelum ini. Ini bermaksud segala perancangan yang terdapat di dalam pelan perancangan Jabatan Mufti seluruh Malaysia adalah berdasarkan dasar yang telah ditetapkan atau diputuskan oleh JAKIM yang berfungsi sebagai urusetia kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) di peringkat persekutuan. Pelan perancangan bagi Jabatan Mufti yang digubal ini juga akan menyumbang kepada peranan yang dilaksanakan selaras dengan isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam di Malaysia.⁵⁰⁸

⁵⁰⁷ *Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014*, (Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), t.t), 3

⁵⁰⁸ *Ibid.*, 1

Sebelum penulis meneruskan perbincangan, harus diketahui bahawa sebagaimana JAKIM, Jabatan Mufti juga mempunyai pelanggan yang sama iaitu Agensi Kerajaan, Sektor Swasta, masyarakat awam [Islam dan bukan Islam], dan pertubuhan bukan kerajaan [Islam dan bukan Islam] mahupun masyarakat di peringkat serantau dan antarabangsa.⁵⁰⁹ Oleh yang demikian pada pandangan penulis segala dasar yang telah dan akan dilaksanakan harus mengambilkira aspek pelanggan tersebut terutama pelanggan bukan Islam iaitu sekurang-kurangnya memberi kefahaman kepada mereka terutama dasar yang berkaitan dengan kehidupan mereka sebagai rakyat Malaysia.

Dalam meneliti Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia terdapat beberapa perkara asas yang perlu diteliti iaitu; (1) Peranan Jabatan Mufti, (2) Isu dan Cabaran dan (3) Teras Strategik.

Terdapat 13 Peranan⁵¹⁰ yang dilaksanakan oleh Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia sebagaimana di dalam Kotak 3.8 di bawah:

⁵⁰⁹ *Ibid.*, 8.

⁵¹⁰ Perbincangan berkaitan peranan Mufti secara khusus telah diuraikan oleh penulis di dalam Bab Dua dalam sub topik 2.5.3 (b) Peranan Mufti dengan merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Kotak 3.8: Peranan Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014

Peranan Jabatan-jabatan Mufti Seluruh Malaysia:

1. Membantu dan menasihati Ketua Agama Negeri dan Kerajaan Negeri dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam.
2. Mengkaji dan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan hukum syarak.
3. Menentukan dan mengesahkan arah kiblat, cerapan hilal, takwin jadual waktu solat, berbuka puasa dan menjalankan pendidikan falak.
4. Memberi khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam hal-hal berkaitan Aqidah, Syariah dan Akhlak Islamiyyah.
5. Mengurus dan mentadbir semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran, perkhidmatan, kewangan, pembangunan modal insan dan teknologi maklumat.
6. Mengurus hal ehwal tarekat tasawwuf.
7. Menjalankan penyelidikan dalam pembangunan fatwa.
8. Pewartaan fatwa.
9. Menjelaskan dan menjalankan pendidikan fatwa kepada masyarakat dengan berhikmah.
10. Menjelaskan kajian dan penyelidikan berkaitan pembangunan ilmu falak.
11. Menjalankan khidmat nasihat hukum syarak.
12. Membangun, mengurus dan memajukan sumber maklumat dan hal ehwal hukum syarak.
13. Mengurus dan membangun sumber manusia.

Sumber: Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014

Merujuk kepada senarai peranan yang dilaksanakan oleh Jabatan-Jabatan Mufti seperti di atas, kajian mendapati bahawa peranan ke arah membina hubungan antara agama apatah lagi pelaksanaan dialog antara agama tidak menjadi agenda oleh Jabatan-Jabatan Mufti. Walaubagaimanapun penulis melihat bahawa terdapat satu peranan yang dilihat mampu untuk dikembangkan ke arah memberi penekanan terhadap membina hubungan antara agama mahupun dialog antara agama iaitu peranan ke 9 “Menjelaskan dan menjalankan pendidikan fatwa kepada masyarakat dengan hikmah”. Pada pandangan penulis peranan ini amat penting untuk memberi kefahaman kepada masyarakat bukan Islam terhadap konsep fatwa, proses membuat fatwa sehingga fatwa diwartakan. Apatah lagi jika sesuatu fatwa yang dilaksanakan itu berkait rapat dengan sesebuah agama lain. Sebagai contoh adalah fatwa pengharaman Yoga bagi masyarakat Islam di Malaysia. Walaupun pengharaman itu adalah untuk masyarakat Islam tetapi harus diingat bahawa Yoga itu adalah amalan di dalam masyarakat bergama Hindu. Ini akan dilihat seperti

mencampuri urusan agama Hindu sedangkan pengharaman itu hanya untuk masyarakat Islam sahaja kerana bercanggah dengan akidah Islam. Oleh itu pada pandangan penulis pemimpin agama seperti para Mufti harus melaksanakan dialog bersama pemimpin agama Hindu bagi menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan pengharaman Yoga tersebut. Manakala pemimpin agama Hindu setelah menerima maklumat dan pencerahan daripada pemimpin agama Islam maka mereka bertanggungjawab untuk mewartakan kepada masyarakat Hindu keseluruhannya dalam konteks Intra Dialog. Justeru pada pandangan penulis jika proses Inter Dialog dan Intra Dialog ini berlaku dalam menyelesaikan isu-isu antara agama maka sebarang masalah mahupun konflik agama dapat dielakkan.

3.3.2(b) Isu dan Cabaran Jabatan-Jabatan Mufti di Malaysia: menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Terdapat 9 Isu dan Cabaran⁵¹¹ yang telah disenaraikan di dalam Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014 seperti di dalam Kotak 3.9 di bawah:

Kotak 3.9: Isu dan Cabaran Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014

Cabaran-Cabaran dalam Pelan Strategik Jabatan Mufti Seluruh Malaysia:

1. Penyeragaman Akta/Enakmen Antara Negeri.
2. Ancaman Akidah, Pemikiran dan Diayah Agama-agama lain serta Perpecahan Ummah.
3. Tahap Kesedaran dan Penghayatan Islam di kalangan Masyarakat belum menyeluruh.
4. Perpaduan Ummah.
5. Persepsi Negatif Terhadap Pengurusan Institusi Islam.
6. Gejala Sosial.
7. Propoganda Media terhadap Islam.
8. Arus Globalisasi yang menjejaskan kualiti pegangan nilai dan sosio budaya masyarakat.
9. Pengurusan, Pewartaan dan Pematuhan Fatwa.

Sumber: Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014

⁵¹¹ *Ibid.*, 10-13.

Merujuk kepada cabaran-cabaran Jabatan-Jabatan Mufti seperti di atas, kajian mendapati bahawa cabaran-cabaran ini adalah sama dan selari sebagaimana cabaran yang disenaraikan oleh JAKIM sebagaimana huraian pada bahagian Pelan Strategik JAKIM sebelum ini. Oleh yang demikian pada pandangan penulis cabaran yang ke 2 dan ke 3 amat berkait rapat dengan hal-hal antara agama kerana ia berkait rapat dengan isu “diayah-diayah agama lain” dan “hal-hal kefahaman berkaitan Islam masih di tahap rendah” terutama bagi masyarakat bukan Islam. Pada pandangan penulis sebagaimana huraian dalam bahagian Pelan Strategik JAKIM, hal-hal berkaitan kefahaman, ini adalah perkara yang boleh menimbulkan masalah mahupun konflik antara agama.

3.3.2(c) Teras Strategik Jabatan Mufti di Malaysia – menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Terdapat 5 Teras Strategik⁵¹² Jabatan Mufti sebagaimana yang telah diputuskan di dalam Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014 seperti di dalam Kotak 3.10 di bawah:

Kotak 3.10: Teras Strategik Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014

Teras Strategik dalam Pelan Strategik Jabatan Mufti Seluruh Malaysia;

1. Pemerkasaan Keupayaan Kapasiti dan Organisasi bagi Meningkatkan Kecekapan, Kepakaran dan Pelaksanaan Hal Ehwal Hukum Syarak.
2. Pengukuhan Profesional Institusi Mufti melalui bidang Kefatwaan.
3. Memartabatkan Ilmu Falak dalam masyarakat.
4. Mengukuhkan Jalinan Lestari yang strategik antara institusi Mufti di peringkat nasional serantau dan antarabangsa.
5. Pemerkasaan pegangan Akidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah dan penghayatan Islam bagi melahirkan Khaira Ummah.

Sumber: Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014

⁵¹² *Ibid.*, 17-20.

Setelah meneliti huraian setiap Teras Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia sebagaimana ringkasan di atas, kajian mendapati bahawa Pelan Strategik ini sebagaimana Pelan Strategik JAKIM tidak meletakkan hal-hal membina hubungan dan dialog antara agama sebagai salah satu teras di dalam pelan strategik mereka. Dapatan ini sekali lagi amat mengejutkan penulis kerana amat jelas di antara cabaran yang telah disenaraikan oleh mereka adalah hal-hal ancaman diayah-diayah agama lain dan kefahaman tentang Islam oleh masyarakat amat rendah terutama masyarakat bukan Islam yang menjadi salah satu kumpulan pelanggan oleh Jabatan Mufti. Malangnya fokus ke arah untuk memberi kefahaman kepada golongan bukan Islam tetap tidak menjadi salah satu keutamaan.⁵¹³

3.3.3 Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri: menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Sebagaimana yang telah dihuraikan di dalam Bab Dua, kajian mendapati Pemimpin Agama Islam di Malaysia terutama dalam konteks realiti di Malaysia adalah merujuk kepada para Mufti dan wakil daripada Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri. Maka dalam konteks negeri penulis telah menetapkan untuk meneliti fungsi Bahagian Dakwah. Pemilihan bahagian dakwah ini dibuat adalah kerana dari sudut teorinya dialog antara agama ini adalah salah satu daripada pendekatan, cara, teknik atau *manāhij* dalam bidang dakwah.⁵¹⁴ Oleh itu adalah bertepatan dengan fokus kajian ini untuk meneliti adakah fungsi yang dilaksanakan

⁵¹³ Untuk melihat dengan lebih jelas berkaitan komentar penulis dalam perenggan di atas sila rujuk Lampiran Pelan Tindakan Strategik Jabatan Mufti yang dibuat secara berjadual dalam *Ibid.*, 25-37. Maklumat ini dengan jelas menunjukkan bahawa tiada sebarang fokus dibuat oleh Jabatan Mufti untuk memberi perhatian dalam memberi kefahaman kepada kumpulan masyarakat bukan Islam berkaitan hal-hal dan proses fatwa ini apatah lagi dalam pelaksanaan dialog antara agama.

⁵¹⁴ Penjelasan lanjut berkaitan dialog antara agama adalah sebahagian manhaj dakwah sila rujuk Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Dialog Antara Agama Di Malaysia:?", 37-40.

oleh setiap bahagian dakwah Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia turut memberi fokus terhadap dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Dalam kajian ini ia membawa maksud “membina hubungan antara agama, memberi kefahaman tentang Islam melalui pelaksanaan dialog antara agama dan seterusnya bertujuan mengelakkan salah faham terhadap Islam dan mengecilkan ruang untuk terjadinya konflik antara agama”.

Berdasarkan penelitian penulis terhadap seluruh Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri Malaysia⁵¹⁵ menunjukkan terdapat sebahagian jabatan meletakkan di antara fungsinya adalah untuk berdakwah dan menjalankan aktiviti penerangan kepada masyarakat bukan Islam dan sebahagiannya tidak ada sebagaimana di dalam Jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1: Bilangan Jabatan Agama Islam Negeri yang mewujudkan fungsi dakwah kepada masyarakat bukan Islam

Bil.	Jabatan Agama Negeri	Wujud fungsi dakwah/aktiviti penerangan kepada bukan Islam	Tidak wujud fungsi dakwah/aktiviti penerangan kepada bukan Islam
1.	Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)	√	
2.	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	√	
3.	Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK)	√	
4.	Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)	√	
5.	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP)	√	
6.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JAİK)	√	

⁵¹⁵ Jabatan Agama Islam Selangor, <http://www.jais.gov.my>, 1 Mac 2013, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, <http://www.jawi.gov.my>, 5 Mac 2013, Jabatan Agama Islam Perak, <http://jaipk.perak.gov.my>, 6 Mac 2013, Jabatan Agama Islam Pahang, <http://jaip.pahang.gov.my>, 1 Mac 2013, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, <http://jaipp.penang.gov.my>, 5 Mac 2013, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah, <http://www.jaik.gov.my>, 6 Mac 2013, Jabatan Agama Islam Perlis, <http://islam.perlis.gov.my>, 6 Mac 2013, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan, <http://www.jaheaik.gov.my>, 9 Mei 2013, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, <http://www.jheat.terengganu.gov.my>, 6 Mac 2013, Jabatan Agama Islam Melaka, <http://jaim.melaka.gov.my>, 6 Mac 2013, Jabatan Agama Islam Johor, <http://jaj.johordt.gov.my>, 9 Mei 2013, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, <http://www.jheains.sabah.gov.my>, 6 Mac 2013, Jabatan Agama Islam Sarawak, <http://www.jais.sarawak.gov.my>, 6 Mac 2013.

7.	Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPS)		√
8.	Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK)		√
9.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)		√
10.	Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM)	√	
11.	Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS)		√
12.	Jabatan Agama Johor (JAJ)		√
13.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)		√
14.	Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS)		√
	JUMLAH	7	7

Sumber: Analisa penulis daripada laman sesawang setiap jabatan agama Islam negeri

Merujuk kepada Jadual 3.1 di atas kajian mendapati bahawa terdapat 7 buah Jabatan Agama Islam Negeri yang meletakkan di antara fungsi jabatan untuk melaksanakan dakwah mahupun memberi kefahaman tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam di negeri masing-masing. Manakala 7 Jabatan Agama Islam Negeri lagi tidak menjadikannya sebagai salah satu fungsi jabatan.

Sebagai contoh di Negeri Selangor, Unit Dakwah menggariskan objektifnya sebagai, “Melaksanakan Tuntutan Dakwah Dengan Penuh Iltizam Kepada Masyarakat Muslim dan Bukan Muslim” dengan menggariskan fungsi Unit Ukhuwahnya sebagai, “Merancang aktiviti penyebaran kefahaman Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam”. Di Wilayah Persekutuan pula Unit Dakwah menggariskan di antara fungsinya, “Melaksanakan Program Dakwah melalui Dialog”. Walaubagaimanapun di Negeri Perak objektif Bahagian Dakwah amat jelas dengan menggaris salah satu objektifnya, “Menambahkan penganut-penganut baru Islam yang memahami dan beramal dengan

pengajaran Islam”. Pada pandangan penulis matlamat ini sudah pasti mempunyai proses berkomunikasi, memberi kefahaman dan juga berdialog sebelum mampu menarik penganut agama lain menganuti Islam. Oleh itu penulis menyenaraikan Jabatan Agama Islam Perak sebagai salah satu Jabatan Agama yang mempunyai unsur-unsur pelaksanaan dialog antara agama. Seterusnya di Negeri Pahang, fungsi bahagian dakwah iaitu di Unit Ukhuwah telah menggariskan secara khusus dakwah kepada bukan Islam dengan menyatakan fungsinya untuk, “Melaksanakan program dakwah kepada golongan bukan Islam dan program peningkatan penghayatan Islam saudara baru, Orang Kurang Upaya dan wanita”. Jabatan Agama Islam Pulau Pinang pula menggariskan di antara strategik dakwahnya iaitu dengan mempelbagaikan metodologi dakwah dengan menggariskan untuk, “Meluaskan Dakwah Bil Hal(contoh teladan) dan aktiviti *outreach* kepada kumpulan sasaran pelbagai kumpulan sasaran seperti remaja, warga emas, orang kurang upaya(OKU) dan pesakit, termasuk bukan Islam”. Seterusnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan Jabatan Agama Islam Melaka masing-masing menggariskan salah satu fungsi bahagian dakwahnya untuk, “Memberi penerangan dan kefahaman Islam kepada masyarakat Bukan Islam” dan “Berperanan menguruskan aktiviti dakwah Islamiah melalui program penyebaran ilmu dan kefahaman Islam, pengurusan masjid, pendaftaran saudara baru dan dakwah non-muslim”.⁵¹⁶

Oleh yang demikian kajian menunjukkan bahawa dari aspek dasar dan fungsi ketujuh-tujuh Jabatan Agama Islam Negeri ini mempunyai perancangan yang jelas terhadap membina hubungan dengan masyarakat bukan Islam. Ini juga boleh dikategorikan sebagai proses ke arah pelaksanaan dialog antara agama. Walaubagaimanapun dari sudut realiti

⁵¹⁶ Semua maklumat yang dinyatakan di atas adalah terdapat di dalam laman sesawang setiap Jabatan Agama Negeri seperti dinyatakan nota kaki sebelum ini.

pelaksanaannya ia masih memerlukan kajian khusus untuk melihat sejauhmana dasar dan fungsi ini dilaksanakan.

3.4 Dasar Organisasi yang menaungi Pemimpin Agama Kristian

Sebagaimana yang telah dihuraikan di dalam Bab Dua, kajian mendapati Pemimpin Agama Kristian di Malaysia terutama dalam konteks realiti di Malaysia adalah merujuk kepada para Paderi yang menjadi sebahagian ahli kepada Persekutuan Kristian Malaysia (*Christian Federation of Malaysia*) yang diketuai oleh seorang Pengerusi⁵¹⁷ dan Ahlijawatankuasa Eksekutif. Walaubagaimanapun dari aspek pelaksanaan dasar, misi dan visi serta gerak-kerja ia masih tertakluk kepada tiga badan Kristian yang menaungi lebih 40 mazhab gereja terbesar di Malaysia iaitu Gereja Katolik (*Catholic Church in Malaysia*), Majlis Gereja Se Malaysia (*Council of Churches of Malaysia*) dan Gereja Evangelikal (*National Evangelical Christian Fellowship*). Justeru pada pandangan penulis adalah suatu keperluan untuk kajian ini meneliti dasar ketiga-tiga organisasi ini dalam meneliti dan menelusuri dasar ke arah dialog antara agama mahupun hubungan antara agama. Ini adalah amat penting kerana dasar-dasar ini sudah pasti menjadi panduan kepada Pemimpin Agama Kristian dalam menjalankan tugas-tugas mereka sebagai Pemimpin Agama bagi masyarakat Kristian terutama dasar terhadap hubungan antara agama.

⁵¹⁷ Pengerusi Persekutuan Kristian Malaysia yang terkini adalah Rev Dr Eu Hong Seng.

3.4.1 Gereja Katolik: menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Sebagaimana yang telah diuraikan di dalam Bab Dua bahawa Gereja Katolik terbahagi kepada tiga Zon atau Wilayah iaitu Archdiocese of Kuala Lumpur, Archdiocese of Kota Kinabalu dan Archdiocese of Kuching. Jika diteliti satu persatu didapati di dalam Archdiocese of Kuala Lumpur terdapat 15 organisasi/bahagian yang menjadi pergerakan keseluruhan Gereja Katolik di Malaysia.⁵¹⁸ Di mana di bawah organisasi ke 6 iaitu “6. Ministries of Mission Concerns”, terdapat empat lagi organisasi penting.⁵¹⁹ Salah satu daripadanya adalah “1. Archdiocesan Ministry of Ecumenical and Inter-Religious Dialogue Affair (AMEIA)”. Organisasi ini telah menggariskan tentang usaha yang dibangunkan oleh Gereja Katolik untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat Kristian Katolik terhadap dialog antara agama. Seterusnya di bawah inisiatif ini, AMEIA akan membantu Zon atau Wilayah untuk membina hubungan dan mempromosikan dialog di kalangan pelbagai kumpulan agama.⁵²⁰

Di antara objektif penubuhan AMEIA adalah *(1) to promote mutual understanding, respect and collaboration between Catholics, other Christians and the followers of other religions. (2) To encourage the study of religions dan (3) to promote the formation of person dedicated to dialog and ecumenism.*⁵²¹ Bagi melancarkan setiap perancangan organisasi ini, seorang Paderi telah ditempatkan dan dibantu oleh seorang Pengerusi

⁵¹⁸ Maklumat lanjut sila rujuk <http://directory.heraldmalaysia.com/malaysian-catholic-diocese-directory/archdiocese-of-kuala-lumpur/1>, 13 Mei 2013.

⁵¹⁹ Inisiatif 1: Archdiocesan Ministry of Ecumenical and Inter-Religious Dialog Affairs (IMEIA), 2: Archdiocesan Ministry of Integral Human Development, 3: HIV Aids Selter Home dan 4: Archdiocesan Ministry Missionary Animation. Maklumat lanjut rujuk, *Ibid.*

⁵²⁰ *Ibid.* Rujuk juga Archdiocese of Kuala Lumpur, <http://www.archkl.org.>, 13 Mei 2013.

⁵²¹ *Ibid.*

Eksekutif.⁵²² Pada pandangan penulis, dengan penstrukturan yang begini ia menunjukkan usaha ke arah pelaksanaan dialog antara agama ini adalah suatu yang penting bagi Gereja Katolik.

Manakala Archdiocese of Kota Kinabalu dan Archdiocese of Kuching tidak terdapat sebarang inisitif ke arah pelaksanaan dialog antara agama digariskan.⁵²³ Walaupun begitu, di dalam Misi Archdiocese of Kota Kinabalu, terdapat ajakan kepada menghormati nilai-nilai pada agama-agama lain sepertimana dinyatakan di dalam Misi mereka sebagai, “...respecting the values of the other faiths, responsible stewardship of the environment as well as, promotion of justice and peace”.⁵²⁴

3.4.2 Majlis Gereja Se Malaysia: menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama

Terdapat 6 objektif Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia⁵²⁵ seperti di dalam Kotak 3.11 di bawah:

⁵²² *Ibid.*

⁵²³ Maklumat lanjut sila rujuk http://directory.heraldmalaysia.com/malaysian-catholic-diocese-directory/archdiocese-of-kota_kinabalu/1, 13 Mei 2013; <http://directory.heraldmalaysia.com/malaysian-catholic-diocese-directory/archdiocese-of-kuching/1>, 13 Mei 2013; Rujuk juga The Roman Catholic Archdiocese of Kuching, <http://www.kuchingcatholic.org.my>, 13 Mei 2013.

⁵²⁴ Maklumat lanjut rujuk, Catholic Archdiocese of Kota Kinabalu, <http://www.kkdiocese.net/about/about-location.cnt.>, 13 Mei 2013.

⁵²⁵ Maklumat lanjut rujuk, Council of Churches of Malaysia, http://ccmalaysia.org/about/mission_vision.htm, 13 Mei 2013.

Kotak 3.11: Objektif Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia

Objectives of Council of Churches of Malaysia (CCM):

1. to offer itself as an instrument or agency to the Churches in Malaysia whereby they can more and more do together everything except what irreconcilable differences of sincere conviction compel them to do separately.
2. to show forth among its members that Christian unity which is God's gift to His people in Jesus Christ, and by common prayer, study, consultation and action, promote the Church's mission in Malaysia and the World.
3. through common consultation and action to form Christian public opinion and bring it to bear on the moral, social, national and international problems of the day, particularly those affecting the life and welfare of the peoples of Malaysia.
4. to promote discussion and action among Churches in Malaysia towards Church union.
5. to provide an agency through which governments in Malaysia both federal and state, may consult with member-churches and organizations on matter of common concern to all member bodies of the Council.
6. to maintain fellowship with other Christian Councils or Council of Churches of other countries and with such ecumenical bodies as the Council may decide, and in particular to fulfil its obligations as an affiliated member of the World Council of Churches and the Christian Conference of Asia.

Sumber: Majlis Gereja-Gereja SeMalaysia

Berdasarkan objektif-objektif Majlis Gegera-Gereja Se Malaysia seperti di atas, kajian mendapati bahawa objektif ke 3 dan ke 5 amat berkaitan dengan hal-hal membina hubungan antara agama dan secara khusus terhadap galakan pelaksanaan dialog antara agama.

Objektif ke 3 telah menyebut perlunya kepada "*common consultation*" atau sesi perundingan dalam hal-hal moral, sosial sama ada dalam mahupun luar negara terutama hal-hal yang memberi mampu untuk dikongsi bersama serta perkara yang memberi kesan kepada kehidupan masyarakat Malaysia keseluruhannya. Oleh itu pada penelitian penulis hal-hal hubungan antara agama adalah perkara yang boleh memberi kesan kepada pembangunan masyarakat yang bersifat majmuk ini. Maka perkara ini mendapat tempat dalam dasar Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia. Manakala objektif ke 5 turut memperkukuhkan lagi dasar organisasi dan membuka ruang komunikasi mahupun dialog dalam pelbagai hal di mana Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia bertindak sebagai satu ajensi

mewakili masyarakat Kristian sebagai pengantara sama ada di peringkat Persekutuan mahupun Negeri. Ini telah diperkukuhkan lagi dengan catatan sejarah penubuhan organisasi ini iaitu salah satu matlamatnya adalah untuk memelihara hubungan damai dan aman bersama masyarakat Muslim dan masyarakat berlainan kepercayaan, sebagaimana dinyatakan,

*“The churches too have undergone profound transformations, from communities depending on foreign mission; they have become autonomous bodies, fully responsible for their life and witness in society. As a minority the churches have learned to hold together faithfulness to the gospel of Jesus Christ and peaceful relations with our Muslim neighbours and fellow Malaysians of other faiths”.*⁵²⁶

3.4.3 Gereja Evangelikal: menelusuri dasar terhadap dialog dan hubungan antara agama.

Terdapat 4 objektif Gereja Evangelikal⁵²⁷ seperti di dalam Kotak 3.12 di bawah:

Kotak 3.12: Objektif Gereja Evangelikal

Objective of The National Evangelical Christian Fellowship (NECF);

1. to provide a platform for fellowship and partnership among churches especially in mission, evangelism, Bible teaching and social action.
2. to assist in spurring, under the hand of God, renewal and revival in Malaysia.
3. to provide a medium for the safeguard and spread of the Christian faith.
4. to represent the Christian community on issues and matters affecting the Church and society at large, in consultation and joint action with other Christian and religious bodies in the country.

Sumber: Gereja Evangelikal

⁵²⁶ Maklumat lanjut rujuk, Concil of Churches of Malaysia (CCM), <http://ccmalaysia.org/about/history.htm>, 13 Mei 2013.

⁵²⁷ Maklumat lanjut rujuk, The National Evangelical Christian Fellowship (NECF), <http://www.necf.org.my>, 28 Januari 2013.

Berdasarkan objektif-objektif Gereja Evangelikal seperti di atas, kajian mendapati objektif ke 4 mempunyai hubungkait dengan dasar membina hubungan antara agama dan secara khusus terhadap pelaksanaan dialog antara agama.

Objektif ke 4 telah menyatakan bahawa Gereja Evangelikal akan mewakili masyarakat Kristian terutama dalam isu-isu yang memberi kesan terhadap gereja dan masyarakat keseluruhan. Mekanisma penglibatan juga turut dinyatakan seperti penglibatan di dalam sesi perbincangan “*consultation*” mahupun tindakan bersama “*joint action*”, bukan sahaja bersama organisasi Kristian tetapi mengambilkira badan-badan agama di Malaysia dan sudah pasti badan-badan atau organisasi daripada agama Islam. Justeru penulis berpendapat bahawa Gereja Evangelikal di dalam dasarnya turut memberi perhatian dalam hal-hal hubungan antara agama dan pelaksanaan dialog antara agama walaupun dari aspek pelaksanaannya masih terdapat ruang untuk diperhalusi.

Setelah meneliti sumber-sumber dokumentasi daripada organisasi yang menaungi Pemimpin Agama Kristian, kajian menunjukkan bahawa setiap organisasi ini mempunyai dasar dan objektif yang jelas dalam hal-hal membina hubungan antara agama dan juga galakan terhadap pelaksanaan dialog antara agama. Ia juga secara khusus telah dinyatakan untuk pihak gereja membina hubungan damai terhadap masyarakat Muslim. Pada pandangan penulis ia amat berbeza dengan organisasi Islam seperti JAKIM sebagaimana huraian sebelum ini di mana walaupun masyarakat bukan Muslim diletakkan sebagai salah satu pelanggan mereka tetapi galakan-galakan atau dasar Jakim sendiri tidak menggariskan membina hubungan antara agama sebagai salah satu keutamaan atau dasar apatah lagi

untuk melaksanakan dialog antara agama. Ini pada pandangan penulis akan memberi kesan langsung kepada pergerakan serta hubungan di antara pemimpin agama terutama pemimpin agama Islam dan Kristian seperti fokus kajian ini.

3.5 Isu-Isu Utama Yang Mempengaruhi Hubungan Agama Kristian dan Islam⁵²⁸

Sebagaimana yang telah dihuraikan di dalam bahagian metodologi bahawa skop kajian ini hanya merangkumi tahun 2001 sehingga 2010. Maka dalam membincangkan isu-isu utama yang mempengaruhi hubungan Islam dan Kristian di Malaysia ia juga berdasarkan skop yang sama tanpa mengabaikan kesinambungan isu-isu yang telah berlaku sebelum tahun 2001.

Isu-isu antara agama yang dibangkitkan oleh masyarakat Kristian di Malaysia banyak dipengaruhi oleh proses kebangkitan, kesedaran dan perkembangan Islam di Malaysia pada awal tahun 80 an. Proses kebangkitan Islam (*Islamic Resurgence*)⁵²⁹ ini pada

⁵²⁸ Dalam sub tajuk di atas penulis memulakan agama Kristian berbanding Islam adalah kerana isu-isu antara agama yang berlaku di Malaysia banyak dibangkitkan oleh masyarakat Kristian berbanding Islam. Maka dalam menghuraikan bahagian ini penulis akan memberi fokus kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh masyarakat Kristian berbanding Islam.

⁵²⁹ Kebangkitan semula Islam bermaksud proses menegakkan semula nilai-nilai Islam, amalan-amalan Islam, institusi-institusi Islam, undang-undang Islam serta seluruh perkara dalam kehidupan umat Islam di di serata dunia. Penggunaan perkataan kebangkitan semula itu pada realitinya mempunyai signifikansi yang mendalam pada pengertiannya. Pertama, ia menunjukkan kebangkitan dari dalam jiwa atau diri penganutnya iaitu kesedaran bahawa Islam semakin kuat dan tinggi pengaruhnya. Kedua, ia membayangkan satu fenomena keagungan Islam suatu masa dahulu yang diterajui oleh junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para sahabat sehingga menakluk dua pertiga dunia. Untuk maklumat lanjut rujuk Chandra Muzaffar, *Islamic Resurgence in Malaysia*, (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1998), 2-7, 41-43, 67-80. Maklumat lanjut berkaitan hal-hal proses kebangkitan Islam ini rujuk Mohamad Abu Bakar, "Islam Civil Formation and The Ideology of Islam", dalam *Islam and Civil Society in Southeast Asia*, ed. et al Nakamura, (Singapore : Institute of Southeast Asia Studies, 2001), 64; Fred R Von der Mehden, "Malaysia-Apolitical Survey", dalam *Malaysian: Past, Present and Future*, (Kuala Lumpur: Institute of Strategic and International Studies (ISIS), 1987), 29; R.S. Milne dan K. Mauzy, *Malaysia Politics under Mahathir*, (London: Routledge, 1999), 85; Julian C.H.Lee, *Islamization and Activism in Malaysia*, (Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2010), 14-16.

dasarnya telah berlaku dalam pentadbiran kerajaan sehinggakan telah menjadi satu dasar negara iaitu Dasar Islamisasi yang dibangunkan pada tahun 1982.⁵³⁰ Pada waktu yang sama perkembangan dasar ini juga pada pandangan masyarakat Kristian khususnya telah memberi kesan serta menyekat beberapa aspek dalam kehidupan mereka sebagaimana pandangan seorang Paderi dalam tulisannya,

*“With the state moving into the realm of societal values and Islamizing’ institutions, a number of pertinent questions disturb the minds of the religious minorities. How will this effect daily life, economics, education, the legal system, the rule of law, dress, diet, etc? What would be the implications of such a process in a multi-ethnic and multi-religious society? The common feeling among Christians is that greater restrictions will be imposed upon the practice of their religion because of the government’s deep commitment to Islam and the prevailing Islamic atmosphere”.*⁵³¹

Di antara isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat Kristian melalui penubuhan Persekutuan Kristian Malaysia (*Christian Federation of Malaysia*) yang dikaitkan dengan perkembangan proses Islamisasi di Malaysia adalah (1) Pelaksanaan Undang-Undang Islam (Hudud), (2) Hak Peruntukan Tapak Rumah Ibadah (Gereja), (3) Hak Penyiaran, (4) Dasar Pendidikan Kerajaan, (5) Isu Penubuhan Negara Islam, (6) Isu Sekatan Penyebaran Bible dalam Bahasa Melayu-Indonesia, (7) Larangan Penterjemahan serta Penggunaan Istilah-Istilah Islam dan (8) Isu Murtad.⁵³²

⁵³⁰ Maklumat lanjut berkaitan pemahaman dan pelaksanaan Dasar Islamisasi oleh pihak kerajaan seperti dalam aspek pendidikan, ekonomi, undang-undang, penerapan nilai-nilai Islam dalam penjawat awam dan aspek-aspek lain rujuk Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog antara Agama di Malaysia.”, 74-81.

⁵³¹ Albert Sundararaj Walters, “Issues in Christian-Muslim Relation.”, 71 (Penulis ini adalah Paderi di Mukim Malaysia Barat, Kuala Lumpur Malaysia).

⁵³² Maklumat lanjut bagi setiap isu-isu yang dibangkitkan oleh masyarakat Kristian sila rujuk, K.S Jomo dan A. Check, “Malaysian’s Islamic Movement” dalam *Fragmented Vission: Cultural and Politic in Contemporary Malaysia*, ed. J.Khan dan Kok Wah, (North Sydney: Asian Studies Association of Australia in association with Allen and Unwin, 1992), 93; Kikue Hamayotsu, “Politic of Syariah Reform: The Making of the State Religio-Legal Apparatus”, dalam *Malaysia: Islam, Society and Politics*, ed. Virginia Hooker dan Norani Othman, (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003), 70-72; Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, 52-55, M.K.C Chew, *The Journey of the Catholic Church in Malaysia*, 1511-1996, (Kuala Lumpur:

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini bahawa skop kajian ini adalah dalam lingkungan tahun 2001 hingga 2010 maka seterusnya penulis hanya akan meneliti isu-isu utama masyarakat Kristian dalam lingkungan tahun tersebut. Di antara isu utama yang akan diteliti adalah (1) Isu Kebebasan Beragama, (2) Isu Negara Islam/ Pelaksanaan Hudud, (3) Pengharaman Bible dan larangan penggunaan kalimah Allah dan (4) Penerbitan Bible dalam Bahasa Malaysia. Perbincangan keseluruhan isu tidak akan menfokuskan kepada kronologi peristiwa tetapi akan difokuskan kepada gambaran arah dan fokus persoalan agar dapat melihat sama ada fungsi pelaksanaan dialog antara agama ini mendapat tempat mahupun sebaliknya dalam menangani setiap isu yang berlaku. Oleh itu penulis akan dapat membuat kesimpulan tentang penglibatan oleh kedua-dua pemimpin agama sama ada Kristian mahupun Islam dalam berperanan melaksanakan dialog antara agama sebagai salah satu proses perdamaian (*reconciliation*).

3.5.1 Isu Kebebasan Beragama- Kes Lina Joy

Dalam isu kebebasan beragama ini penulis memilih untuk meneliti kes murtad Lina Joy.⁵³³

Ini adalah kerana kes ini (1) berada dalam lingkungan skop kajian⁵³⁴ dan ia telah menjadi

Catholic Research Centre, 2000), 271-274; Albert Sundararaj Walters, "Issues in Christian-Muslim Relation:", 72-76; Julian C.H.Lee, *Islamization and Activism in Malaysia*, 51-61; Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog antara Agama di Malaysia:", 83-88;

⁵³³ Nama asal beliau adalah Azlina Jailani seorang berbangsa Melayu dan beragama Islam dan pernah memohon pada tahun 1997 untuk menukar nama kepada Azlina Lelani atas alasan telah menukar agama kepada agama Kristian dan permohonan itu telah ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Seterusnya pada tahun 1999 sekali lagi membuat permohonan ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk menukar nama kepada Lina Joy tanpa menyatakan sebab pertukaran kepada agama Kristian dan telah diluluskan di mana dalam kad pengenalan baru masih tertera perkataan Islam. Pada tahun 2000 beliau membuat permohonan ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk membuang perkataan "Islam" dari kad pengenalannya dan ditolak kerana permohonan tidak mendapat kebenaran Mahkamah Syariah sebagai bukti memperakui beliau telah keluar daripada Agama Islam. Oleh yang demikian beliau membuat permohonan ke Mahkamah Tinggi pada tahun 2000 dan seterusnya ke Mahkamah Rayuan pada tahun 2005 untuk tujuan membuang perkataan "Islam" dalam kad pengenalannya tetapi kedua-dua permohonan tersebut juga ditolak. Ini adalah kerana pada penafsiran kedua-dua mahkamah hal ini di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Akhirnya beliau mendapat bantuan daripada peguambela iaitu Dato' Dr. Cyrus Das, bekas Presiden Majlis Peguam untuk membawa kes ini ke Mahkamah Persekutuan dan keputusannya juga tetap ditolak dengan alasan bahawa kes

(2) satu isu berprofil tinggi dan kontroversi kerana menjadi kes pertama berkaitan Artikel 11(1)⁵³⁵ yang dibawa sehingga ke Mahkamah Persekutuan untuk ditafsirkan. (3) Selain itu ia juga adalah kes di mana seorang rakyat Malaysia berbangsa Melayu dan beragama Islam pada asalnya, menentang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendaftaran Negara dan Kerajaan Persekutuan⁵³⁶ untuk memansuhkan perkataan “Islam” sebagai agama dalam kad pengenalan untuk memudahkan beliau mendaftarkan perkahwinannya bersama seorang beragama Kristian. (4) Kes ini juga dilihat telah mengundang pelbagai kontroversi dan konflik penafsiran melibatkan sistem perundangan di Malaysia iaitu di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dan (5) juga telah mendapat liputan yang luas sehingga ke peringkat antarabangsa serta mendapat sokongan daripada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) bukan Islam di Malaysia. (6) Manakala dari segi tempoh masa, kes ini telah berlarutan selama hampir sepuluh tahun.

ini di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Makumat lanjut rujuk, Julian C.H.Lee, *Islamization and Activism in Malaysia*, 62-66; Nathaniel Tan dan John Lee *et al* (ed.), *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 12-13; Albert Sundararaj Walters, “Issues in Christian-Muslim Relation:”, 76. Angkatan Belia Islam Malaysia, <http://www.abim.org.my>, 5 Jun 2007; *Aliran*, <http://www.aliran.com>, 5 Jun 2007; A.Hafiz Yatim dan Rita Jong, “Federal Court dismiss Lina’s Joy appeal”. *News Straits Time*, <http://www.nst.com.my>, 31 Mei 2007. (Artikel-artikal ini berada di dalam simpanan penulis semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dialog antara agama pada tahun 2007).

⁵³⁴ Dalam skop kajian ini isu Lina Joy yang dimaksudkan adalah proses rayuan beliau untuk mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Pendaftaran Negara agar membuang perkataan “Islam” daripada kad pengenalan beliau.

⁵³⁵ Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan adalah berkaitan dengan Kebebasan Beragama dan secara khusus berkaitan dengan Artikel 11(1) iaitu Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkan ugamanya. Rujuk, Perlembagaan Persekutuan (Hingga 1 Mac 2010), (Pelating Jaya: International Law Book Services, 2010), 12.

⁵³⁶ Oleh itu dalam bahagian seterusnya penulis tidak akan meneliti respon daripada badan atau organisasi yang berkait dengan kerajaan kerana semua organisasi tersebut akan berpihak kepada keputusan daripada Mahkamah Persekutuan.

3.5.1(a) Kes Murtad Lina Joy – Keputusan Kehakiman

Pada 30 Mei 2007 Mahkamah Persekutuan dengan majoriti 2:1 telah menolak rayuan Lina Joy untuk membuang perkataan “Islam” dalam kad pengenalanya serta menegaskan bahawa orang yang beragama Islam tidak dibenarkan keluar Islam di bawah Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan sesuka hati kecuali mendapat kebenaran atau diperakui oleh Mahkamah Syariah. Perbicaraan tersebut dihakimi oleh tiga orang Hakim iaitu Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, Hakim Dato’ Allaudin Mohd Sheriff. Ketua Hakim Negara berkata Jabatan Pendaftaran Negara dengan wajarnya memerlukan daripada Lina Joy surat perakuan murtad daripada Mahkamah Syariah. Selepas itu mahkamah ada kuasa untuk meneruskan penghakiman untuk membuang perkataan “Islam” daripada kad pengenalan beliau. Ini adalah kerana Mahkamah Syariah mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada seseorang itu dibenarkan murtad ataupun tidak dan ia berlandaskan Undang-Undang Islam sedia ada. Ini bermakna dari sudut perundangan, Lina Joy masih lagi beragama Islam dan perlu patuh kepada undang-undang Islam sehingga mendapat perakuan daripada Mahkamah Syariah untuk keluar daripada Islam atau murtad.⁵³⁷ Manakala Hakim ketiga iaitu Hakim Besar Sabah dan Sarawak Datuk Richard Malanjum tidak bersetuju⁵³⁸ dengan hujah yang dikemukakan oleh Tun Fairuz dan

⁵³⁷ Petikan daripada keputusan yang dibuat oleh Hakim iaitu Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, *“In other words, one cannot embrace or leave a religion according to one’s whims and fancies. This is because apostasy is an issue dealing with Islamic Laws. Therefore, the NRD has adopted the policy that requires verification by the religious authorities or the Syariah Court before the department can delete the word. Therefore, I agree with the Court of Appeal’s majority judgement that NRD’s policy is completely reasonable”*. Maklumat lanjut berkaitan petikan rujuk, *The Star*, “CJ:NRD’s requirement is reasonable”, <http://thestar.com.my>, 31 Mei 2007

⁵³⁸ Hakim Datuk Richard Malanjum juga mendakwa, *“Malanjum also argued that from a legal standpoint, converting to Christianity and renouncing Islam constituted two separated things, and that therefore while the NRD would be justified in demanding proof of apostasy from the religious authorities if Lina Joy had simply said she was renouncing Islam, the NRD could not do the same if (as she had done) Joy said she had converted to Christianity”*. Beliau juga turut menyatakan di dalam penghakiman bertulis, *“In some state in Malaysia, apostasy is an offence. Hence to expect the Appellant (Lina) to apply for a certificate of apostasy when to do so would likely expose her to a range of offences under the Islamic Law is in my view*

menyatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah lebih tinggi daripada Mahkamah Syariah iaitu dengan merujuk kepada Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan.⁵³⁹

3.5.1(b) Reaksi daripada wakil-wakil Islam ⁵⁴⁰

Dalam bahagian ini penulis akan mengenengahkan petikan-petikan, reaksi dan pandangan daripada wakil-wakil Islam seperti Badan-bukan Kerajaan (NGO) Islam, Badan Profesional Undang-Undang, Ahli Akademik, Parti Politik dan Pemimpin Islam di Malaysia terhadap penghakiman yang telah dibuat oleh Mahkamah Persekutuan. Respon daripada wakil-wakil Islam ini adalah penting untuk diteliti kerana ia akan dapat memberi gambaran apakah fokus dan arah reaksi mereka terhadap penghakiman ini. Pada pandangan penulis pandangan mereka ini amat penting kerana ia akan mempengaruhi persepsi masyarakat Islam keseluruhannya. Di samping itu ia turut akan memberi kesan secara langsung terhadap hubungan antara agama di Malaysia terutama di antara Islam dan Kristian sebagaimana fokus kajian ini.

unreasonable for it means the Appellant (Lina) is made to self-incriminate". Maklumat lanjut rujuk, Nathaniel Tan dan John Lee *et al* (ed.), *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, 13 dan 46.

⁵³⁹ Maklumat lanjut rujuk, Nathaniel Tan dan John Lee *et al* (ed.), *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, 12-13; *The Star*, "CJ:NRD's requirement is reasonable", <http://thestar.com.my>, 31 Mei 2007; Roy Rasul, "Mahkamah tolak permohonan Lina Joy, pelbagai pihak lega". *Harakahdaily*, <http://harakahdaily.net>, 31 Mei 2007. A.Hafiz Yatim dan Rita Jong, "Federal Court dismisses Lina's Joy appeal". *News Straits Time*, <http://www.nst.com.my>, 31 Mei 2007. (Artikel-artikal ini berada di dalam simpanan penulis semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dialog antara agama pada tahun 2007).

⁵⁴⁰ Reaksi-reaksi ini turut mengambilkira hujah-hujah yang telah diberikan oleh wakil Majlis Peguam yang diketuai oleh Peguam Malik Imtiaz Sarwar dan beberapa wakil lain yang turut menyokong Lina Joy di mana telah diberi kebenaran untuk memberi hujah dan bersuara selepas penghakiman dibuat. Pada dasarnya hujah yang diberikan telah cuba menarik perhatian daripada keperluan mematuhi hak dan kuasa Mahkamah Syariah kepada persoalan hak individu Lina Joy sebagai rakyat Malaysia untuk mempraktikkan kepercayaannya serta dilindungi oleh perlembagaan sebagaimana terkandung di dalam Artikel 11(1) Perlembagaan Persekutuan. Untuk maklumat lanjut rujuk, Peguam Bela, "Kes Murtad Azlina Jelani (Lina Joy)". *Harakahdaily*, <http://harakahdaily.net>, 5 Jun 2007. Rujuk juga pandangan lanjut Malik Imtiaz Sarwar berkaitan pertentangan penghakiman di antara Mahkamah Sivl dan Mahkamah Syariah dalam Julian C.H.Lee, *Islamization and Activism in Malaysia*, 69-71.

Yusri Mohamad, Pengerusi Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA) dan juga berperanan sebagai Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menegaskan bahawa, *“We believe the court procedure is unhealthy one because such issue should be avoided (at the court) as all confrontational and controversial approaches should be shunned”*.⁵⁴¹ Walaupun begitu beliau menyambut baik keputusan penghakiman ini di mana turut mengakui keadilan telah ditegakkan dan percaya bahawa keputusan ini juga adalah suatu *relief* sama ada kepada masyarakat Muslim dan bukan Muslim di Malaysia dan selari dengan realiti sejarah dan realiti masyarakat di Malaysia dengan menegaskan,

“In that spirit, this decision should not be perceived as a victory for Muslims and a loss for non-Muslim in Malaysia. Insteads it should be seen as a rejection of an attempt by certain individuals and segments to deconstruct and radically revamp the current formula. A formula built upon a mutual appreciation and understanding of the historical background and social realities of the Malaysian society”.⁵⁴²

Pada pandangan beliau keputusan ini juga turut dilihat dapat mengangkat posisi Agama Islam dan Mahkamah Syariah dalam perlembagaan dan konteks undang-undang di Malaysia, *“... as vindicating and upholding the existing arrangement relating to the position of Islam and the Shariah Court in the constitutional dan legal set-up of the country”*⁵⁴³ Beliau juga turut mengingatkan badan-badan berautoriti di Malaysia dengan menyatakan, *“in a time when Islamophobia seems to be very popular, to call upon all Islamic religious authorities and agencies to be extra diligent, efficient and professional in*

⁵⁴¹ Fauwaz Abdul Azizi, “Don’t court controversy, say Muslim Group”. *Malaysiakini*, <http://www.malaysiakini.com>, 31 Mei 2007. (Artikel-artikel ini berada di dalam simpanan penulis semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dialog antara agama pada tahun 2007).

⁵⁴² Keseluruhan respon bertulis rujuk, Yusri Mohamad, “Justice has been served”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 21-22. Rujuk juga, Roy Rasul, “Mahkamah tolak permohonan Lina Joy, pelbagai pihak lega”. *Harakahdaily*, <http://harakahdaily.net>, 31 Mei 2007.(Artikel ini berada di dalam simpanan penulis semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dialog antara agama pada tahun 2007).

⁵⁴³ *Ibid.*, Yusri Mohamad, “Justice has been served”, 21.

*discharging their duties so that the good name of the religion does not suffer by mistakes or weaknesses at the implementation level”.*⁵⁴⁴

Manakala Presiden Jamaah Islam Malaysia (JIM) iaitu Zaid Kamaruddin pula memberi respon bahawa isu-isu yang berpotensi meningkatkan konflik yang bersifat agama dan perkauman haruslah diselesaikan melalui perundingan (*mutual consultation*) dan persetujuan atau permuafakatan (*agreement*) di antara agama yang terlibat dan dielakkan daripada menggunakan saluran perundangan sebagaimana kes Lina Joy ini. Ini adalah kerana untuk mengelakkan isu ini daripada dipolitikkan.⁵⁴⁵

Seterusnya adalah reaksi daripada Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia iaitu Zinal Rijal Abu Bakar (PGSM). Beliau menekankan tentang pentingnya pengiktirafan bidang kuasa dan kredibiliti Mahkamah Syariah dan Undang-Undang Islam untuk memutuskan hal-hal yang berkaitan dengan umat Islam dan bukan di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil seperti mana kenyataan beliau secara bertulis,

“Keputusan tersebut memberi pengiktirafan kepada kredibiliti Mahkamah Syariah dan Undang-Undang Islam. Mahkamah Sivil yang tertinggi di Negara (Mahkamah Persekutuan) telah memutuskan bahawa penentuan berhubung dengan agama Islam hendaklah dibuat oleh Mahkamah Syariah dan bukan Mahkamah Sivil. Keputusan ini telah menunjukkan bahawa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah saling lengkap melengkapi antara satu sama lain (*completing each other*) dan tidak bersaing antara satu sama lain (*competing each other*). Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah masing-masing mempunyai bidang kuasanya tersendiri mengikut undang-undang dan mereka tidak boleh saling menggugat antara satu

⁵⁴⁴ *Ibid.*, 22.

⁵⁴⁵ Fauwaz Abdul Azizi, “Don’t court controversy, say Muslim Group”. *Malaysiakini*, <http://www.malaysiakini.com>, 31 Mei 2007. (Artikel ini berada di dalam simpanan penulis semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dialog antara agama pada tahun 2007).

sama lain. Keadaan unik ini hendaklah dipelihara oleh setiap masyarakat yang cintakan keamanan di Malaysia”.⁵⁴⁶

Shamrahayu Abdul Azizi, Pensyarah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pula menyatakan dari perspektif undang-undang, penghakiman ini pada dasarnya telah memberi satu penjelasan mengenai bidang tugas di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah terutama berkaitan hal-hal masyarakat Muslim. Walaubagaimanapun dari aspek perpaduan nasional (*social cohesion*) ia tidak begitu baik. Sebagaimana respon beliau,

*“I would guess there wa no way to avoid such decision being made. It’s good in the legal sense because Muslims can be certain as to what are the limits, or lack, of their right in Malaysia. There was a lack of clarity in the legal provision. In social terms, however, it’s not so good”.*⁵⁴⁷

Parti Islam SeMalaysia (PAS) melalui Timbalan Presidennya, Ustaz Nasharudin Mat Isa pula memberi reaksi syukur dengan keputusan tersebut dan menyatakan bahawa dengan keputusan ini ia akan dapat meningkatkan imej Islam dan menjadi titik tolak dalam mempertahankan akidah Islam dan Shariat Islam.⁵⁴⁸ Manakala Ahli Jawatankuasa PAS Pusat, Ustaz Taib Azamuddin menegaskan bahawa isu ini adalah isu yang berkaitan dengan

⁵⁴⁶ Zainul Rijal Abu Bakar, “Kenyataan Media PGSM Berhubung Keputusan Kes Azlina Jailani”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 35. Rujuk juga, Roy Rasul, “Mahkamah tolak permohonan Lina Joy, pelbagai pihak lega”. *Harakahdaily*, <http://harakahdaily.net>, 31 Mei 2007. (Artikel ini berada di dalam simpanan penulis semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dialog antara agama pada tahun 2007).

⁵⁴⁷ Fauwaz Abdul Azizi, “Don’t court controversy, say Muslim Group”. *Malaysiakini*, <http://www.malaysiakini.com>, 31 Mei 2007. (Artikel ini berada di dalam simpanan penulis semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dialog antara agama pada tahun 2007).

⁵⁴⁸ *Harakahdaily*. “Kes Lina Joy: PAS sambut baik keputusan Mahkamah”, <http://arkib.harakahdaily.net/index.php/arkib/berita/lama/2007/5/7935/kes-lina-joy-pas-sambut-baik-keputusan-mahkamah.html>, 7 Jun 2013.

ketuhanan maka ia adalah berkaitan dengan kebenaran dan bukan kepentingan sesiapa tetapi kepentingan dan kemahuan agama. Oleh itu seharusnya Lina Joy perlu merujuk kepada ahli agama akan hal ini kerana ia berkaitan Syariah Islam. Sepertimana beliau nyatakan,

"Menyelamatkan seorang muslim daripada murtad suatu jihad yang besar. Keputusan menolak permohonan Lina Joy untuk membuang perkataan Islam daripada kad pengenalan adalah sebahagian daripada usaha yang dilakukan mahkamah. Sepatutnya apabila mahkamah membuat keputusan tersebut, Lina Joy seharusnya meneliti semula serta menginsafi apa yang telah dilakukannya.

"Agama bukan mengikut perasaan dan mengikut kepentingan. Agama berkaitan dengan ketuhanan. Apabila berkaitan dengan ketuhanan, asasnya berdasarkan kepentingan dan kemahuan. Kepentingan dan kemahuan kita dipengaruhi oleh banyak sudut sedangkan agama adalah perkara kebenaran. Kebenaran pula tidak berdiri semata-mata berdasarkan kemahuan seseorang,"⁵⁴⁹

Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam reaksi beliau terhadap keputusan penghakiman telah menegaskan beberapa perkara. Pertama, pihak kerajaan harus meningkatkan keyakinan masyarakat Malaysia terhadap Mahkamah Syariah dan memastikan hak-hak bagi masyarakat bukan Muslim sebagaimana terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia adalah terjamin. Selain itu beliau menambah perkara ini juga berlaku adalah disebabkan oleh ketidakcekapan pemimpin dalam menangani permasalahan ini. Sebagaimana dalam respon bertulis beliau,

"It must be pointed out that this controversy has been compounded by the failure of the authorities to strengthen public confidence towards the Shari'ah Court, no doubt in part contributed by the dismal record of their performance. With very few exception, recent decisions have lent credence

⁵⁴⁹ *Ibid.*

*to the general view of their incompetence and inability to resolve otherwise simple issues. The authorities have also failed to deal with this issue in a manner that would reassure non-Muslims that their Constitutional freedom in respect of religion has not been compromised*⁵⁵⁰.

*“The fact that dissatisfaction and tensions continue to be unresolved points to the failure of the government to achieve a broad consensus over the issue. This issue has been allowed to drag into an exceedingly protracted and rancorous debate due to the incompetent of our leaders”*⁵⁵¹

Kedua, beliau menegaskan tentang kelemahan pihak berkuasa dalam mengurus isu ini di peringkat awal iaitu seperti mengada-adakan sesuatu polisi atau menambah bidang kuasa yang tidak ada di dalam bidang kuasa mereka (Mahkamah Syariah) seperti bidang kuasa membuang perkataan Islam di dalam kad pengenalan dan menentukan status agama terhadap seseorang ‘bukan Muslim’⁵⁵² sehingga menyebabkan perkara ini dibawa ke peringkat Mahkamah Persekutuan. Beliau menyatakan,

*“To my mind, the decision does not concern the propriety or otherwise of Muslim to renounce their religion but only makes it mandatory for erstwhile Muslim to apply to the Shari’ah court should they wish to formalize their renunciation, as in this case of Lina Joy in respect of her application for the word ‘Islam’ to be deleted from her identity card. It does not confer any new area of jurisdiction to the Shari’ah court to determine the religious status of non-Muslims as some views would seem to suggest”*⁵⁵³.

⁵⁵⁰ Anwar Ibrahim, “Federal Court Decision on Lina Joy”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 17

⁵⁵¹ Anwar Ibrahim, “Preserving the Spirit of the Constitution”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 15

⁵⁵² Sebagaimana dalam kes ini Jabatan Pendaftaran Negara memohon Lina Joy untuk mendapatkan Sijil Tukar Agama (Murtad) (*Certificate of Apostacy*) daripada Mahkamah Syariah sedangkan pihak Mahkamah Syariah tidak terdapat bidang kuasa tersebut apatah lagi Sijil Keluar Agama (Murtad) itu tidak dapat dikeluarkan kerana pada asasnya Mahkamah Syariah tidak membenarkan (mengharamkan) seseorang Muslim untuk keluar dari agama Islam (Murtad).

⁵⁵³ Anwar Ibrahim, “Federal Court Decision on Lina Joy”, 17-18

Beliau turut menambah bahawa keputusan untuk mengarahkan Lina Joy mematuhi sebarang peraturan untuk seseorang itu untuk keluar (*renounce*) Islam dengan mengikut peraturan agama asalanya sesuatu yang tepat dan sudah pasti mahkamah yang bertanggungjawab ke atasnya adalah Mahkamah Shariah, dengan menyatakan,

*“The decision is not about compelling Lina Joy to return to Islam despite her professing to be Christian but about the rules that must be complied with when an individual wishes to renounce Islam as his or her religion. I believe that such a matter must remain within the jurisdiction of the Shari’ah Court and whether or not such reunification is appropriate is a matter for the Shari’ah court to decide. This is clear in keeping with the established Shari’ah laws in the various States governing the issues of apostasy just as it applies to issues pertaining to the various aspects of the Islamic law of personal status such as divorce, wills and heritance. Though the substantives law and procedural requirements governing apostacy may vary in degree from state to state, the Federal Constitution provides that such matters are within the exclusive purview of the Sharia’ah court”.*⁵⁵⁴

Perkara ketiga yang diketengahkan oleh beliau adalah berkaitan kepentingan pelaksanaan dialog antara agama sebagai platform membincangkan isu ini malangnya kerajaan telah memutuskan untuk tidak melaksanakannya. Dalam hal ini beliau menyatakan,

*“...the government has also decided to stop any form of religious discussion and dialogue that can address these issues. We call on the government to allow reasonable and responsible dialogue to take place to explore our common values while acknowledging our differences”.*⁵⁵⁵

⁵⁵⁴ *Ibid.*, 18

⁵⁵⁵ Anwar Ibrahim, “Preserving the Spirit of the Constitution”, 15

“It is crucial in order to preserve the spirit of the Constitution that we understand the hopes as well as fears of all Malaysian through dialogue, discussion and deliberation...”⁵⁵⁶

Perkara seterusnya yang ditekankan oleh beliau juga adalah kelemahan pihak berwajib dalam menangani permasalahan ini sebagaimana dinyatakan, *“The government must show political will and leadership to address this issue, and not sweep it under the carpet. Otherwise, it will spell reater discord and distrust among our fellow citizens”*.⁵⁵⁷ Beliau juga menambah, *“The authorities have also failed to deal with this issue in a manner that would reassure non-Muslims that their incompetence and inability to resolve to forge inter-faith harmony in the light of this decision, the governmnet is trying to gain political mileage from it”*.⁵⁵⁸

Beliau juga menyeru kepada seluruh masyarakat bukan Muslim untuk memahami dan menghargai bahawa hal berkaitan dengan keluar Islam atau murtad adalah perkara yang sangat sensitif dan tidak boleh dipandang remeh. Begitu juga masyarakat Muslim harus menunjukkan komitmen, mengiktiraf serta memelihara hal berkaitan kebebasan beragama, mengamalkan agama selain Islam. Ini adalah kerana ia juga adalah hal yang sensitif bagi masyarakat bukan Muslim.⁵⁵⁹

⁵⁵⁶ *Ibid.*, 16

⁵⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁵⁸ Anwar Ibrahim , “Federal Court Decision on Lina Joy”, 17.

⁵⁵⁹ *Ibid.*, 18

3.5.1(c) Reaksi daripada wakil-wakil Kristian

Dalam bahagian ini penulis akan mengenengahkan petikan-petikan, reaksi dan pandangan daripada wakil badan-badan Kristian seperti Persekutuan Kristian Malaysia (*Christian Federation of Malaysia*), Majlis Gereja-gereja SeMalaysia (*Council of Churches of Malaysia*) dan Majlis Perundingan Agama Budha, Kristian, Hindu, Sikh dan Toa (*The Malaysian Consultative Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism*). Respon daripada wakil-wakil bukan Islam ini adalah penting untuk diteliti kerana ia akan dapat memberi gambaran apakah fokus dan arah reaksi mereka terhadap penghakiman ini. Di samping itu ia juga turut mempengaruhi dan membina persepsi masyarakat Kristian di Malaysia dalam hal ini.

Pengerusi dan Ahlijawatankuasa Eksekutif, Persekutuan Kristian Malaysia Bishop Paul Tan Chee Ing, berasa sedih dengan keputusan tersebut kerana ia dilihat meniadakan hak asasi individu untuk menganuti agama pilihannya sebagaimana yang termaktub di dalam Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan. Beliau menyatakan,

*“We reiterate that the NRD’s insistence on such a certificate being produced has curtailed the fundamental right of an individual to profess and express his or her religion as provided for in Article 11. We also noted with much concern that this decision reflects a growing trend of decision in the court where civil court are abdicating their responsibility of providing legal redress to individuals who only seek to profess and live their religion according to their conscience”*⁵⁶⁰

⁵⁶⁰ Paul Tan Chee Ing, “Saddened by decision”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee (ed.), (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 25.

Beliau juga mendakwa bahawa Mahkamah Sivil telah melepaskan hak dan tanggungjawabnya yang harus dilaksanakan sebagaimana temaktub dalam Perlembagaan Malaysia sebagaimana dakwaannya,

*“We also noted with much concern that this decision reflects a growing trend of decisions in the courts where civil courts are abdicating their responsibility of providing legal redress to individual who only seek to profess and live their religion according to their conscience”.*⁵⁶¹

Oleh yang demikian beliau menekankan agar pihak kerajaan dan pembuat undang-undang untuk melihat kembali undang-undang yang berkaitan dan mengembalikan bidangkuasa Mahkamah Sivil dalam hal kebebasan beragama sebagaimana dinyatakan di dalam perlembagaan. Dalam pada itu Persekutuan Kristian Malaysia masih bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia dalam meningkatkan hubungan pelbagai agama dan kaum di Negara ini.⁵⁶²

Manakala Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia melalui kenyataan bersama Presiden dan Setiausaha Agungnya iaitu Rev. Dr. Thomas Philips dan Rev. Dr. Hermen Shastri amat berasa kesal dan turut menyentuh berkaitan dengan kegagalan Mahkamah Sivil mempertahankan hak seseorang individu untuk mengamalkan kebebasan beragama sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Mereka menegaskan,

⁵⁶¹ *Ibid.*, Rujuk juga The Malaysian Bar, “ Christian Federation of Malaysia Statement on Lina Joy’s case”, <http://www.malaysianbar.org.my>, 31 Mei 2007(Artikal ini berada di dalam simpanan penulis semasa menjalankan penyelidikan berkaitan dialog antara agama pada tahun 2007).

⁵⁶² *Ibid.*, h. 25.

*“We believe that the constitutional provision in Article 11 which guarantees freedom of religion in our country has been severely diminished. The majority judgement has denied the individual a right guaranteed under the constitution, a right to freedom of conscience and choice of religion. It would appear that the constitution is being read subject to extraneous (Syariah) considerations. It is therefore, vital that necessary legislation be enacted to ensure that no citizen would feel penalized when he or she exercises the individual right to choose a faith and to practice it in freedom”.*⁵⁶³

Rev. Dr. Hermen Shastri dalam kenyataan peribadinya turut menegaskan agar perhatian dan tindakan yang serius harus diberikan kepada permasalahan bidangkuasa di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dalam Artikel 11 yang pada pandangan beliau dilihat masih kabur, beliau berkata,

*“Civil court should be seen to protect and uphold justice of citizens with regard to fundamental liberties guarantees by the Federal Constitution. In no way should a judge abdicate responsibility in hearing the case of one who seek to exercise the right to be heard in court”.*⁵⁶⁴

The National Evangelical Christian Fellowship Malaysia (NECF) dalam kenyataan akhbaranya turut berasa amat kecewa dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dengan menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Persekutuan itu tidak menyokong asas kebebasan beragama dan hak asasi seseorang individu untuk menganuti agama pilihan mereka tanpa sebarang paksaan sebagaimana terkandung di dalam perlembagaan Malaysia. NECF juga mendakwa bahawa keputusan ini dilihat sebagai satu kegagalan oleh pihak penghakiman dalam menyelesaikan isu-isu antara agama. Sebagaimana dinyatakan,

⁵⁶³Thomas Philip, “Freedom of religion has been severely diminished”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 26.

⁵⁶⁴Albert Sundararaj Walters, “Issues in Christian-Muslim Relation:”, 76.

*“ ...the Federal Court decision does not uphold the constitutional safeguard of freedom of religion. It is a person’s fundamental right to profess a religion of her own choice free from compulsion or interference by the state or its institutions. Freedom of religion under the Federal Constitution can only be restrained where a person acts contrary to any general law affecting public order, public health or morality. Therefore, it defies all logic that Lina Joy’s freedom to profess and exercise a faith of her own choice can be subject to administrative barrier in the NRD refusing to accept a change to her religious status except upon the order of the Syariah Court ”.*⁵⁶⁵

*NECF Malaysia is also deeply dismay that the majority decision of the highest court has failed to bring resolution to the present interfaith issues. by insisting that a person who no longer profess the religion of Islam but has embraced another religion to seek an order of the Syariah Court is equivalent to insisting that a muallaf who has attained the age of majority is obliged to seek the clearance of the religious leaders or authority of his former religion. Mutual respect and tolerance surely cannot be fostered without due regard to the principle of reciprocity”.*⁵⁶⁶

NECF turut menyelar keputusan ini bukan sahaja tidak adil bagi Lina Joy tetapi pada orang lain dalam masalah yang sama iaitu terperangkap dalam agama yang mana mereka tidak lagi anuti sehingga menjejaskan kehidupan harian mereka,

*“...the Federal Court has perpetuated a most unfair and untenable position for Lina Joy and others in a similar dilemma. They now cannot enjoy the full rights as citizens as they are trapped in a religion which they no longer profess and unable to lawfully marry, have children and live in accordance with the value, precept and practices of the religion of their choice”.*⁵⁶⁷

⁵⁶⁵ The National Evangelical Christian Fellowship Malaysia (NECF), “NECF Malaysia’s Response to the Lina Joy Judgement”, <http://www.necf.org.my/newsmaster>, 18 Jun 2013. (Artikel ini telah dikeluarkan oleh NECF pada 1 Jun 2007 selepas penghakiman Lina Joy dibuat pada 30 Mei 2007)

⁵⁶⁶ *Ibid.*

⁵⁶⁷ *Ibid.*

Oleh itu NECF menegaskan, *“the foundational principle of supremacy of the Constitution over all other laws must be upheld”*.⁵⁶⁸

Majlis Perundingan Agama Budha, Kristian, Hindu, Sikh dan Toa (MCCBCHS) dalam kenyataannya turut menyelar peraturan yang dikenakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara yang mengarahkan Lina Joy mendapatkan Sijil Tukar Agama (Murtad) daripada Mahkamah Syariah jika ingin membuang perkataan ‘Islam’ daripada kad pengenalnya yang pada pandangan mereka tindakan itu suatu yang melanggar perlembagaan di dalam aspek kebebasan beragama sebagaimana ditegaskan,

*“it is of the view that a person’s religion cannot be determined by religious law or bodies other than the person himself/herself. To state otherwise would undermine the constitutional guarantee of freedom of religion under Article 11(1) of our Constitution...”*⁵⁶⁹

3.5.2 Isu Negara Islam

3.5.2 (a) Perbahasan Negara Islam: UMNO – Parti PAS

Isu Negara Malaysia sebagai sebuah Negara Islam adalah bukan isu baru. Ia telah lama dibincangkan dan diperdebatkan sama ada oleh kerajaan memerintah, para sarjana Islam di Malaysia, golongan profesional undang-undang dari perspektif Perlembagaan Malaysia, masyarakat awam sama ada masyarakat Muslim dan bukan Muslim. Perbincangan ini

⁵⁶⁸ *Ibid.*

⁵⁶⁹ *Ibid.*, 77

adalah rentetan daripada proses kebangkitan Islam di Malaysia di awal tahun 80 an sehingga terlaksananya Dasar Islamisasi atau Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam oleh pihak kerajaan memerintah pada tahun 1982 yang turut memberi kesan kepada perkembangan pemahaman Islam dalam pelbagai peringkat seperti sistem pendidikan, ekonomi, politik, undang-undang mahupun perbahasan pembentukan Negara Islam.⁵⁷⁰ Walaubagaimanapun pada waktu itu sehingga tahun 2000, pihak kerajaan memerintah tidak membuat sebarang pengisytiharan⁵⁷¹ bahawa Malaysia adalah sebuah Negara Islam⁵⁷² sehingga Perdana Menteri Keempat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 29 September 2001 semasa Ucapan Pembukaan Persidangan Perwakilan ke 30 Parti Gerakan Rakyat Malaysia, menyatakan,

“UMNO wishes to state loudly that Malaysia is an Islamic country. This is based on the opinion of ulamaks[ulama’] who had clarified what constituted as Islamic country. If Malaysia is not an Islamic country because it does not implement the hudud, then there are no Islamic countries in the world.

⁵⁷⁰ Maklumat lanjut berkaitan perkembangan kebangkitan Islam di Malaysia sekitar 80 an dan 90 an beserta huraian suasana masyarakat ke atas penerimaan masyarakat Muslim dan bukan Muslim terhadap Dasar Islamisasi, pendekatan serta fokus kerajaan dalam pelbagai aspek pembangunan, rujuk, Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia”, 70-78.

⁵⁷¹ Pada dasarnya jika menelusuri kembali suasana sekitar 80 an dan 90 an hakikatnya masyarakat bukan Muslim khususnya tetap beranggapan bahawa usaha yang sedang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui Dasar Islamisasi atau Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam ini adalah terarah untuk membangunkan Negara Islam walaupun sebarang pengisytiharan oleh pihak kerajaan tidak pernah dibuat sehinggakan ada yang beranggapan terutama masyarakat bukan Muslim bahawa dasar ini secara tidak langsung ingin menerapkan nilai-nilai Islam ke dalam kehidupan masyarakat bukan Muslim. Maklumat lanjut rujuk, Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia”, 79-83.

⁵⁷² Walaupun tiada sebarang pengisytiharan dibuat oleh kerajaan memerintah pada waktu itu tetapi wujud organisasi seperti Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) menganjurkan Ijtimak Ulama’ SeMalaysia pada 1985 yang membincangkan konsep Negara Islam. Sehinggakan telah menggariskan beberapa perkara untuk diambil perhatian oleh kerajaan memerintah untuk merealisasikan Malaysia sebagai sebuah Negara Islam. Seterusnya pada tahun yang sama (1985) Perdana Menteri Malaysia Keempat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga telah merasmikan Persidangan Mukhtar Mengenai Konsep Negara Islam tetapi tiada sebarang pengisytiharan dibuat bahawa Malaysia adalah Negara Islam. Bahkan pada 3-4 Februari 1986 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah mengambil keputusan bahawa Malaysia adalah sebuah Negara Islam dan menolak tanggapan bahawa negara Malaysia sebagai negara sekular. Maklumat lanjut rujuk, Abd. Manaf Ahmad, *Negara Islam: Satu Analisis Perbandingan*, (Kuala Lumpur: YADIM, 2004), 86; Mohamad Shahir, “Malaysia Negara Islam”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 123

*If UMNO says that Malaysia is an Islamic country, it is because in an Islamic country non-Muslims have specific rights. This is in line with the teachings of Islam. There is no compulsion in Islam. And Islam does not like chaos that may come about if Islamic laws are enforced on non-Muslims*⁵⁷³

Kenyataan ini diperkukuhkan lagi oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu salah satu jabatan yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui Ketua Pengarahnya iaitu Datuk Hj. Mohamad Shahir Hj. Abdullah pada 6 Mac 2003 di dalam kenyataan yang menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang bertajuk “Malaysia Negara Islam”.⁵⁷⁴ Dengan mengambilkira kepelbagaian definisi daripada ulama’ mu’tabar dan keadaan yang wujud di Malaysia maka JAKIM telah menyimpulkan konsep negara Islam itu adalah,

“Negara Islam ialah negara yang dipimpin oleh orang Islam, dan orang Islam boleh melaksanakan tanggungjawab agamanya dengan aman, termasuklah memberi kebebasan kepada orang bukan Islam mengamalkan agama masing-masing. Dan setiap rakyat wajib mempertahankannya”.⁵⁷⁵

Dalam respon kepada pengisytiharan Malaysia sebuah Negara Islam oleh Perdana Menteri, Menteri Besar Kelantan dan juga merangkap Mursyidul Am Parti Islam Se Malaysia (PAS) menyelar kenyataan tersebut dengan menyatakan,

⁵⁷³ The Bar Malaysia, Tommy Thomas, “Is Malaysia An Islamic State”, http://www.malaysianbar.org.my/constitutional_law/is_malaysia_an_islamic_state.html, 19 Jun 2013. (Penulis adalah seorang pengamal undang-undang. Beliau juga menyatakan bahawa kertas kerja ini telah dibentangkan di Persidangan Undang-Undang Malaysia ke 13).

⁵⁷⁴ Mohamad Shahir, “Malaysia Negara Islam”, h.118-126.

⁵⁷⁵ *Ibid.*, 122. Dalam kenyataan tersebut JAKIM telah mengemukakan lima hujah utama sebagai bukti Malaysia adalah sebuah Negara Islam. Hujah-hujah tersebut terdiri daripada konteks (A) Peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia, (B) Pandangan Ulama’ Mu’tabar, (C) Pengiktirafan dunia sebagai negara Islam contoh, (D) Pelaksanaan Pentadbiran Negara dan (E) Keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan pada tahun 1986 iaitu Malaysia Adalah Sebuah Negara Islam. Huraian hujah-hujah ini boleh dirujuk pada halaman 120-123 pada sumber yang sama.

*“For us, an Islamic country is one which is governed according to the tenet of the Quran and Hadith (saying of Prophet Muhammad). Malaysia is a secular state. If the present Malaysia is already an Islamic state, then what do you call the state ruled by Prophet Muhammad and his friends”.*⁵⁷⁶

Komitmen PAS untuk menubuhkan Negara Islam adalah amat jelas untuk melaksanakan perintah Allah secara menyeluruh dan bukan hanya untuk mendapatkan kuasa memerintah semata-mata. Perkara ini telah dijelaskan melalui Lajnah Penerangan PAS dengan menyatakan,

*“What needs to be understood is that the aim of the PAS struggle through political party is to establish an Islamic State in Malaysia... The PAS struggle for power to govern is not merely for power itself, but as a means to establish an Islamic state which is able to realize the laws of Allah completely. The purification of Islam and the sacredness of syaria[shariah] of Allah could not be maintained unless under the umbrella of an Islamic government adhering to al-Qur’an, al-Sunna and other syaria[shariah] of Allah”.*⁵⁷⁷

Perkara ini turut telah ditekankan oleh bekas Presiden PAS Pertama iaitu Yusuf Rawa berkaitan matlamat penubuhan Negara Islam iaitu bukan sekadar pelaksanaan syariah dalam ibadah semata-mata tetapi menyeluruh dalam aspek sosial masyarakat, ekonomi dan politik. Beliau berkata,

“What will exist in an Islamic State is clear. There is going to be an elected parliament but all legislations will have to be scrutinized by the Ulama Council. If UMNO’s Islam is true, why are they afraid of being scrutinized by the Ulama? The

⁵⁷⁶ The Bar Malaysia, Tommy Thomas, “Is Malaysia An Islamic State”, http://www.malaysianbar.org.my/constitutional_law/is_malaysia_an_islamic_state.html, 19 Jun 2013.

⁵⁷⁷ *Ibid.*

*goals of the Islamic State, and our party's goals, are clearly spelt out in our Constitution, Article 5(5) which stipulated that our final objective is to realize Islamic values and teachings in our daily lives. Not merely in rituals, but all the country's social, economic and political systems must tailor to Islamic values".*⁵⁷⁸

Mahathir Mohamad dalam Ucapan Perasminan Persidangan UMNO pada tahun 2001 telah menyebut,

“Dunia mengiktiraf Malaysia sebagai sebuah negara Islam dan banyaklah kerajaan Negara Islam lain yang menganggap Malaysia sebagai contoh Islam terbaik untuk mereka. Negara Islam dan institusi Islam memberi pelbagai anugerah kepada Malaysia kerana kagum dengan kemajuannya dan kemajuan agama Islam di Malaysia... Tetapi di Malaysia ada orang Islam yang mendakwa Malaysia bukan Negara Islam dan pemerintahannya pemerintahan kafir dan sekular”.⁵⁷⁹

Pada pandangan Mahathir jika aspek pelaksanaan hudud menjadi aspek utama untuk PAS mengakui bahawa sesebuah negara itu adalah sebuah Negara Islam maka tidak ada sebuah negara pun yang melaksanakan sepenuhnya undang-undang hudud tersebut. Beliau menambah,

“Kita ingin tentukan yang mana satu negara-negara yang di dunia ini adalah Negara Islam yang PAS terima sebagai Islam. Jika pelaksanaan hukum hudud menjadi kriteria untuk PAS akui sebagai sebuah Negara Islam sila tunjukkan negara mana yang melaksanakan hukum hudud di zaman ini. Setakat yang kita dapat sahkan tidak ada satu pun negara yang menguatkuasakan hukum hudud iaitu cara pembicaraan sehingga pelaksanaan hukuman. Ini bukan bermakna mereka menolak hukum agama tetapi kerana masyarakat sekarang berbeza dengan masyarakat Islam zaman nabi.”⁵⁸⁰

⁵⁷⁸ *Ibid.*

⁵⁷⁹ Mahathir Mohamad, *Koleksi Ucapan Mahathir Mohamad 2001*, (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 2002), 174.

⁵⁸⁰ *Ibid.*

“Oleh itu, apabila kita mendakwa Malaysia adalah Negara Islam, kita memang mempunyai hak untuk berbuat demikian. Jika Malaysia bukan Negara Islam kerana tidak melaksanakan hukum hudud, maka dalam dunia ini tidak ada negara Islam kerana semua yang dikatakan Negara Islam juga tidak dapat melaksanakan hukum hudud. Malaysia adalah negara berbilang kaum yang menganuti agama-agama yang berlainan. Majoriti rakyat negara ini adalah orang Islam. Dan orang Islam berkuasa di Malaysia. Kuasa yang dimiliki oleh orang Islam bukan untuk menindas orang bukan Islam, sebaliknya apabila orang Islam berkuasa, maka mereka hendaklah memerintah dengan adil. Ini adalah ajaran Islam”.⁵⁸¹

Walaupun dengan pelbagai hujah yang dikeluarkan oleh Mahathir Mohamad mengenai Malaysia adalah sebuah Negara Islam tetapi Parti PAS melalui presidennya Abdul Hadi Awang tetap menyatakan bahawa Malaysia masih lagi belum menepati ciri-ciri sebuah negara Islam⁵⁸² tetapi hujah-hujah itu hanya tidak lebih sebagai meraikan kebangkitan Islam yang berlaku pada waktu tersebut.⁵⁸³ Oleh itu Mahathir Mohamad telah mencabar Parti PAS supaya menjelaskan bentuk dan konsep Negara Islam yang ingin dibangunkan oleh Parti PAS di Malaysia.⁵⁸⁴ Maka pada 12 November 2003 parti PAS telah melancarkan Dokumen Negara Islam sebagai panduan untuk menjayakan sebuah Negara Islam di Malaysia⁵⁸⁵ jika diberi mandat oleh rakyat.

⁵⁸¹ *Ibid.*, 226.

⁵⁸² Abdul Hadi Awang, *Hadharah Islamiyyah bukan Islam Hadhari*, Kuala Lumpur: Nurfair Street Sdn. Bhd., 2005), 39.

⁵⁸³ Anual Bakri Haron dan Kamarul Zaman Yusoff, *Negara Islam Nota-Nota Penting buat Dr. Mahathir*, (Kota Bharu: Pustaka Qamar, 2002), 3.

⁵⁸⁴ Mahathir Mohamad, *Koleksi Ucapan Mahathir Mohamad 2001*, 227.

⁵⁸⁵ Maklumat lanjut keseluruhan dokumen Negara Islam yang dilancarkan oleh Parti PAS rujuk, *Negara Islam* (Bandar Baru Bangi: Parti Islam SeMalaysia, 2003). Rujuk juga, Parti Islam SeMalaysia, “The Islamic State Document”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel. (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 130-147.

Seterusnya setelah Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menjadi Perdana Menteri yang seterusnya, beliau turut mengulangi keputusan Mahathir Mohamad bahawa Malaysia adalah negara Islam dan bukan sekular⁵⁸⁶ serta melancarkan Gagasan Islam Hadhari di bawah pentadbirannya iaitu kesinambungan terhadap pelaksanaan prinsip-prinsip Islam yang telah dilaksanakan dalam pentadbiran Mahathir Mohamad.⁵⁸⁷ Kenyataan ini turut di sokong oleh timbalanya iaitu Datuk Seri Najib Abdul Razak dengan menegaskan,

*“Islam is the official religion and we are an Islamic State. But as an Islamic state, it does not means that we don't respect the non-Muslims. The Muslim and non-Muslim have their own right(in this country)”... “We have never being secular by Western definition means seperation of the Islamic principles in the way we govern a country. We have never been affiliated to that position. We have always been driven by our adherence to the fundamentals of Islam”*⁵⁸⁸

3.5.2 (b) Respon Masyarakat Kristian

Konferen Katolik Bishop Malaysia (*The Catholic Bishop Conference of Malaysia*) dalam kenyataan medianya yang ditandatangani oleh Archbishop Kuala Lumpur iaitu Archbishop Soter Fernandez menyatakan kerisauan yang amat tinggi terhadap kenyataan pemimpin utama negara bahawa Malaysia adalah sebuah Negara Islam. Ini adalah kerana, dengan pengumuman ini, proses ke arah pelaksanaan undang-undang Islam terutama di negeri yang dikuasai pembangkang (*opposition-led state*) semakin rancak terutama di negeri Kelantan

⁵⁸⁶ Mingguan Malaysia, Februari 29, 2004, “Malaysia bukan Negara sekular”.

⁵⁸⁷ Albert Sundararaj Walters, “Issues in Christian-Muslim Relation:”, 73.

⁵⁸⁸ Bernama (17 Julai 2007) “Malaysia Not Secular State, Says Najib”, http://bernama.com/bernama/v3news_lite.php?id=273699, 19 Jun 2013. Rujuk juga kenyataan Lim Kit Siang, Ahli Parlimen Parti Tindakan Demokrasi (DAP) terhadap penegasan oleh Najib bahawa Malaysia adalah Negara Islam dalam Lim Kit Siang, “Najib repudiating the Merdeka “social contract” and the stand of the first three Prime Ministers that Malaysia is a secular and not an Islamic State, <http://dapmalaysia.org/english/2007/july07/lks/lks4422.htm>, 19 Jun 2013.

dan Terengganu di mana Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) telah diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing pada November 1993⁵⁸⁹ dan Julai 2002.⁵⁹⁰ Seterusnya beliau turut menyatakan kerisauan terhadap wujudnya peningkatan tren mempolitikkan Islam dalam arena politik. Maka dengan situasi ini beliau menegaskan bahawa walaupun Perlembagaan Malaysia menyatakan Islam adalah agama Persekutuan tetapi negara Malaysia masih kekal sebagai negara sekular dan kebebasan agama masih lagi terjamin. Oleh itu beliau menyeru, “*We call upon all Malaysians, Muslim and members of other faiths to resist all attempts to change the secular nature of our constitution*”. Archbishop Fernandez berkata walaupun jaminan oleh Perdana Menteri bahawa perlembagaan tidak akan dipinda ini bukan jaminan Malaysia boleh menjadi Model Negara Islam yang toleran. Oleh itu untuk menangani isu ini beliau mendesak agar pihak kerajaan menubuhkan majlis antara agama (*inter-religious council*) untuk mempromosikan keharmonian di kalangan penganut agama dan meningkatkan kesedaran untuk menghormati kebebasan beragama di Malaysia.⁵⁹¹

Manakala Persekutuan Kristian Malaysia pula telah memberi reaksi dengan menyatakan, “*Malaysia is a constitutional Democracy and not Islamic State*”.⁵⁹² CFM turut menambah bahawa penggunaan terminologi “*Islamic State*” adalah suatu yang tidak boleh diterima oleh masyarakat Malaysia yang bukan beragama Islam berdasarkan tiga perkara asas. (1) Tidak berdasarkan Perlembagaan Malaysia, (2) Tidak terkandung dalam

⁵⁸⁹ Abdul Halim El Muhammady, “Kanun Jenayah Syariah Kelantan II 1993”, dalam *Hudud di Malaysia: Cabaran Pelaksanaannya*, ed. Zulkefli Hasan, (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 2013), 83-95.

⁵⁹⁰ NECF, “Terengganu Hudud: A Brief Report”,

http://www.necf.org.my/news_print.cfm?&action=view*menuid=45&retrieved=350, 19 Jun 2013.

⁵⁹¹ M Jegathesan, “Catholic Church alarmed by Mahathir’s Islamic State declaration”, *Malaysiakini*, <http://www.malaysiakini.com>, 19 Jun 2013.

⁵⁹² Kenyataan Media Persekutuan Kristian Malaysia pada 19 Julai 2007 terhadap pengumuman oleh kerajaan bahawa Malaysia adalah Negara Islam. Rujuk Persekutuan Kristian Malaysia, “Malaysia is a Constitutional Democracy and Not an Islamic State”, <http://malaysianchristian.wordpress.com/>, 19 Jun 2013.

Kontrak Sosial dan (3) tiada persetujuan rasmi daripada Parti Gabungan Kerajaan Pemerintah (Barisan Nasional) bukan Islam iaitu MCA dan MIC. Ini telah dijelaskan oleh Pengerusi CFM, Bishop Dr. Paul Tan Chee Ing, SJ melalui kenyataan medianya;

“Firstly, the term ‘Islamic State’ is not used in our Federal Constitution to describe the country. By citing Art. 3(1) of our Federal Constitution to infer that Malaysia was meant to be an Islamic State runs contrary to the original intention of the Constitution. The Constitution does not provide for theocratic state. Secondly, it was never the intention of the social contract entered into at the independence of Malaysia that Malaysia would be an Islamic State. The Constitution was structured to guarantee the right of all religious communities to co-exist and relate with each other on an equal basis as citizens of one and a united country. Thirdly, to-date, the non-Muslim coalition parties that make up the Barisan Nasional Government had never consented nor officially endorsed the use of the term “Islamic State” to describe the country...”⁵⁹³

Majlis Perundingan Malaysia Agama Budha, Kristian, Hindu, Sikh dan Toa (MCCBCHST) melalui Presidennya, Datuk A Vaithilingam pula telah menegaskan bahawa Islam adalah agama Persekutuan tetapi Malaysia bukan Negara Islam dan ia kekal sebagai negara sekular sejak merdeka. Beliau turut merujuk kepada Artikel 3 Perlembagaan Malaysia dan persetujuan yang telah disepakati oleh pemimpin-pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V T Sambatan dalam perjanjian kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau menyebut,

“The innocuous provision in Article 3 of the Federal Constitution was never meant to transform Malaysia into an Islamic State. This was affirmed by the Alliance (comprising UMNO, MCA and MIC) themselves in 1957 when our forefathers stated clearly and unequivocally that ‘The religion of Malaysia shall be Islam. The observance of this

⁵⁹³ *Ibid.*

principle shall not impose any disability on non-Muslim nationals professing and practicing their own religions and shall not imply the State is not a secular State'. We recall that this assurance was given by Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V T Sambatan who were the signatories to the Independent of Malaya Agreement".⁵⁹⁴

Albert Sundararaj Walter yang juga seorang paderi turut memberi pandangan bahawa dengan perbahasan Negara Islam dan pengisytiharan PAS secara terbuka bahawa akan membangunkan Negara Islam jika berkuasa telah menimbulkan kerisauan masyarakat bukan Muslim sehinggakan ada masyarakat yang beranggapan bahawa mereka akan menjadi orang asing dan masyarakat kelas kedua di negara sendiri jika Shariah dilaksanakan.⁵⁹⁵

3.5.2 (c) Pengisytiharan Negara Islam: Agenda Politik

Pengisytiharan Malaysia adalah sebuah negara Islam oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 2001, disusuli oleh Tun Abdulah Ahmad Badawi dengan pengisytiharan sokongan terhadap kenyataan Tun Dr. Mahathir dan memperkenalkan Gagasan Islam Hadhari pada 2004 serta sokongan daripada timbalannya iaitu Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak pada 2007 pula menguatkan andaian bahawa pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam itu hanya sekadar agenda politik terutama menjelang Pilihanraya Umum Ke Dua Belas pada tahun 2008. Ini adalah berdasarkan beberapa pandangan dan hujah beberapa tokoh ahli akademik, ahli professional undang-undang, pengkaji dan ahli politik. Di antara hujah yang diperolehi oleh penulis adalah daripada Dr.

⁵⁹⁴ The Malaysian Bar (18 Julai 2007), "MCCBCHST's Statement: Malaysia is not an Islamic State", <http://malaysianbar.org.my/>, 19 Jun 2013.

⁵⁹⁵ Albert Sundararaj Walters, "Issues in Christian-Muslim Relation.", 73.

Candra Muzaffar⁵⁹⁶, Dato' Muhamad Abu Bakar⁵⁹⁷, En. Mah Weng Kwai⁵⁹⁸, Tommy Thomas⁵⁹⁹, Dr. Rumaizuddin Ghazali⁶⁰⁰, Robert Hunt⁶⁰¹, Anwar Ibrahim⁶⁰², Lim Kit Siang⁶⁰³ dan Persekutuan Kristian Malaysia.⁶⁰⁴

Di antara hujah-hujah mereka adalah berdasarkan kepada beberapa perkara:

1. Pada Mei 1988 Tun Mahathir Mohamad telah memecat Ketua Hakim Negara iaitu Tun Salleh Abbas kerana dituduh menganjur dan menyokong usaha ke arah melaksanakan Sistem Undang-Undang Islam di Malaysia dan menafikan realiti Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang agama, bangsa dan budaya. Walaubagaimanapun pada tahun 2001 Tun Mahathir Mohamad telah melancarkan satu deklarasinya bahawa Malaysia adalah sebuah Negara Islam.
2. Ini adalah untuk memenangi hati masyarakat Melayu terutama daripada Parti Umno dan PAS untuk Pilihanraya Ke Sebelas. Ini adalah kerana pada Pilihanraya ke

⁵⁹⁶ Rumaizuddin Ghazali, *Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir*, (Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 2011), 200.

⁵⁹⁷ Muhamad Abu Bakar, *Polemik Negara Islam dan Pembudayaan Politik Malaysia*, (Petaling Jaya: Inmind, 2002), 2.

⁵⁹⁸ Rujuk dalam artikel Lee Ban Chen (2001): "The Islamic State debacle", *Malaysiakini*: November 12, <http://www.malaysiakini.com/columns/7017>, 19 Jun 2013.

⁵⁹⁹ The Bar Malaysia, Tommy Thomas, "Is Malaysia An Islamic State?", http://www.malaysianbar.org.my/constitutional_law/is_malaysia_an_islamic_state.html, 19 Jun 2013.

⁶⁰⁰ Rumaizuddin Ghazali, *Pembangunan Islam di Malaysia dalam Era Mahathir*, 205-206.

⁶⁰¹ Robert Hunt, "Can Muslim Engage in Interreligious Dialogue? A Study of Malay Muslim Identity in Contemporary Malaysia", *The Muslim World*, Vol. 99, (Oktober 2009), 581-582.

⁶⁰² Anwar Ibrahim, "Najib's dismal ignorance on the Islamic state", dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 107.

⁶⁰³ Lim Kit Siang, 7 Julai 2007, "Najib repudiating the Merdeka "social contract" and the stand of the first three Prime Ministers that Malaysia is a secular and not an Islamic State, <http://dapmalaysia.org/english/2007/july07/lks/lks4422.htm>, 19 Jun 2013.

⁶⁰⁴ Cristian Federation of Malaysia, 19 Julai 2007, "Malaysia is a Constitutional Democracy and Not Islamic State", <http://malaysianchristian.wordpress.com/>, 19 Jun 2013.

Sepuluh undi popular Barisan Nasional terutama UMNO telah menurun dan undi daripada masyarakat Melayu berpecah di mana belum pernah berlaku semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini adalah kesan daripada rentetan peristiwa pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1998 iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

3. Tambahan lagi pada Pilihanraya Ke Sepuluh juga Negeri Terengganu telah jatuh kepada pemerintahan Kerajaan PAS. Ini turut merisaukan Tun Mahathir Muhamad kerana pada pandangan beliau sudah pasti majoriti masyarakat Melayu-Islam di Terengganu yang inginkan pentadbiran Islam akan menyokong penuh usaha kerajaan PAS Terengganu. Ini sudah pasti akan menyukarkan beliau dan UMNO khususnya untuk merampas kembali Negeri Terengganu daripada Kerajaan PAS. Oleh itu mengumumkan deklarasinya tanda sokongan Malaysia adalah sebuah Negara Islam dilihat sebagai satu strategi politik yang sesuai pada waktu tersebut. Manakala pada waktu yang sama beliau cuba meyakinkan masyarakat bukan Muslim bahawa pelaksanaan Negara Islam versi UMNO adalah lebih sederhana dan sesuai berbanding Parti PAS.
4. Strategi ini diteruskan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi semasa dalam pentadbiran beliau dengan disokong oleh gagasan Islam Hadhari yang turut menarik sokongan majoriti masyarakat Melayu-Islam dan seterusnya memenangi Pilihanraya Umum Ke Sebelas pada tahun 2004 dengan majoriti yang besar. Pencapaian ini adalah pencapaian yang terbesar semenjak Merdeka. Manakala Kerajaan PAS Terengganu telah tewas dan ini dengan jelas menunjukkan idea Negara Islam adalah

sangat jelas dijadikan sebagai strategi pilihanraya dan menyokong agenda politik terutama kerajaan Barisan Nasional.

5. Pengumuman Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak pada 2007 bahawa Malaysia adalah Negara Islam juga dilihat sebagai agenda politik untuk memenangi Pilihanraya Umum Ke Dua Belas pada tahun 2008. Ini adalah kerana pada tahun 2008 beliau adalah Pengerusi Barisan Nasional dan juga Perdana Menteri Malaysia yang ke enam.
6. Persekutuan Kristian Malaysia mendakwa bahawa kenyataan pimpinan negara yang diketuai oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak mendapat sokongan rasmi daripada ketiga-tiga parti gabungan iaitu MCA dan MIC.

3.5.3 Isu Pelaksanaan Hudud

3.5.3 (a) Perbahasan Negara Islam: Konteks pelaksanaan hudud

Setelah memenangi Pilihanraya Umum ke 10 di Negeri Terengganu pada tahun 1999, Parti Islam SeMalaysia (PAS) telah berusaha untuk melaksanakan Undang-undang Islam dalam pentadbirannya terutama dalam pelaksanaan Undang-Undang Kesalahan Syariah (Hudud dan Qisas). Timbalan Presiden PAS dan juga Menteri Besar Terengganu pada waktu itu Abdul Hadi Awang dengan tegas menyatakan bahawa PAS akan melaksanakan undang-undang ini walaupun mendapat tentangan perundangan dengan menegaskan, “ *It is up to them to bring their objection to whatever they please but we will definitely table the bill in*

the State Assembly as schedule".⁶⁰⁵ Dalam usaha menggubal Undang-Undang Kesalahan Syariah (Hudud dan Qisas) ini, PAS telah mengadakan dialog untuk mengumpulkan maklum-balas bersama badan bukan kerajaan termasuk wakil-wakil agama bagi agama Kristian, Budha dan Hindu. Ini telah dinyatakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu iaitu Syed Azman Ahmad Nawawi (PAS Kuala Terengganu) dengan menjelaskan, "*We held the seminar two weeks ago with over 2000 participants and we gathered the input from non-governmental organisation as well as Christian, Buddhist and Hindu groups*".⁶⁰⁶ Maka pada Julai 2002 Dewan Undangan Negeri Terengganu telah meluluskan Enakmen Kesalahan Syariah (Hudud dan Qisas)⁶⁰⁷ walaupun tetap mendapat tentangan daripada pelbagai sektor sama ada di peringkat nasional mahupun negeri. Manakala sebelum undang-undang ini dikuatkuasakan, sekali lagi Abdul Hadi Awang pada

⁶⁰⁵ *Malaysiakini*, Jun 17, 2002, "PAS defiant in setting up strict Islamic law", [malaysiakini://www.malaysiakini.com/news/11798](http://www.malaysiakini.com/news/11798), 19 Jun 2013.

⁶⁰⁶ Leong Kar Yen, "Terengganu to amend 'illicit sex' provisions in hudud bill: PAS". *Malaysiakini*, Mei 24, 2002, <http://www.malaysiakini.com>, 19 Jun 2013. Rujuk juga berkaitan kesahan seminar ini telah berlangsung dalam Nash Rahman, "Adun Umno dakwa hukum hudud Terengganu perlu pindaan besar", *Malaysiakini*, Jun 4, 2002, <http://malaysiakini.com/news/11655>, 19 Jun 2013.

⁶⁰⁷ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu ini telah mendapat perkenan Sultan Mizan Zainal Abidin pada 2 September 2002, dan seterusnya diwartakan pada 25 September 2003 dan berkuatkuasa pada 27 Oktober 2003. Walaubagaimanapun pelaksanaannya tidak dapat dilakukan kerana perlu kepada pindaan Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan Artikel 4 dan Artikel 75. Artikel 4(1) menyebut "Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu. Manakala Artikel 75 menyebut "Jika mana-mana undang-undang Negeri adalah berlawanan dengan sesuatu undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Persekutuan itu hendaklah dipakai dan undang-undang Negeri itu hendaklah terbatal, setakat mana ianya berlawanan dengan undang-undang persekutuan itu". Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M ini mengandungi 12 Bahagian dan dipecahkan kepada 67 Syeksyen. Tumpuan persoalan dan mendapat tentangan daripada pelbagai pihak terutama bukan Muslim adalah berkaitan Bahagian I – VII iaitu kesalahan Hudud dan hukumannya. Kesalahan-kesalahan Hudud merangkumi 6 kesalahan (1) *Syrub*: meminum arak atau minuman yang memabukkan, (2) *Qazaf*: membuat tuduhan bahawa seseorang itu melakukan zina yang mana tuduhan itu tidak dapat dibuktikan dengan empat orang saksi, (3) *Sariqah*: mencuri, (4) *Hirabah*: merompak dan (6) *Irtidad* atau *Riddah*: keluar dari agama Islam. Di antara hukuman yang dikenakan sebagai contoh kesalahan meminum arak adalah sebatan di antara 40 ke 80 sebatan bergantung kepada kali pertama hingga ketiga pesalah melakukannya dan boleh juga dijatuhkan hukuman penjara selama tempoh yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Contoh lain seperti pesalah mencuri adalah dipotong tangan kanannya bagi kesalahn pertama, dan kaki kiri bagi kesalahan kedua. Bagi kesalahan ketiga dan seterusnya pesalah boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang munasabah pada pandangan Mahkamah. Maklumat lanjut berkaiatn bentuk hukuman bagi setiap kesalahan hudud rujuk, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu 1423H/2002M di http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/cb36901c419ea86448257385002c3dc8, 17 Julai 2013.

15 Oktober 2003 menyatakan dengan tegas akan tetap melaksanakan undang-undang Hudud dan Qisas ini walaupun masih mendapat bantahan daripada pelbagai pihak dengan menegaskan, *“We will go ahead with our plan as we intend to keep our promise to the people. We don’t need approval from anyone, not even the police as they are involved in general crime matters”*.⁶⁰⁸

3.5.3 (b) Respon Masyarakat Kristian

The National Evangelical Christian Fellowship salah satu badan gabungan Persekutuan Kristian Malaysia telah mengemukakan tujuh hujah dalam membantah penggubalan Undang-Undang Kesalahan Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu. Ringkasan hujah-hujah tersebut adalah seperti berikut:⁶⁰⁹

1. Dua daripada 13 negeri di Malaysia telah mengeksploitasikan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan menggunakan perundangan yang berbeza berbanding negeri-negeri lain, yang mana mempunyai kesan jangka panjang terhadap realiti dan perpaduan politik. Pengenalan perundangan baru yang mana telah jelas terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan (Kod Hukuman Persekutuan dan Mahkamah Syariah (Hukuman Jenayah) Akta 1965) secara langsung mencabar fungsi Parlimen dan Demokrasi berparlimen.
2. Rang undang-undang ini menyebabkan perpecahan antara orang Islam dan bukan Islam apabila memperkenalkan dua set hukuman jenayah yang memungkinkan berlakunya ketidakadilan dan situasi yang tidak boleh diterima, serta implikasi negatif terhadap usaha mengukuhkan perpaduan. Pengenalan rang undang-undang Hudud adalah bertentangan dengan prinsip perpaduan ini.

⁶⁰⁸ The National Evangelical Christian Fellowship (NECF), “Terengganu Hudud: A Brief Report”, http://www.necf.org.my/news_print.cfm?&action=view*menuid=45&retrieved=350, 19 Jun 2013.

⁶⁰⁹ The National Evangelical Christian Fellowship (NECF), July 2002, “Implication of the Hudud Bill-Why Should You be Concerned”, http://www.necf.org.my/news_print.cfm?&menuid=12&action=view&retrieved=349, 19 Jun 2013.

3. Perbahasan tentang rang undang-undang Hudud yang hanya terpakai kepada orang Islam dan tidak patut ditentang oleh orang bukan Islam, tidak dapat menghilangkan fakta bahawa PAS inginkan agar ianya turut terpakai kepada semua. Kepimpinan PAS semasa menentang kewujudan dua set standard ini menyatakan tujuan mereka (agar Hudud turut terpakai oleh orang bukan Islam) semasa pembentangan rang undang-undang Kelantan 1992 dan selepas pembentangan rang undang-undang Terengganu 2002.
4. Kebenaran yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan terhadap negeri-negeri untuk melaksanakan undang-undang kepada orang Islam adalah tidak boleh dinafikan, tetapi usaha untuk mengaplikasi rang undang-undang Hudud kepada bukan Islam adalah terkeluar dari bidang kuasa Negeri. Rang undang-undang ini juga membenarkan orang Islam dan bukan Islam yang “disyaki menolong atau terlibat dalam kesalahan / jenayah” untuk dihukum dengan “penjara (sebagai hukuman ta’zir) selama tidak melebihi 10 tahun”.
5. Pihak bukan Islam berhak untuk berhujah bahawa dalam mana-mana sistem perundangan, Islam atau sebaliknya, hukuman seperti pemotongan [tangan], rejam dan salib adalah kejam dan tidak selari dengan konsep keadilan dan hak asasi manusia. PAS dalam kebanyakan masa berhujah bahawa penentangan ini adalah dipengaruhi oleh pemikiran Barat, tetapi mereka (PAS) lupa bahawa majoriti pemikir teologi Islam telah menyatakan bahawa hukuman Hudud yang asal adalah tidak boleh diaplikasi.
6. Semua warganegara berhak untuk berhujah bahawa walaupun terdapat perkara-perkara yang secara sosial dan moralnya tidak boleh diterima (spt kesalahan seks, murtad) tidak sepatutnya disabitkan sebagai kesalahan jenayah, terutama sekali yang melibatkan hukuman yang terlampau seperti hukuman mati dan sebat.
7. Terdapat keraguan terhadap cara pelaksanaan undang-undang Hudud, terutama apabila melibatkan kes rogol yang mana si mangsa terpaksa menanggung beban pembuktian. Sekiranya mangsa rogol tersebut gagal mengemukakan bukti bahawa kes rogol itu benar-benar berlaku, maka mereka boleh dihukum sebagai bersalah atas salah tuduhan dan boleh dihukum sebat.

Manakala Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Toa (MCCBCHST) melalui kenyataan medianya yang ditandatangani oleh wakil setiap agama termasuk wakil Kristian iaitu Reverend Dr. Thomas Philips menyatakan bahawa persoalan pelaksanaan undang-undang Hudud ini harus diselesaikan dengan berdasarkan Perlembagaan Malaysia. Mereka menegaskan bahawa Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa ke atas perkara-perkara yang terkandung di dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2 – Senarai Negeri, seperti dalam hal perkahwinan, perceraian, harta pusaka, pengambilan anak angkat, hak penjagaan anak dalam lain-lain.⁶¹⁰ Selain itu Mahkamah Syariah juga hanya mempunyai bidangkuasa terhadap masyarakat Muslim sahaja. Kuasa yang ada pada Dewan Undangan Negeri untuk menggubal undang-undang di dalam Senarai 2 juga adalah terhad dengan merujuk kepada undang-undang sedia ada dalam Senarai Persekutuan. Jika undang-undang sedia ada terdapat dalam Senarai Persekutuan maka undang-undang baru negeri terbatal secara automatik. Ini merujuk kepada *Criminal Penal Code* yang juga membincangkan hukuman bagi kesalahan seperti membunuh, merogol, mencuri, merompak, seks luar tabii dan sumbang mahram. Semua ini juga terdapat dalam kesalahan hudud tetapi Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa kerana terdapat dalam Senarai Persekutuan. Jika dilaksanakan juga maka akan terdapat dua set undang-undang, dan Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan dua undang-undang jenayah dijalankan.⁶¹¹ Oleh itu mereka menyeru agar semua pihak menghormati Perlembagaan Persekutuan serta menghormati sensitiviti dan hak masyarakat bukan Muslim demi meningkat keamanan dan keharmonian di kalangan penganut agama.

⁶¹⁰ Maklumat lanjut berkataian kandungan Perlembagaan Malaysia bagi Jadual Kesembilan Senarai 2-Senarai Negeri rujuk *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 1 Mac 2010), 315.

⁶¹¹ Maklumat lanjut respon MCCBCHST rujuk, The National Evangelical Kristian Fellowship (NECF), "MCCBCHST: Hudud is in conflict with Federal Constitution", <http://www.necf.my/newsmaster.cfm?&menuid=43&action&retrieved=1348>, 28 Jun 2013

3.5.4(a) Pengharaman Bible Bup Kudus-AlKitab (Versi Bahasa Malaysia – Indonesia).

Pada April 2003 Kementerian Dalam Negeri telah mengharamkan 35 buku agama Kristian termasuk Bible *Bup Kudus* iaitu Bible dalam Bahasa Malaysia yang digunakan oleh masyarakat Iban di Sarawak. *Bup Kudus* adalah kitab suci yang digunakan secara meluas oleh masyarakat Iban yang beragama Kristian semenjak diterbitkan pada 1988 dan dengan pengharaman ini telah mengganggu amalan agama mereka sama ada untuk kegunaan di gereja mahupun kegunaan perseorangan sehingga berlakunya protes terhadap pengharaman tersebut. Akhirnya dengan campurtangan pemangku Perdana Menteri dan juga Menteri dalam Negeri pada waktu itu iaitu Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pengharaman ditarik semula. Sebab utama yang membawa kepada pengharaman *Bup Kudus* adalah ia mengadungi kalimah Allah. Ini adalah kerana isu pengharaman penggunaan Bible ini bermula pada tahun 1981 lagi iaitu dengan pengharaman penggunaan Bible dalam bahasa Indonesia iaitu Al-Kitab.⁶¹² Seterusnya pada 2005 sekali lagi isu ini mendapat perhatian di

⁶¹² Pada tahun 1981 Parlimen Malaysia telah meluluskan undang-undang untuk mengharamkan pemilikan dan pendedaran Bible bahasa Indonesia iaitu Al-Kitab. Isu penggunaan Al-Kitab ini telah diletakkan di bawah Akta Kelelamatan Dalam Negeri (ISA) kerana pada pandangan pihak berkuasa ia boleh memberi kesan kepada keselamatan negara terutama melibatkan pengaruhnya kepada masyarakat Muslim. Maka dengan keputusan itu Majlis Gereja-Gereja Se-Malaysia (CCM) melalui wakilnya telah berbincang dengan pihak kerajaan dan akhirnya pada awal tahun 1982 pengharaman itu telah dipinda dengan membenarkan masyarakat Kristian untuk memiliki Al-Kitab bagi tujuan peribadi dan upacara di gereja dan kekal diharamkan bagi masyarakat beragama lain terutama masyarakat Muslim. Seterusnya pada 1991 kerajaan telah mengharamkan penggunaan istilah-istilah Islam termasuk kalimah Allah, Ka'bah, Baitullah dan Solat oleh orang bukan Islam sama ada dalam pengajaran, penerbitan mahupun pengembangan ajaran mereka. Hal ini turut memberi kesan kepada proses membawa masuk buku-buku Kristian ke Malaysia. Pada tahun 1997 pula sebanyak 230 buku-buku Kristian yang dibawa masuk daripada Negara Singapura dan Indonesia telah dirampas oleh pihak berkuasa kerajaan negeri Johor dengan merujuk kepada undang-undang larangan penggunaan istilah-istilah Islam dalam penerbitan bukan Islam. Gambaran keseluruhan permasalahan berkaitan pengharaman penggunaan Al-Kitab sehingga Bup Kudus rujuk, Albert Sundararaj Walter, "Issues in Christian-Muslim Relation:", 74 (rujuk juga nota kaki ke 18 dalam artikal ini). Rujuk juga The National Evangelical Christian Fellowship, "The State of Religious Liberty, 2002-2004", <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&action=view&menuid=154&retrieved=896>, 19 Jun 2013; The National Evangelical Christian Fellowship, <http://www.necf.org.my/index.cfm?&menuid=3>, 28 Januari 2013. Rujuk juga sebahagian huraian dalam Ghazali Basri, *Gerakan Kristian*, 52-53. Dalam tahun yang sama juga iaitu tahun 2003, Fatwa Larangan Penggunaan Istilah-Istilah Islam oleh Orang Bukan Islam telah di wartakan

Parlimen di mana seorang Menteri Kabinet telah menyatakan bahawa penggunaan terjemahan Bible versi Bahasa Malaysia dan Indonesia secara meluas adalah tidak dibenarkan.⁶¹³ Ini telah mengundang kemarahan masyarakat Kristian di Malaysia.

3.5.4(b) Respon Masyarakat Kristian

Dalam kes pada tahun 2005 di atas ketua masyarakat Kristian melalui Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) menyatakan rasa kecewa dan kesal dengan kenyataan daripada menteri yang tidak membenarkan penggunaan secara meluas Bible versi bahasa Malaysia dan Indonesia. Maka CFM telah merayu kepada Perdana Menteri dan Jemaah Menteri untuk menenangkan kemarahan masyarakat Kristian dengan memperbetulkan kenyataan yang dilakukan oleh Menteri tersebut. CFM mendakwa bahawa majoriti masyarakat di Malaysia fasih berbahasa Malaysia dan ia menjadi bahasa kebangsaan tidak kira bangsa mahupun agama. Oleh itu untuk masyarakat bukan Islam menggunakan Bible versi Bahasa Malaysia bukan menjadi satu isu.^{614 615}

oleh Kerajaan Negeri Sabah di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992 (Enakmen No. 13 1992). Sabah adalah negeri terawal mewartakanya. Larangan ini juga meliputi dalam bentuk terbitan bertulis, media cetak, audio-visual dan sebagainya. Terdapat 32 istilah di antaranya adalah Allah, Firman Allah, Ulama', Ibadah, Kaabah, Wahyu, Solat, Fatwa, Imam, Nabi, Qiblat, Iman, Mufti dan lain-lain. Maklumat lanjut rujuk, e-Fatwa: Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/larangan-penggunaan-istilah-istilah-islam-oleh-orang-bukan-islam-islam>, 7 Mac 2013.

⁶¹³ *Ibid.*, Albert Sundararaj Walter, "Issues in Christian-Muslim Relation:", 75

⁶¹⁴ *Ibid.*

⁶¹⁵ Isu pengharaman, sekatan penerbitan serta penggunaan Bible dan bahan-bahan penerbitan Kristian dalam Bahasa Malaysia dan Indonesia yang berlarutan semenjak 1981 ini juga telah mendapat reaksi negatif ketua-ketua gereja sehingga pada tahun 1989 mereka melalui Persekutuan Kristian Malaysia telah sepakat membuat satu deklarasi yang diberi nama 'The Kuching Consultation'. Deklarasi ini telah berlangsung di Kuching, Sarawak pada 6 – 8 September 1989. Terdapat 3 penegasan yang dibuat, iaitu; (1) *The restriction sought to be imposed are contrary to the federal Constitution and objectionable in law as are the various administrative actions and measures taken to deny and assure all Christian literature in Bahasa Malaysia and Bahasa Indonesia.* (2) *We have a right and entitled to use the national language, Bahasa Malaysia, in its entirety as with any other language without any distinction on the grounds of differing faith.* (3) *All efforts will be taken to inform the relevant authorities and the people who have influence on public policy of our stand and to seek ways to have the restrictions revoked and to pursue a fairer and just implementation of administrative measures in the case of religious materials.* Persekutuan Kristian Malaysia juga menegaskan bahawa mereka akan tetap menggunakan Bahasa Malaysia dalam keseluruhan penerbitan agama terutama

3.5.5 (a) Larangan Penggunaan Kalimah Allah dalam penerbitan Kristian (Herald-The Catholic Weekly, versi Bahasa Malaysia)

Pada 3 Januari 2008, kabinet Malaysia telah mengekalkan larangan bagi semua agama kecuali Islam untuk menggunakan kalimah Allah dalam setiap penerbitan akhbar mereka. Walaubagaimanapun sebelum itu pengarang akhbar Herald, Paderi Lawrence Andrew mengatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperbaharui permit terbitan majalah itu untuk tahun 2008 tidak melarang penggunaan kalimah Allah. Oleh itu pada 19 Mac 2008, Gereja Katholik telah memohon di Mahkamah Tinggi untuk membuat semakan terhadap larangan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan mereka. Pada 5 Mei 2008 Mahkamah Tinggi Malaya (Bahagian Rayuan Dan Kuasa-Kuasa Khas) membenarkan semakan dibuat.⁶¹⁶

Dalam waktu yang sama iaitu pada 5-7 Mei 2008, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ke-82 telah menguatkan lagi keputusan larangan Kementerian Dalam Negeri dan pihak kerajaan dengan memutuskan bahawa,

“lafaz Allah merupakan kalimah suci yang khusus bagi agama dan umat Islam dan ia tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama-agama bukan Islam lain. Oleh itu wajib bagi umat Islam mengjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu

Bible walaupun mendapat halangan daripada mana-mana pihak. Maklumat lanjut rujuk, The National Evangelical Christian Fellowship, “A Declaration To The Churches In Malaysia”, <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=154&actionview&retrived=976>, 2 April 2013.

⁶¹⁶ Mohd Aizam Mas’od, “Hujah Menolak Penggunaan Kalimah ‘Allah’ Oleh Kristian”, *Jurnal Penyelidikan JAKIM*, Bil. 21, 2008, di rujuk dalam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, http://www.islam.gov.my/sites/default/files/hujah_tolak_guna_allah_oleh_kristian.pdf, 23 Julai 2013.

disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan”.⁶¹⁷

Seterusnya pada 8 Januari 2009, Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur selaku pemohon menerima surat yang bertarikh 7 Januari 2009 daripada Kementerian Dalam Negeri(KDN) membatalkan permit kebenaran yang bertarikh 30 Disember 2008 tertakluk kepada dua keadaan. Pertama, “permohonan penerbitan dalam bahasa Melayu adalah dibenarkan, namun demikian, penggunaan kalimah ‘ALLAH’ adalah dilarang sehingga mahkamah membuat keputusan mengenai perkara tersebut”. Kedua, “di halaman hadapan penerbitan ini, tertera perkataan ‘TERHAD’ yang membawa maksud penerbitan ini adalah untuk edaran di gereja dan kepada penganut Kristian sahaja”.⁶¹⁸

Di antara kandungan justifikasi kepada keputusan pembatalan permit Herald-The Catholic Weekly yang dinyatakan oleh Kementerian Dalam Negeri dalam afidavitnya adalah seperti berikut:

⁶¹⁷ e-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah”, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-tuntutan-penganut-kristian-terhadap-penggunaan-kalimah-allah>, 7 Mac 2013. Rujuk juga, Berita Harian, Januari 3, 2010:2 “JPN, KDN kemuka rayuan, tindakan bela, pertahan kesucian agama Islam: Jamil Khir” (Keratan akhbar ini diperolehi daripada simpanan penulis). Dalam waktu yang sama dalam tahun 2003 hingga 2010 terdapat 7 buah negeri yang telah mewartakan larangan penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat bukan Islam di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Negeri-negeri tersebut adalah Negeri Sabah pada 2003, Perak pada 2007, Selangor, Perlis, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Johor pada 2008. Manakala negeri-negeri lain masih belum mewartakan larangan tersebut di peringkat negeri masing-masing pada maklumat ini diperolehi iaitu pada 7 Julai 2013. Maklumat telah dirujuk pada pautan e-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia seperti di atas kepada pautan fatwa di negeri-negeri.

⁶¹⁸ Rujuk Penghakiman bertulis Hakim iaitu Datuk Lau Bee Lan berkaitan Permohonan Semakan Kehakiman, No R1-25-28-2009 dalam Mahkamah Tinggi Malaya (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) yang dimohon untuk semakan oleh Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur). Maklumat ini diperolehi dalam Herald Malaysia Online, <http://www.heraldmalaysia.com/Allah-Grounds-Judgment.pdf>, 23 Julai 2013. Penulis telah merujuk juga kepada Affidavit sokongan untuk proses semakan ini oleh Tan Sri Datuk Murphy Nicholas Xavier a/l Pakiam yang bertarikh 16 Januari 2009. (Maklumat affidavit ini diperolehi atas bantuan Prof. Madya. Dr. Khadijah Khambali, Pensyarah Kanan, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada Disember 2010 dalam bentuk pdf.) Rujuk juga artikel yang ditulis oleh Prof. Madya. Dr. Khadijah Khambali yang bertajuk, “Polemik Kalimah Allah dan Aspek-aspek Berkaitan Kristian: Analisis Ilmiah, halaman 1 (tidak diterbitkan).

“(i) “... Larangan yang dikenakan hanyalah berhubung penggunaan kalimah Allah di dalam penerbitan majalah tersebut yang bertujuan untuk memastikan tidak berlakunya kekeliruan agama yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam serta menimbulkan sensitiviti keagamaan di negara ini”. (ii) “Larangan yang dikenakan adalah kepada penggunaan kalimah “Allah” di dalam penerbitan majalah tersebut kerana kalimah “Allah” di dalam penerbitan majalah tersebut secara matannya adalah merujuk kepada Tuhan Yang Satu bagi penganut agama Islam sebagaimana termaktub di dalam Al-Quran iaitu dalam Surah Al-Ikhlâs”. (iii) “... kelulusan permit penerbitan tersebut adalah tertakluk kepada syarat dan garis panduan penerbitan khususnya perenggan 4.1.10 yang jelas memperuntukan bahawa penerbitan agama selain daripada agama Islam dilarang menggunakan istilah khusus agama Islam iaitu “Allah”, “Baitullah”, “Solat”, dan “Kaabah” ”. (iv) “... perlanggaran peruntukan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam (Negeri-Negeri)”. (v) “... terdapat perkataan alternatif lain yang Pemohon boleh gunakan kerana dari segi terjemahan, adalah jelas bahawa tiada sebarang kamus yang diiktiraf yang mendefinisikan perkataan “God” sebagai Allah dalam Bahasa Melayu”. (vi) “... keputusan tersebut adalah sah dan munasabah sebagaimana yang diperuntukan oleh polisi kerajaan dan undang-undang terpakai termasuk peruntukan Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam (Negeri-Negeri)”. (vii) “... dalam hal penerbitan, Responden Pertama mempunyai bidangkuasa di bawah peruntukan undang-undang untuk mengenakan apa-apa syarat kepada permit penerbitan sebagaimana yang difikirkan perlu dan wajar dan sebagaimana arahan kerajaan”. (viii) “... kalimah Allah adalah nama khas bagi Tuhan Yang Maha Esa bagi penganut agama Islam dan ini jelas termaktub di dalam Al-Quran dan dimartabatkan di dalam Perlembagaan Persekutuan”. (ix) “... di kalangan rakyat Malaysia, kalimah “Allah” secara matannya merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa bagi penganut agama Islam”.⁶¹⁹

Pada 31 Disember 2009 Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) melalui hakim Datuk Lau Bee Lan telah memutuskan bahawa kebenaran telah diberi kepada akhbar Herald untuk menggunakan kalimah ‘Allah’ dalam penerbitan mereka. Beliau juga mengisytiharkan bahawa keputusan Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 7 Januari 2009 yang memberikan permit penerbitan kepada Herald dalam tempoh setahun dengan syarat dilarang menggunakan kalimah ‘Allah’ adalah

⁶¹⁹ *Ibid.*, Herald Malaysia Online, <http://www.heraldmalaysia.com/Allah-Grounds-Judgment.pdf>, 23 Julai 2013

batal dan tidak sah.⁶²⁰ Walaubagaimanapun Mahkamah Tinggi pada 6 Januari 2010 membenarkan permohonan Menteri Dalam Negeri untuk menangguhkan penggunaan kalimah ‘Allah’ dalam penerbitan Herald sementara menunggu proses rayuan kes⁶²¹ tersebut dan ia turut dipersetujui oleh Ketua Bishop Roman Katolik Kuala Lumpur Tan Sri Datuk Murphy Pakiam.⁶²²

Berikut adalah kesimpulan penghakiman penuh hakim Datuk Lau Bee Lai pada 31 Disember 2009 terhadap Permohonan Semakan Penghakiman Titar Roman Catholic of Kuala Lumpur dalam isu kalimah Allah,

“ 35. In conclusion in the circumstances the Court grants the Applicant the following order:

(1) an Order of Certiori to quash the decision of the Respondents dated 7.1.2009 that the Applicant’s Publication Permit for the period 1.1.2009 until 31.12.2009 is subject to the contidition that the Applicant is prohibited from using the word “Allah” in “Herald-The Catholic Weekly” pending the Court’s determination of the matter;

(2) Jointly the following declarations:

(i) that the decision of the Respondent dated 7.1.2009 that the Applicant’s Publication Permit for the period 1.1.2009 until 31.12.2009 is subject to condition that the Applicant is prohibited from using the word “Allah” in “Herald-The Catholic Weekly” pending the Court’s determination of the matter is illegal and null and void;

(ii) that pursuant to Article 3(1) of the Federal Constitution the Applicant has the constitutional right to use the word “Allah” in “Herald-The Catholic Weekly” in exercise of the Applicant’s right that religions other that Islam may be practised in peace and harmony in any part of the Federation;

⁶²⁰ Berita Harian, Januari 5, 2010:3 “Lau guna hujah bebas amal anutan Perkara 3(1)”. (Keratan akhbar ini diperolehi daripada simpanan penulis)

⁶²¹ Kes ini telah tertangguh selama tiga tahun dan ketika penulis menjalankan penyelidikan ini kes telah disebut semula di Mahkamah Rayuan pada 23 Mei 2013. Rujuk, Herald Malaysia Online, 1 Jun 2013, “Kes mahkamah HERALD- tujuh organisasi Islam dibenar jadi pencelah”, <http://www.heraldmalaysia.com/news/printNews.php?pid=15749&KeepThis+true&>, 5 Jun 2013.

⁶²² Berita Harian Januari 7, 2010:1 “Mahkamah benar permohonan Menteri Dalam Negeri isu ‘Allah’”. (Keratan akhbar ini diperolehi daripada simpanan penulis).

(iii) that Article 3(1) of the Federal Constitution which states that Islam is the religion of the Federation does not empower and/or authorize the Respondents to prohibit the Applicant from using the word “Allah” in “Herald-The Catholic Weekly;
(iv) that pursuant to Article 10 of the Federal Constitution the Applicant has the constitutional right to use the word “Alah” in “Herald-The Catholic Weekly” in the exercise of the applicant’s right to freedom of speech and expression”;
(v)that pursuant to Article 11 of the Federal Constitution the Applicant has the constitutional right to use the word “Allah” in “Herald-The Catholic Weekly” in the exercise of the Applicant’s freedom of religion which includes the right to manage its own religious affairs;
(vi) that pursuant to Article 11 and Article 12 of the Federal Constitution the Applicant has the constitutional right to use the word “Allah” in “Herald-The Catholic Weekly” in the exercise of the Applicant’s right in respect of instruction and education of the Catholic congregation in the Christian religion ”⁶²³

Kajian juga menunjukkan bahawa dalam lingkungan tahun 2001-2010 ini terdapat tiga lagi semakan kehakiman telah dibuat oleh masyarakat Kristian berhubung larangan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan-penerbitan Kristian termasuk Bible dalam Bahasa Malaysia. Di antaranya melalui Afidavit Jill Ireland binti Lawrence Bill yang diikrarkan pada 20 Ogos 2008, Afidavit Suzanah binti Haji Muin yang diikrarkan pada 28 Ogos 2009, dan Afidavit Jok Wan (Paderi Gereja Sidang Injil Borneo Sarawak) mewakili Sidang Injil Borneo yang diikrarkan pada 10 November 2009.⁶²⁴

Rentetan daripada kes larangan penggunaan kalimah Allah sebagaimana perbincangan sebelum ini, pada tahun 2009 sebanyak 5000 naskhah Bible Bahasa Malaysia cetakan Indonesia yang dibawa masuk oleh Bible Society of Malaysia telah ditahan di

⁶²³ Herald Malaysia Online, <http://www.heraldmalaysia.com/Allah-Grounds-Judgment.pdf>, 23 Julai 2013.

⁶²⁴ Maklumat ini diperolehi penulis dengan merujuk kepada Affidavit Jok Wan yang mewakili Sidang Injil Borneo untuk proses semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Lumpur (Bahagian Rayuan Dan Kuasa-Kuasa Khas) No: R4-25-256-2008. Affidavit ini diikrarkan pada 10 November 2009. (Maklumat affidavit ini diperolehi atas bantuan Prof. Madya. Dr. Khadijah Khambali, Pensyarah Kanan, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada Disember 2010 dalam bentuk pdf.)

Pelabuhan Klang daripada dibawa masuk ke Malaysia.⁶²⁵ Walaubagaimanapun dalam reaksi Pengerusi Persekutuan Kristian Malaysia, Bishop Ng Moon Hing terhadap perkara ini beliau menegaskan bahawa Perdana Menteri telah berjanji pada Disember 2009 bahawa tiada pengharaman Bible dalam Bahasa Malaysia dan ia telah tidak dipatuhi oleh pihak berkuasa.⁶²⁶ Sekali lagi isu ini menjadi kontroversi sehingga kerajaan menarik semula penahanan tersebut pada 15 Mac 2011.⁶²⁷

3.5.5 (b) Respon Masyarakat Kristian terhadap isu larangan penggunaan kalimah

Allah

Dalam reaksi kepada surat bertarikh daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang telah membatalkan permit penerbitan Herald-The Catholic Weekly, Tan Sri Datuk Murphy Nicholas Xavier Pakiam menyatakan dengan tegas bahawa iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia (sebagai responden) dalam proses semakan kehakiman ini telah:

“i) memungkir janji asasi, keadilan prosidur dan substantif dan kewajipan untuk bertindak secara adil; (ii) bertanya soalan-soalan yang salah dalam proses membuat keputusan, (ii) mengambil kira pertimbangan yang tidak relevan; (iv) gagal mengambil kira pertimbangan yang relevan; (v) bertindak melanggar hak-hak Pemohon di sisi undang-undang selaras dengan jiwa semangat, suratan dan niat Fasal-Fasal 10 dan 11 Perlembagaan Persekutuan; (vi) bertindak secara tidak rasional/masuk akal dan tidak munasabah dalam pengertian prinsip-prinsip dalam kes *Associated Provincial Piture Houses Limited. v. Wednesbury Corporation (1948) 1*

⁶²⁵ *Malaysiakini*, 15 Mac 2011, “Kabinet bincang Injil Melayu minggu ini”, <http://www.malaysiakini.com>, 29 Mac 2011.

⁶²⁶ *Malaysiakini*, 10 Mac 2011, “CFM: PM bagi kebenaran Injil dalam bahasa Melayu”, <http://www.malaysiakini.com>, 29 Mac 2011.

⁶²⁷ Rujuk, *Malaysiakini*, 15 Mac 2011, “Penahanan alkitab Injil BM ditarik balik”, <http://www.malaysiakini.com>, 29 Mac 2011.

KB 223; (vii) bertindak secara tidak rasional/masuk akal dan tidak munasabah apabila menghalang Pemohon dari menggunakan istilah/perkataan “Allah” atau menggunakan petikan dari Al-Kitab yang mengandungi istilah/perkataan “Allah”; (viii) bertindak secara tidak sah dan salah taksir dan memakai secara salah peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984; (ix) bertindak secara *ultra vires* Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984; (x) meletakkan syarat-syarat terhadap Pemohon yang mana adalah bersifat menindas dan sukar; (xi) bertindak dengan niat jahat.”⁶²⁸

Terdapat 22 perkara yang menjadi hujah kepada Gereja Katolik dalam mempertahankan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan Herald-The Catholic Weekly. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Tan Sri Datuk Murphy Nicholas Xavier Pakiam dalam affidavit sokongan untuk menyokong semakan kehakiman tersebut. Hujah permohonan mereka adalah seperti dalam Kotak 3.13⁶²⁹ berikut:

⁶²⁸ Affidavit sokongan untuk proses semakan ini oleh Tan Sri Datuk Murphy Nicholas Xavier a/l Pakiam yang bertarikh 16 Januari 2009. (Maklumat affidavit ini diperolehi atas bantuan Prof. Madya. Dr. Khadijah Khambali, Pensyarah Kanan, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada Disember 2010 dalam bentuk pdf.)

⁶²⁹ Kandungan sebanyak 22 hujah bagi pihak Gereja Katolik untuk tetap menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan Herald-The Catholic Weekly di dalam Kotak 3.13 di atas telah diringkaskan oleh penulis tanpa mengurangkan makna sebenar kandungan asal. Maklumat lanjut rujuk *Ibid*, Affidavit sokongan untuk proses semakan kehakiman oleh Tan Sri Datuk Murphy Nicholas Xavier a/l Pakiam yang bertarikh 16 Januari 2009, di muka surat 26-31.

Kotak 3.13: Hujah Gereja Katolik untuk menggunakan Kalimah Allah dalam penerbitan Herald-The Catholic Weekly

Hujah Gereja Katolik untuk menggunakan Kalimah Allah dalam penerbitan Herald-The Catholic Weekly

1. Istilah Allah dalam Bahasa Malaysia adalah istilah yang tepat dalam terjemahan God dalam Bible Bahasa Malaysia. Manakala istilah Lord diterjemahkan sebagai Tuhan.
2. Selama 15 abad umat Kristian dan Islam di Negara-negara Arab telah menggunakan istilah Allah sebagai merujuk kepada Tuhan yang unggul.
3. Bahasa Melayu telah menjadi *lingua franca* kebanyakan penganut Katolik untuk beberapa abad terutama mereka yang menetap di Melaka dan Penang serta bertutur dan berdoa dalam Bahasa Melayu.
4. Istilah God diterjemah sebagai Allah yang pertama kali diterbitkan pada tahun 1989 oleh Majlis Uskup-Uskup Katolik Se-Malaysia.
5. Kamus Bahasa Melayu-Latin telah menterjemahkan Deus (perkataan Latin untuk Tuhan) sebagai Allah dalam Bahasa Melayu.
6. Penggunaan perkataan Allah oleh agama Kristian wujud sebelum kedatangan Islam. Perkataan Allah merupakan nama Tuhan yang terkandung dalam Kitab Kristian Bahasa Arab yang lama dan baru.
7. Dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia istilah Allah digunakan secara berterusan dalam edisi cetak Matthew's Gospel dalam Bahasa Melayu pada tahun 1629. Kitab Kristian Lengkap Bahasa Melayu yang pertama pada tahun 1733 dan edisi kedua Kitab Lengkap Kristian Bahasa Melayu pada tahun 1879 sehingga ke hari ini dalam Perjanjian Baru an Al-Kitab.
8. Munshi Abdullah yang diterima sebagai bapa sastra Melayu moden telah menterjemahkan Gospel-Gospel kepada Bahasa Melayu pada 1852 dan menterjemahkan God sebagai Allah.
9. Sudah sedia wujud suatu Bible yang telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu sebelum 1957 yang dilaksanakan oleh British And Foreign Bible Society di mana istilah Allah digunakan.
10. Sudah sedia wujud suatu Buku Doa yang diterbitkan di Singapura pada 3.1.1905 di mana istilah Allah digunakan.
11. Juga sedia wujud satu penerbitan berjudul "An Abridgment of the Christian Doctrine" yang diterbitkan pada 1895 di mana istilah Allah digunakan.
12. Penerbitan yang bertajuk "Hikajat Elkaniset" yang diterbitkan pada 1874 juga mengandungi istilah Allah.
13. Penterjemahan Bible dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia iaitu Kitab Suci Umat Kristian telah digunakan oleh orang asal Kristian di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk beberapa generasi.
14. Orang-orang asal Kristian yang bertutur dalam Bahasa Malaysia di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah telah sentiasa dan berterusan menggunakan istilah Allah untuk beberapa generasi berdasarkan penterjemahan Bible dalam Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia yang digunakan di seluruh Malaysia.
15. Sejak beberapa dekad yang lepas umat Gereja yang berbahasa Malaysia telah dengan bebasnya menggunakan Al-Kitab iaitu penterjemahan Bahasa Indonesia bagi Kitab Bible yang menggunakan istilah Allah.
16. Penerbitan tersebut ialah penerbitan Katolik mingguan seperti yang dicetak pada mukanya dan diniatkan untuk penyebaran berita dan informasi mengenai Gereja Katolik di Malaysia dan tidak dijual atau diedarkan di luar Gereja.
17. Penerbitan tersebut juga tidak boleh didapati oleh orang awam khususnya orang Islam
18. Kandungan penerbitan tersebut tidak akan menimbulkan kekecohan awam atau menyentuh perasaan sensitif agama Islam walhal dalam 14 tahun penerbitan tersebut tiada timbul sebarang peristiwa yang tidak diinginkan ekoran penggunaan istilah Allah dalam penerbitan tersebut.
19. Dalam apa cara sekali pun istilah Allah telah digunakan oleh penganut Kristian di Negara-negara di mana Bahasa Arab dan Bahasa Indonesia/Melayu digunakan tanpa sebarang masalah.
20. Agama Islam dan kawalan dan sekatan doktrin dan kepercayaan di kalangan umat Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri dan Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai bidangkuasa kecuali di Wilayah-Wilayah Persekutuan.
21. Kebenaran pada tahun 1982 oleh kerajaan yang membenarkan Al-Kitab digunakan oleh penganut Kristian di gereja-gereja membenarkan penggunaan istilah Allah dalam penerbitan tersebut.
22. Penganut Gereja Katolik yang berbahasa Malaysia menggunakan istilah Allah dalam upacara sembahyang dan pengajaran dan penggunaan istilah Allah adalah juga dibenarkan dalam Al-Kitab.

Sumber: Affidavit sokongan proses semakan oleh Tan Sri Datuk Murphy Nicholas Xavier a/l Pakiam yang bertarikh 16 Januari 2009

3.6 Peranan Pemimpin Agama menangani isu-isu antara agama dalam konteks pelaksanaan dialog.

Pada bahagian ini penulis akan meneliti peranan yang dimainkan oleh pemimpin agama Islam dan Kristian bagi menangani isu-isu antara agama dalam konteks pelaksanaan dialog penyelesaian konflik. Fokus akan dilihat dari aspek pelaksanaan Inter Dialog dan Intra Dialog. Pembahagian ini dibuat bagi melihat bagaimana peranan yang dimainkan oleh pemimpin agama Islam dan Kristian menyelesaikan konflik yang berlaku melalui dialog penyelesaian konflik (Inter Dialog) bersama pemimpin-pemimpin agama dan seterusnya menjelaskan sesuatu isu itu kepada masyarakat sendiri melalui Intra Dialog. Untuk mendapatkan maklumat ini penulis akan meneliti (1) sumber maklumat organisasi yang menaungi pemimpin agama Islam dan Kristian seperti sumber elektronik dan bercetak. (2) Melalui kaedah wawancara wakil pemimpin agama.

3.6.1 (a) Peranan Pemimpin Agama Islam dalam pelaksanaan dialog penyelesaian konflik (Inter Dialog).

Penulis memulakan bahagian ini dengan beberapa kenyataan daripada beberapa pihak berwajib berkaitan peranan organisasi yang menaungi pemimpin agama Islam dalam hal berkaitan hubungan antara agama dan proses penjelasan tentang Islam kepada masyarakat bukan Muslim. Ini adalah kerana dengan kenyataan ini kesimpulan dapat dibuat sama ada pemimpin agama Islam melibatkan diri di dalam dialog ataupun sebaliknya.

Bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Datuk Dr. Mashitah Ibrahim telah menyatakan di dalam Parlimen bahawa “Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak terlibat berkaitan hubungan antara agama dan penjelasan tentang Islam kepada badan-badan bukan kerajaan (NGO) bukan Islam” dan hanya “berperanan sebagai agensi penyelarasan di peringkat pusat untuk negeri dan badan NGO Islam dalam perancangan dan pengurusan hal ehwal berkaitan Islam dan pembangunan umat Islam sahaja”.⁶³⁰ Sebaliknya peranan tersebut tambah beliau, dilaksanakan oleh badan-badan dakwah dan pertubuhan Islam bukan kerajaan seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Selain itu Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPIN) juga dipertanggungjawabkan untuk membangunkan usaha mempromosi persefahaman dan keharmonian antara penganut agama.⁶³¹

Manakala Tan Sri Dato’ Dr. Abdul Shukor Husin, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan yang mewakili kumpulan pemimpin agama Islam sebagaimana kerangka yang dibina oleh penulis dalam Bab Dua, turut menyokong kenyataan daripada Timbalan Menteri sebagaimana di atas. Beliau menyatakan bahawa hal-hal hubungan antara agama mahupun dialog antara agama bukan di bawah bidangkuasa⁶³² organisasi yang menaungi pemimpin-pemimpin agama Islam seperti Majlis Fatwa Kebangsaan mahupun Jabatan Mufti di peringkat negeri-negeri. Beliau menambah, pada hakikatnya tiada keperluan untuk

⁶³⁰ *Malaysiakini*, Mac 28, 2012, “Jakim tak terlibat aktiviti hubungan antara agama”, <http://www.malaysiakini.com/news/193411>, 29 Mac 2012. (Kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini adalah jawapan kepada soalan Datuk Taib Azimuddin Md Taib (PAS-Baling) berkaitan sejauhmana peranan Jakim memulakan dialog dengan NGO bukan Islam untuk menerangkan prinsip Islam dan hasilnya).

⁶³¹ *Ibid.*

⁶³² Apa yang dimaksudkan oleh beliau sebagai bidangkuasa adalah merujuk kepada bidangkuasa Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPIN), Jabatan Perdana Menteri. Ini juga secara khusus beliau merujuk kepada Jawatankuasa Untuk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama yang diletakkan di bawah Unit Perhubungan Agama. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada 24 Februari 2010.

pemimpin agama Islam memulakan pelaksanaan dialog dan secara khusus dalam dialog penyelesaian konflik dengan berdasarkan kepada beberapa perkara. Beliau menegaskan bahawa tiada keperluan untuk berdialog dalam (1) hal-hal doktrin agama terutama yang menyentuh doktrin agama Islam dan hal-hal dalaman Islam tidak kira sama ada perkara itu berkaitan dengan Akidah, Syariah dan Akhlak, (2) dalam perkara-perkara yang sudah sedia dipersetujui seperti dalam Kontrak Sosial, (3) perkara-perkara yang sudah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan terutama perkara berkaitan hal ehwal Islam, (4) perkara-perkara berkaitan hal ehwal Islam sebagaimana termaktub di dalam Enakmen-Enakmen Negeri. (5) Organisasi yang menaungi pemimpin agama Islam hanya bertanggungjawab kepada masyarakat Islam sahaja dalam menyampaikan setiap kefahaman berkaitan hal-hal agama dan bukan terhadap agama lain. Oleh itu tiada keperluan berdialog untuk menyampaikan kefahaman tersebut kepada masyarakat agama lain.⁶³³ Oleh itu beliau menambah dalam konteks isu-isu yang menimbulkan konflik di antara Islam dan Kristian seperti isu murtad –Lina Joy, pelaksanaan hudud, kalimah Allah dan yang berkait dengan empat perkara di atas maka tiada sebarang dialog akan dilaksanakan mahupun memenuhi jemputan daripada mana-mana wakil agama. Walaubagaimanapun dialog yang mungkin berlaku adalah dalam kalangan masyarakat Muslim dalam konteks memberi kefahaman tentang keputusan yang telah disepakati dalam sesuatu isu oleh badan-badan berwajib seperti Majlis Fatwa mahupun Jakim. Ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya iaitu Intra Dialog.

⁶³³ Maklumat ini diperolehi dalam wawancara penulis bersama Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin pada 4 Julai 2013 (Khamis), 9.30 pagi bertempat di Pejabat Pengerusi LPU, Aras 5, Bangunan Canselori, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. (Rujuk Lampiran 3.1 iaitu Surat Permohonan untuk mewawancara beliau) (Selepas ini penulis akan menggunakan kenyataan sumber maklumat diperolehi sebagai "Wawancara Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin" jika maklumat dirujuk kepada wawancara ini).

Selain itu bekas Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan, Jakim iaitu Ustaz Hj. Abdullah bin Hj. Abdul Rahman turut menegaskan “bahawa Jakim tidak terlibat secara serius di dalam pelaksanaan dialog antara agama di Malaysia. Penglibatan Jakim pada dasarnya hanya sekadar menyertai atau memenuhi undangan terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak-pihak lain terutama daripada Badan Bukan Kerajaan Bukan Islam”.⁶³⁴

Ini telah dikuatkan lagi dengan dakwaan Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat ketika memberi respon terhadap isu pertukaran agama Lina Joy yang berlarutan sehingga melibatkan kes perundangan yang didakwa beliau sebagai kegagalan pihak kerajaan untuk melaksanakan dialog antara sebagai platform untuk menyelesaikan isu tersebut. Beliau menyatakan,

“The fact that dissatisfaction and tension continue to be unresolved points to the failure of the government to achieve a broad consensus over the issue. This issue has been allowed to drag into an exceedingly protracted and rancorous debate due to the incompetence of our leaders. The solution does not lie with the judiciary as it is not regarded as independent and credible. Yet, the government has also decided to stop any form of religious discussion and dialogue that can address these issue. We call on the government to allow reasonable and responsible dialogue to take place to explore our common values while acknowledging our difference.”⁶³⁵

⁶³⁴ Kenyataan ini dipetik ketika penulis menjalankan kajian berkaitan realiti aplikasi dialog antara agama di Malaysia pada tahun 2004. Maklumat lanjut rujuk, Khairulnizam Mat Karim, “Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia:”, 163 (rujuk nota kaki 285).

⁶³⁵ Anwar Ibrahim, “Preserving the Spirit of the Constitution”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 15.

Maka dengan ini kajian mendapati adalah amat jelas bahawa pemimpin agama Islam di Malaysia tidak berperanan dalam melaksanakan dialog dan secara khusus dialog penyelesaian konflik sebagaimana fokus kajian ini. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan pada bahagian dasar strategik Jakim dan Jabatan Mufti di mana tiada sebarang perancangan strategik mahupun pelaksanaan strategik terhadap dialog dan hubungan antara agama di antara agama Islam dan agama-agama lain. Pada penelitian penulis perkara ini bukan perkara baru kerana ia telah berlarutan semenjak tahun 80an semasa pelaksanaan Dasar Islamisasi oleh kerajaan Malaysia lagi. Ini adalah kerana ajakan berdialog yang dianjurkan oleh badan agama-agama selain Islam tidak disambut baik oleh wakil Islam.⁶³⁶

3.6.1 (b) Peranan Pemimpin Agama Islam dalam pelaksanaan dialog penyelesaian konflik (Intra Dialog).

Dalam konteks Intra Dialog kajian mendapati bahawa pemimpin agama Islam melalui organisasi seperti JAKIM ada melaksanakan proses penyebaran maklumat dalam meningkatkan kefahaman masyarakat Muslim terhadap isu-isu antara agama terutama Islam-Kristian yang penulis kategorikan juga sebagai satu proses intra dialog. Pandangan ini juga turut diutarakan oleh Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan.⁶³⁷ Di antara mekanisma yang wujud adalah seperti peranan yang dimainkan oleh (a) laman sesawang Jakim, (b) penerbitan buku, (c) e-fatwa dan (d) e-khutbah. Pada pandangan penulis platform ini juga boleh digunakan secara tidak langsung sebagai mekanisma menyampaikan maklumat tentang Islam kepada penganut agama lain.

⁶³⁶ Maklumat lanjut berkaitan huraian ini sila rujuk, Khairulnizam Mat Karim, "Realiti Aplikasi Dialog Antara Agama di Malaysia:", 89-90.

⁶³⁷ Wawancara Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin.

(a) Laman sesawang

Laman sesawang adalah amat penting dalam menyebarkan setiap maklumat, pandangan, keputusan yang disepakati di kalangan pemimpin agama Islam dalam hal-hal yang melibatkan isu antara agama. Sebagai contoh isu Murtad-Lina Joy, Kalimah Allah, Negara Islam-Hudud. Semua maklumat, pandangan, keputusan yang disepakati mahupun hasil kajian bahagian penyelidikan Jakim dimuat-naik ke laman sesawang dengan pantas. Platform laman sesawang ini adalah amat penting bagi mempercepatkan proses penyampaian maklumat kepada masyarakat Muslim memandangkan untuk pemimpin agama berdialog *face to face* dengan semua masyarakat adalah suatu yang mustahil. Di antara artikel-artikel berkaitan isu-isu antara agama Islam-Kristian yang disediakan oleh Jakim di bahagian Rujukan adalah seperti “Murtad Bukan Hak Asasi”⁶³⁸, “Allah: Bukan Bahasa Bible”⁶³⁹, “Kalimah Allah: Bukan Bermakna ‘God’ Semata-Mata”⁶⁴⁰, “Hujah Tolak Guna Kalimah ‘Allah’ Oleh Kristian”.⁶⁴¹ Ini juga turut melibatkan laman sesawang Jabatan Mufti di setiap negeri.

⁶³⁸ Rujuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, http://www.islam.gov.my/sites/default/files/murtad_not_hak_asasi.pdf, 31 Julai 2013.

⁶³⁹ Rujuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, http://www.islam.gov.my/sites/default/files/isu_kalimah.pdf, 31 Julai 2013.

⁶⁴⁰ Rujuk, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, http://www.islam.gov.my/sites/default/files/kalimah_allah.pdf, 31 Julai 2013.

⁶⁴¹ Rujuk, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, http://www.islam.gov.my/sites/default/files/hujah_tolak_guna_allah_oleh_kristian.pdf, 31 Julai 2013.

(b) Penerbitan buku

Di antara penerbitan buku yang dikeluarkan oleh Jakim berkaitan dalam konteks memberi kefahaman terhadap masyarakat berkaitan isu antara agama adalah seperti buku yang bertajuk, “Mengapa Kalimah Allah, Satu Percubaan Menjelaskan Pengertian Ketuhanan Dalam Islam”⁶⁴². Kebanyakan buku terbitan Jakim diedar secara percuma.

(c) e-Fatwa

Di antara fungsi dibangunkan e-fatwa ini adalah untuk memudahkan “menyebarkan pandangan hukum/fatwa yang telah diputuskan dan memberikan pendidikan fatwa kepada masyarakat” khususnya Muslim⁶⁴³ terutama dalam konteks kajian ini penyebarannya adalah berkaitan isu-isu antara agama yang melibatkan penetapan fatwa. Di antara contoh fatwa yang dikeluarkan di dalam e-fatwa yang berkaitan dengan isu Islam dan Kristian adalah seperti isu Murtad⁶⁴⁴ dan Kalimah Allah dan penggunaan kalimah Islam oleh bukan Muslim.⁶⁴⁵

⁶⁴² Amriah Buang, *Mengapa Kalimah Allah, Satu Percubaan Menjelaskan Pengertian Ketuhanan Dalam Islam*, (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t).

⁶⁴³ Rujuk, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/bahagian-pengurusan-fatwa>, 7 Mac 2013.

⁶⁴⁴ Di antara fatwa adalah seperti, (1) Fatwa Mengenai Orang Islam Yang Cuba Keluar Dari Agama Islam(Murtad) Di Malaysia Umumnya dan Negeri Kelantan khususnya, rujuk e-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-orang-islam-yang-cuba-keluar-dari-agama-islam-murtad-di-malaysia-amnya>, 1 Ogos 2013, (2) Murtad, rujuk e-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/murtad-0>, 1 Ogos 2013; (3) Hukum Ikrar Seorang Yang Akan Murtad, rujuk e-Fatwa Portal Rasmi Fatwa Malaysia, , 1 Ogos 2013; (4) Masalah Wanita Yang Memeluk Agama Islam Telah Kembali Asal Dan Namanya Ditukar Kepada Nama Asalnya, rujuk e-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/masalah-wanita-yang-memeluk-agama-islam-telah-kembali-asal-dan-namanya-ditukar-kepada-0>, 1 Ogos 2013; Kembali Kepada Agama Asal (Murtad) Dan Minta Nama Ditukar Semula, rujuk e-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/masalah-wanita-yang-memeluk-agama-islam-telah-kembali-kepada-agama-asalnya-dan-minta-0>, 1 Ogos 2013.

⁶⁴⁵ Di antara fatwa adalah seperti , Isu Tuntutan Penganut Kristian Terhadap Penggunaan Kalimah Allah, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-tuntutan-penganut-kristian-terhadap-penggunaan-kalimah-allah>, 7 Mac 2013, Fatwa Mengenai Kalimah-Kalimah Suci Yang Khusus Bagi Agama Islam Dan Tidak

(d) Khutbah Jumaat dan e-Khutbah

Dalam wawancara bersama wakil ketua agama Islam iaitu Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin, Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, beliau menyatakan bahawa di antara platform yang baik untuk menyampaikan maklumat berkaitan isu-isu antara agama dalam konteks Intra Dialog kepada masyarakat Islam juga adalah menggunakan saluran khutbah Jumaat.⁶⁴⁶ Ini adalah kerana pada waktu ini masyarakat Islam berhimpun dalam kadar yang ramai dan membolehkan sesuatu maklumat tersebar dengan cepat. Ini secara langsung dapat memberi kefahaman kepada masyarakat Muslim akan hal-hal atau isu-isu yang melibatkan Islam dan agama lain khususnya isu-isu antara Islam dan Kristian sepertimana fokus kajian ini. Walaubagaimanapun dalam carian penulis terhadap teks-teks khutbah, e-khutbah yang disediakan oleh Jakim,⁶⁴⁷ kajian mendapati tidak terdapat khutbah yang membincangkan isu-isu antara agama terutama isu-isu yang melibatkan Islam dan Kristian seperti isu murtad, pelaksanaan hudud, isu penggunaan kalimah Allah sepertimana yang terdapat dalam bahagian laman sesawang di bahagian Rujukan, penerbitan dan e-fatwa. Pada pandangan penulis, aspek ini memerlukan satu kajian khusus termasuk teks-teks khutbah di peringkat negeri-negeri yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti setiap negeri. Oleh itu penulis tidak akan membuat penelitian mendalam akan hal ini.

Boleh Digunakan Agama-Agama Bukan Islam, rujuk e-Fatwa, Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-mengenai-kalimah-kalimah-suci-yang-khusus-bagi-agama-agama-islam-dan-tidak-bole-0>, 1 Ogos 2013;

⁶⁴⁶ Wawancara bersama Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Husin.

⁶⁴⁷ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/khutbah-online>, 1 Ogos 2013.

3.6.2 (a) Peranan Pemimpin Agama Kristian dalam pelaksanaan dialog penyelesaian konflik (Inter Dialog).

Penulis memulakan bahagian ini dengan sebuah kenyataan daripada bekas Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Persekutuan Kristian Malaysia iaitu Bishop Paul Tan Chee Ing, SJ dalam menyatakan bahawa masyarakat Kristian khususnya pihak pemimpin agama Kristian sentiasa memainkan peranan untuk meningkatkan hubungan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang agama, bangsa dan budaya. Beliau menyatakan,

“The Christian Federataion of Malaysia will continue to cooperate with the government and all Malaysians to uphold the Government’s vision of upholding the multiracial, multicultural and multi-religious character of our nation”.⁶⁴⁸

Beliau turut menyatakan bahawa, dasar hubungan antara agama dan secara khusus pelaksanaan dialog antara agama mahupun dialog penyelesaian konflik adalah menjadi salah satu dasar utama Persekutuan Kristian Malaysia. Kajian mendapati juga bahawa dasar ini bukan sekadar dasar yang baru dirancang oleh badan-badan Kristian tetapi ia adalah satu perintah agama Kristian untuk membuka hubungan dan membina hidup yang saling memahami dan bertoleransi di kalangan pelbagai penganut agama.⁶⁴⁹

⁶⁴⁸ Paul Tan Chee Ing, SJ, “Saddened by decision”, dalam *Religion Under Siege? Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*, ed. Nathaniel Tan dan John Lee, (Kuala Lumpur: Kinibooks, 2008), 26. Kenyataan ini telah dikeluarkan oleh beliau selepas Mahkamah Persekutuan menolak rayuan Lina Joy untuk membuang perkataan “Islam” daripada kad pengenalnya serta menegaskan bahawa orang yang beragama Islam tidak dibenarkan keluar Islam di bawah Artikal 11 Perlembagaan Persekutuan sesuka hati kecuali mendapat kebenaran atau diperakui oleh Mahkamah Shariah.

⁶⁴⁹ *Ibid.* (Pada ketika ini penulis mengandaikan bahawa kenyataan beliau ini juga merujuk kepada perbincangan yang dikupas oleh penulis dalam Bab 2 iaitu agama Kristian pada dasarnya membuka ruang dalam proses membina hubungan bersama agama selain Kristian dan secara khusus dalam pelaksanaan dialog antara agama).

Memandangkan di Malaysia terdapat tiga badan Kristian utama yang bernaung di bawah Persekutuan Kristian Malaysia iaitu Gereja Katolik, Majlis Gereja SeMalaysia dan Gereja Evangelikal maka setiap badan ini mempunyai perancangan mereka tersendiri dalam proses menjalankan aktiviti dialog antara agama mahupun secara khusus dialog penyelesaian konflik.⁶⁵⁰ Walaubagaimanapun ia tetap selari dengan apa yang telah diputuskan oleh Ahlijawatankuasa Persekutuan Kristian Malaysia. Ini adalah kerana di dalam Persekutuan Kristian Malaysia terdapat wakil daripada ketiga-tiga badan ini untuk memaklumkan setiap keputusan yang telah dibuat. Manakala dalam isu-isu nasional yang melibatkan antara Kristian dan Islam contohnya, maka keputusan atau sebarang tindakan penyelesaian akan diputuskan melalui Ahlijawatankuasa Persekutuan Kristian Malaysia yang mewakili seluruh pemimpin agama Kristian.⁶⁵¹

Walaupun pelaksanaan dialog antara agama menjadi sebahagian dasar utama Persekutuan Kristian Malaysia tetapi mereka mempunyai halangan yang besar ketika melaksanakannya. Ini berpunca daripada badan yang bertanggungjawab dan berautoriti bagi hal ehwal Islam di Malaysia iaitu JAKIM tidak terlibat dalam hal-hal hubungan antara agama mahupun berdialog, apatah lagi menjalankan dialog untuk penyelesaian konflik. Tambahan lagi apabila berlaku sesuatu isu antara agama biasanya pihak Kristian akan berdepan secara terus dengan pihak kerajaan dan bukan badan-badan atau wakil-wakil agama Islam yang terdiri daripada pemimpin agama. Maka proses pelaksanaan dialog di antara pemimpin tidak berlaku. Ini menyukarkan pihak pemimpin agama Kristian untuk

⁶⁵⁰ Penulis telah mengkaji ketiga-tiga badan agama kristian di atas dan mendapati maklumat yang dinyatakan Persekutuan Kristian Malaysia adalah tepat kerana maklumat yang telah diteliti oleh penulis mendapati hubungan antara agama dan dialog antara agama adalah menjadi salah satu dasar dan matlamat utama setiap badan agama tersebut. Ini telah dihuraikan oleh penulis dengan lebih lanjut dalam Bab Tiga, bahagian “Dasar Organisasi yang menaungi Pemimpin Agama Kristian”.

⁶⁵¹ *Ibid.*

menerangkan atau memberi kefahaman serta penjelasan kepada masyarakat Islam khususnya tentang sesuatu konflik yang timbul.⁶⁵²

Maka kajian ini mendapati bahawa pemimpin agama Kristian di Malaysia mempunyai usaha dan berperanan ke arah melaksanakan dialog antara agama dan secara khusus dialog penyelesaian konflik sebagaimana fokus kajian ini. Walaubagaimanapun ia tidak dapat dilaksanakan kerana tiada komitmen daripada organisasi yang menaungi pemimpin agama Islam iaitu JAKIM dan secara khusus Majlis Fatwa Kebangsaan dan Jabatan Mufti setiap negeri di mana menjadi fokus utama dalam kajian ini.

⁶⁵² *Ibid.*

3.6.2 (b) Peranan Pemimpin Agama Kristian dalam pelaksanaan dialog penyelesaian konflik (Intra Dialog)

Dalam konteks Intra Dialog kajian mendapati bahawa pemimpin agama Kristian melalui tiga badan Kristian yang utama iaitu Gereja Katolik, Majlis Gereja Se Malaysia dan Gereja Evangelikal ada melaksanakan proses penyebaran maklumat dalam meningkatkan kefahaman masyarakat Kristian terhadap isu-isu antara agama terutama Kristian-Islam. Berdasarkan maklumbalas Persekutuan Kristian Malaysia, ia amat berkesan dan boleh dikategorikan sebagai proses Intra Dialog untuk masyarakat Kristian di Malaysia. Di antara mekanisma yang digunakan oleh agama Kristian adalah seperti peranan yang dimainkan oleh (a) laman sesawang badan agama utama Kristian , (b) buletin berkala, (c) perhimpunan agama, (d) majlis-majlis dialog anjuran badan agama. Pada pandangan penulis platform ini juga boleh digunakan secara tidak langsung sebagai mekanisma menyampaikan maklumat tentang Islam kepada penganut agama lain. Penulis turut meneliti mekanisma Intra Dialog bagi agama Kristian seperti di bawah:

(a) Lawan sesawang badan utama Kristian

Memandangkan Persekutuan Kristian Malaysia tiada mempunyai laman sesawangnya sendiri maka maklumat-makluman yang ingin disebarkan sama ada untuk tatapan umum atau khusus kepada masyarakat Kristian adalah melalui laman sesawang badan agama utama Kristian seperti laman sesawang (i) Gereja Katolik Malaysia melalui laman

sesawang Herald Malaysia Online, (ii) Majlis Gereja Se Malaysia dan (iii) Gereja Evangelikal.

(a) Laman sesawang.

(i) Laman Sesawang Herald Malaysian Online:

Herald Malaysian Online ini diterbitkan dalam empat bahasa iaitu (1) Bahasa Inggeris, (2) Bahasa Malaysia, (3) Bahasa Cina dan (4) Bahasa Tamil. Ini adalah untuk memudahkan masyarakat Kristian dari pelbagai etnik dan kaum untuk memahami ketepatan setiap kandungan maklumat yang disebarkan. Bahagian yang dilihat agak aktif menyebarkan maklumat berkaitan isu-isu semasa antara agama di Malaysia adalah bahagian Malaysian Church News.⁶⁵³

(ii) Laman sesawang Majlis Gereja Se Malaysia

Terdapat lapan bahagian utama di mana maklumat dapat disebarkan oleh wakil Ketua Agama kepada masyarakat Kristian. Walaubagaimanapun penulis melihat dua

⁶⁵³ Penulis tidak dapat menunjukkan sebarang maklumat berkaitan isu-isu Islam-Kristian sebagaimana fokus kajian ini dalam tempoh kajian iaitu 2001-2010 memandangkan Arkib bagi Bahagian Malaysian Church News dalam Herald Malaysian Online hanya selepas Januari 2011. Walaubagaimanapun isu semasa yang sedang berlaku yang disebarkan oleh Herald Malaysian News melalui Archbishop Murphy Pakiam dan berkaitan dengan fokus kajian penulis adalah Isu Kalimah Allah. Rujuk artikal berkaitan dalam, Herald Malaysia Online, Ogos 16, 2013, "Najib's solution on use of 'Allah' must be hold: Archbishop Murphy", <http://www.heraldmalaysin.com/news/Najib's-solution-on-use-of-'Allah'-must-hole-Archbishop-Murphy-16548-0-1.html>, 20 Ogos 2013 (Bahasa Inggeris), Herald Malaysia Online, Ogos 16, 2013, "Penyelesaian kata "Allah" oleh PM harus dijunjung", <http://heraldmalaysia.com/news/Penyelesaian-kata-'Allah'-oleh-PM-harus-dijunjung-16607-19-1.html>, 20 Ogos 2013.

bahagian iaitu Bahagian Berita (Mesej dan Laporan)⁶⁵⁴ dan Bahagian Kenyataan Media⁶⁵⁵ menjadi platform utama proses Intra Dialog berlangsung.

(iii) Laman sesawang Gereja Evangelikal.

Terdapat dua bahagian utama yang menjadi platform utama bagi Gereja Evangelikal menyebarkan maklumat-maklumat penting kepada masyarakatnya, iaitu (1) Berita NECF⁶⁵⁶ dan (2) Kenyataan Media.⁶⁵⁷

⁶⁵⁴ Walaubagaimanapun bahagian ini tidak mempunyai arkib bagi membolehkan penulis meneliti sebarang berita yang berbentuk mesej daripada pemimpin agama Kristian kepada masyarakatnya dalam tempoh kajian iaitu tahun 2001-2010 terutama isu yang menjadi fokus kajian. Walaubagaimanapun penulis bawakan satu mesej daripada bekas Pengerusi Persekutuan Kristian Malaysia iaitu Bishop Datuk Ng Moon Hing pada tahun 2012 berkaitan nasihat menjelang Pilihanraya Umum ke 13 yang bertajuk “Vote Wisely, Vote for a better Malaysia”. Mesej ini ditujukan kepada Gereja-Gereja Kristian dan masyarakat Kristian di Malaysia. Maklumat lanjut rujuk, Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia, Julai 18, 2012, “Vote Wisely, Vote for a better Malaysia”, <http://ccmalaysia.org/index.php/2012/08/cfm-letter-13-ge/>, 21 Ogos 2013.

⁶⁵⁵ Bahagian ini juga tiada menyediakan arkib bagi membolehkan penulis meneliti kenyataan media berkaitan isu-isu antara agama yang menjadi fokus kajian tahun 2001-2010. Walaubagaimanapun penulis bawakan kenyataan media semasa Persekutuan Kristian Malaysia di dalam laman sesawang Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia yang berkaitan dengan isu yang menjadi fokus kajian iaitu isu Kalimah Allah dan Penerbitan Bible Bahasa Melayu. Maklumat Lanjut rujuk, Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia, Mei 2, 2013, “Christian Appalled by Statements of MB and Minister”, <http://ccmalaysia.org/index.php/2013/07/christians-appalled-at-mb-and-ministers-statements/>, 21 Ogos 2013, Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia, Mei 2, 2013, “Proposed Bible Burning an Abhorrent Act”, <http://ccmalaysia.org/index.php/2013/02/cfm-media-statement-proposed-bible-burning-an-abhorrent-act-22-jan-2013/>, 21 Ogos 2013.

⁶⁵⁶ Memandangkan Laman sesawang Gereja Evangelikal mempunyai arkib sehingga tahun 2000 maka penulis dapat meneliti maklumat-maklumat yang berkaitan fokus kajian iaitu tahun 2001-2010. Di antara contoh berita yang terdapat berkaitan fokus isu-isu antara Islam dan Kristian di Malaysia adalah isu (1) kalimah Allah. Rujuk, National Evangelical Christian Fellowship, Oktober 4, 2010, “The ‘Allah’ Journey in Malaysia (Allah form birth to death-word used by East Malaysia Bahasa-Speaking Christians throughout life)”, <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=2&action=view&retrieveid=1233>, 21 Ogos 2013. (2) Isu Perdebatan Malaysia Negara Islam, rujuk, National Evangelical Christian Fellowship, Oktober 9, 2007, “The Christian Federation of Malaysia (CFM) Statement (A constitutional democracy, not an Islamic State)”, <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=2&action=view&retrieveid=914>, 21 Ogos 2013. (3) Isu Kebebasan Beragama di Malaysia, rujuk, National Evangelical Christian Fellowship, April 11, 2007, “CFM: Guarantee non-Muslim right to find justice in civil court”, <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=2&action=view&retrieveid=867>, 21 Ogos 2013.

⁶⁵⁷ Arkib maklumat yang disediakan adalah sehingga tahun 2003. Di antara contoh Kenyataan Media berkaitan isu-isu antara agama yang menjadi fokus kajian ini yang dikeluarkan oleh Gereja Evangelikal adalah seperti (1) Isu Kalimah Allah, rujuk National Evangelical Christian Fellowship, Januari 6, 2010, “The Catholic Weekly, The Herald and the case on the use of the Word ‘Allah’”, <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=43&action=view&retrieveid=1151>, 2 Ogos 2013. (2) Isu Rampasan Bible, rujuk, National Evangelical Christian Fellowship, November 4, 2009, “CFM calls for immediate release of 15000 Bible”, <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=43&action=view&retrieveid=1131>, 21 Ogos 2013. (1)

(b) Buletin berkala: Herald Catholic Weekly, NECF-Quarterly News

Terdapat dua buletin yang diterbitkan oleh badan agama utama Kristian iaitu (1) Herald Catholic Weekly oleh Gereja Katolik. Buletin ini dicetak dan juga diterbitkan dalam bentuk online sebagai Herald Malaysia Online. Penerbitan ini ialah penerbitan Katolik mingguan seperti yang dicetak pada mukanya dan diniatkan untuk penyebaran berita dan informasi mengenai Gereja Katolik di Malaysia dan tidak dijual atau diedarkan di luar Gereja. Penerbitan tersebut juga tidak diedarkan orang awam khususnya orang Islam.⁶⁵⁸ (2) NECF-Quarterly News diterbitkan oleh Gereja Evangelikal. Buletin ini diterbitkan tiga bulan sekali serta diterbitkan juga secara online dalam format PDF.⁶⁵⁹

(c) Perhimpunan agama: *Sunday Gathering*

Berdasarkan maklumat Persekutuan Kristian Malaysia, bahawa perhimpunan agama juga dilihat praktikal untuk dijadikan sebagai medan melaksanakan Intra Dialog ke arah penyelesaian konflik agama. Ini adalah kerana pada hari tersebut sebagai contoh pada

Isu Kebebasan Beragama di Malaysia, rujuk, National Evangelical Christian Fellowship, Januari 25, 2006, "Judge Interpretation Creates Conflict", <http://www.necf.org.my/newsmaster.cfm?&menuid=43&action=view&retrieveid=684>, 21 Ogos 2013.

⁶⁵⁸ Maklumat lanjut rujuk Kotak 3.13 iaitu Affidavit sokongan untuk proses semakan kehakiman oleh Tan Sri Datuk Murphy Nicholas Xavier a/l Pakiam yang bertarikh 16 Januari 2009, di muka surat 26-31. Maklumat ini pada bilangan 17 dan 17 affidavit.

⁶⁵⁹ National Evangelical Christian Fellowship, NECF Berita, <http://www.necf.org.my/index.cfm?&menuid=21>, 22 Ogos 2013. Di antara artikel contoh yang dipaparkan di dalam buletin ini yang berkaitan dengan fokus kajian adalah seperti isu (1) Kalimah Allah. Rujuk, Christian Federation of Malaysia, September –Oktober 2010, "The 'Allah' Journey in Malaysia (Allah form birth to death-word used by East Malaysia Bahasa- Speaking Christians throughout life)", *NECF Berita*. Puchong: National Evangelical Christian Fellowship Malaysia, halaman 4 dan 6. (2) Isu Kebebasan Beragama, rujuk *NECF Berita*, September –Oktober 2010, "Fuss free way to change religion data in MyKad: Baptisme certificate not required", Puchong: National Evangelical Christian Fellowship Malaysia, h.5. (3) Artikel rangkuman isu-isu kebebasan beragama di Malaysia yang melibatkan Kristian seperti kes Lina Joy, Penerbitan Bible Bahasa Melayu, Kalamah Allah, percanggahan Undang-undang Sivill dan Shariah dan lain-lain. Rujuk, *NECF Berita*, November-Disember 2006, "Report Religious Freedom in Malaysia Tightened", Puchong: National Evangelical Christian Fellowship Malaysia, 2-3. (3) Isu Malaysia sebagai Negara Islam, rujuk *NECF Berita*, November-Disember 2001, "What Makes an Islamic State", Petaling Jaya: National Evangelical Christian Fellowship Malaysia, 3.

Sunday Gathering⁶⁶⁰ masyarakat Kristian akan datang ke gereja bagi mendengar *Sermon*⁶⁶¹ yang disampaikan oleh paderi yang dipertanggungjawabkan di gereja masing-masing. Pada kesempatan ini paderi boleh menyeru masyarakat Kristian yang hadir untuk membina hubungan baik sesama masyarakat bukan Kristian, bertoleransi mahupun memberi kefahaman tentang isu semasa antara agama yang sedang berlaku mahupun sebarang keputusan yang telah disepakati dalam pelaksanaan dialog di antara pemimpin-pemimpin agama. Malangnya kata beliau dialog antara pemimpin agama terutama pemimpin agama Islam dan agama lain tidak berlaku. Tambah beliau lagi hanya nasihat-nasihat berkaitan teori agama seperti keperluan membina perpaduan saja dapat disampaikan.

(d) Penerbitan buku

Terdapat hanya satu buku yang diterbitkan oleh Gereja Evangelikal berkaitan dengan isu-isu antara agama yang berlaku di Malaysia seperti isu kebebasan beragama dalam Perlembagaan Malaysia, isu Lina Joy, proses Islamisasi di Malaysia dan beberapa isu hak asasi manusia. Buku tersebut bertajuk, “Religious Liberty After 50 Years of Independence”.

⁶⁶⁰ Tujuan perhimpunan ini adalah untuk menggalakkan dan meningkatkan masyarakat Kristian ke arah mencintai Tuhan dan membina keimanan, bertafakur membina kenalan baru di kalangan penganut Kristian yang hadir.

⁶⁶¹ Ia suatu Khutbah adalah satu pidato ahli ulama dan dalam kontek sekarang adalah paderi di gereja. Khutbah menangani, teologi, topik agama, atau moral Bible, biasanya menghuraikan hal kepercayaan, keimanan, undang-undang atau tingkah laku dalam konteks semasa. Unsur-unsur dakwah termasuk pameran, pengajaran dan aplikasi praktikal juga turut disampaikan. Maklumat lanjut rujuk Webster's Onle Dictionary, <http://www.webster-dictionary.org/definition/Sermon>, 22 Ogos 2013.

(e) Majlis dialog/ Bengkel/Seminar

Kajian juga mendapati bahawa badan-badan utama Kristian turut mengadakan majlis-majlis dialog antara agama sama ada sasarannya adalah untuk masyarakat Kristian sahaja mahupun untuk disasarkan kepada umum. Panel pada majlis dialog adalah bergantung kepada tujuan dan fokus isu yang ingin dibincangkan sama ada daripada kalangan pemimpin agama sahaja mahupun golongan professional seperti ahli akademik, pengamal undang-undang dan golongan aktivis yang bergiat aktif dalam badan-badan keagamaan dan kerja-kerja aktivisme bagi isu-isu yang melibatkan masyarakat Kristian. Dalam majlis seperti ini pemimpin agama mahupun wakil yang dijemput sebagai panel turut memainkan peranan dalam memberi kefahaman yang sebenar tentang sesuatu isu yang berlaku sama ada dari konteks agama mahupun kenegaraan seperti hal-hal yang termaktub dalam perlembagaan dan perundangan.⁶⁶²

3.7 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan dalam bahagian-bahagian Bab Tiga ini, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan.

⁶⁶² Di antara contoh majlis dialog yang dianjurkan yang berbentuk umum seperti (1) International Consultation on Globalisation yang berlangsung pada 31 Januari 2001- 2 Februari 2001, yang dihadiri oleh pemimpin agama Kristian. Maklumat lanjut rujuk, National Evangelical Christian Fellowship of Malaysia, <http://www.necf.org.my/index.cfm?menuid=34&parentid=27>, 22 Ogos 2013. (2) Seminar Liberty After 50 Years of Independence yang berlangsung pada 11 Ogos 2007. Program ini dihadiri oleh wakil daripada pemimpin agama Kristian dan juga wakil-wakil daripada badan-badan agama, ahli akademik dan professional di samping masyarakat umum terutama difokuskan kepada masyarakat bukan Muslim. Di antara isu-isu yang dibincangkan adalah isu kebebasan beragama di Malaysia, isu-isu pertembungan undang-undang sivil dan shariah yang berkaitan kebebasan beragama, isu proses islamisasi di Malaysia yang memberi kesan langsung kepada masyarakat bukan Muslim terutama masyarakat Kristian dan isu hak asasi manusia. Maklumat lanjut rujuk, National Evangelical Christian Fellowship of Malaysia, <http://www.necf.org.my/index.cfm?menuid=160&parentid=39>, 22 Ogos 2013. Contoh-contoh lain yang difokuskan kepada kaum wanita sahaja seperti, (1) NECF Woman's Consultation, berlangsung pada 11 Oktober 2008, (2) Envision Your Destiny Seminar for Young Christian Women yang berlangsung pada 20 Mac 2010 dan (3) Single Women Ministers and Full Time Workers Retreat yang berlangsung pada 10 September 2009. Di antara fokus program-program ini adalah untuk membincangkan hal-hal wanita masyarakat Kristian di Malaysia dalam pelbagai isu termasuk isu-isu antara agama dan hak asasi wanita terutama yang berkaitan hal-hal perundangan sivil dan shariah di samping isu-isu pembangunan wanita. Maklumat lanjut rujuk National Evangelical Christian Fellowship of Malaysia, <http://www.necf.org.my/index.cfm?&menuid=176&parentid=175>, 22 Ogos 2013.

1. Kajian mendapati bahawa Dasar Pembangunan negara dari tahun 2001 hingga 2010 iaitu Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Kesembilan termasuk Gagasan Islam Hadhari dan 1Malaysia terdapat idea dan perancangan secara jelas terhadap pelaksanaan dialog antara agama dalam pelbagai bentuk aktiviti dan platform. Kajian melihat bahawa dasar ini bermatlamatkan membina masyarakat yang mempunyai ciri-ciri toleransi, perpaduan, keamanan, kemakmuran, integrasi, perkongsian maklumat tambahan dalam negara yang mempunyai pelbagai latarbelakang agama, etnik dan budaya.
2. Manakala dalam dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak sebagai urusetia kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) dan menjadi badan yang menaungi kumpulan pemimpin agama Islam tidak menekankan hal-hal hubungan antara agama mahupun pelaksanaan dialog antara agama di dalam pelan strategiknya. Walaupun secara dasarnya di dalam dasar penerapan nilai-nilai Islam terutama Islam Hadhari wujud penegasan terhadap keperluan membina hubungan dan dialog antara agama. Hal yang sama berlaku kepada dasar Jabatan-Jabatan Mufti negeri tidak menjadikan proses pelaksanaan dialog antara agama sebagai salah satu strategik utama organisasi. Manakala di peringkat unit dakwah Jabatan Agama Negeri terdapat tujuh negeri yang meletakkan perancangan unitnya untuk berdakwah, berdialog dan berkomunikasi dengan masyarakat bukan beragama Islam.

3. Merujuk kepada perkara 2 seperti di atas, kajian menunjukkan bahawa dasar Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang bertindak sebagai organisasi yang menaungi kumpulan pemimpin agama Islam di peringkat nasional tidak selari dengan dasar kerajaan berkaitan hal-hal hubungan antara agama sebagaimana terdapat di dalam Rancangan Malaysia Kelapan(RM8) dan Rancangan Malaysia Kesembilan (RM9).

4. Setelah meneliti sumber-sumber dokumentasi daripada organisasi yang menaungi pemimpin agama Kristian iaitu Gereja Katolik, Majlis Gereja-Gereja Se Malaysia dan Gereja Evangelikal yang bernaung di bawah Persekutuan Kristian Malaysia, kajian menunjukkan bahawa setiap organisasi ini mempunyai dasar dan objektif yang jelas dalam hal-hal membina hubungan antara agama dan juga galakan terhadap pelaksanaan dialog antara agama. Ia juga secara khusus telah dinyatakan untuk pihak gereja membina hubungan damai terhadap masyarakat Muslim.

5. Kajian terhadap isu-isu utama antara Islam dan Kristian sekitar tahun 2001-2010 menunjukkan bahawa aliran perbincangan masalah yang timbul kebanyakannya dibincang daripada perspektif (a) Perlembagaan Malaysia dan perundangan serta tidak dibahaskan daripada perspektif agama iaitu agama Islam mahupun Kristian. Ini adalah disebabkan oleh kegagalan pemimpin-pemimpin agama untuk berdialog dan memahami isu yang menjadi konflik dari perspektif agama masing-masing. (b) Dialog antara pemimpin agama dalam menyelesaikan isu-isu antara agama tidak berlaku di antara pemimpin agama Islam dan Kristian. (c) Disebabkan tidak berlaku dialog maka mahkamah dijadikan tempat menuntut hak dan kemenangan

dalam sesuatu hal. Oleh itu kajian mendapati bahawa jika hal-hal konflik agama dibahaskan di mahkamah secara berterusan maka ia akan membawa kepada perbalahan agama yang berpanjangan.

6. Pelaksanaan dialog di antara pemimpin Islam dan Kristian dalam konteks penyelesaian konflik tidak berlaku. Kajian mendapati hal ini berlaku adalah disebabkan dasar organisasi yang menaungi pemimpin Islam tidak meletakkannya sebagai suatu dasar yang penting berbanding dengan dasar organisasi yang menaungi pemimpin Kristian. Maka jika salah satu kumpulan pemimpin agama tidak mahu berdialog maka dialog tidak akan berlaku.

7. Intra Dialog di kalangan pemimpin agama mahupun wakil-wakil badan-badan agama dengan masyarakat masing-masing telah berlaku dalam mekanisma yang pelbagai. Mekanisma tersebut seperti melalui (a) laman sesawang badan-badan agama masing-masing, (b) buletin berkala, (c) penerbitan buku, (d) majlis-majlis dialog, (e) perhimpunan-perhimpunan agama dan (f) aktiviti-aktiviti kursus/bengkel yang berciri intra dialog. Walaubagaimanapun kajian mendapati bahawa kandungan kepada mekanisma Intra Dialog ini adalah terarah kepada memberi justifikasi atau hujah-hujah yang bersifat eksklusif terhadap hujah agama masing-masing. Pada pandangan penulis kandungan mekanisma Intra Dialog ini bukan bersifat suatu keputusan atau kesepakatan yang telah dicapai oleh pemimpin agama Islam dan Kristian dalam menyelesaikan isu-isu yang sedang berlaku. Ini disebabkan oleh kerana dialog antara pemimpin agama tidak berlaku, maka kandungan Intra Dialog ke arah penyelesaian konflik juga tidak berlaku.